

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
Rabu, 26 April 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Saya jemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

**Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada
Dewan Negara**

“25 April 2000.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya.

1. Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (Pindaan) 2000;
2. Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2000;
3. Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2000; dan
4. Rang Undang-undang Hakcipta (Pindaan) 2000;

Yang ikhlas,

t.t.

“YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”.

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Charern Intachat** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Badan Pencegah Rasuah memperolehi kes-kes rasuah dari usaha dan inisiatif pegawai-pegawai Badan Pencegah Rasuah sendiri atau hanya mengambil tindakan apabila ada laporan dan maklumat diterima.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, Badan Pencegah Rasuah menerima maklumat dari pelbagai bentuk dan tindakan-tindakan yang diambil adalah berdasarkan kualiti maklumat yang diterima dan sama ada kesalahan yang dilakukan tertakluk dalam bidang kuasa BPR atau tidak.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai BPR juga berusaha mencari dan mendapatkan maklumat melalui risikan atau sumber-sumber mereka sendiri. Dari tahun 1998 hingga bulan Februari 2000 sejumlah 4,131 maklumat ataupun 22.3% telah diperolehi dari usaha dan inisiatif pegawai BPR sendiri berbanding dengan 18,558 maklumat yang diterima dalam tempoh tersebut.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah kerajaan menjelaskan dakwaan sesetengah pihak terutama sekali dari parti pembangkang kerana BPR ini dilihat seolah-olah memilih bulu di dalam menyelesaikan masalah kes-kes rasuah sehingga boleh melambatkan satu-satu keputusan dan pada hari ini kita nampak BPR telah berusaha untuk merapatkan organisasi dengan masyarakat. Bolehkah Yang Berhormat dapat menerangkan pendekatan-pendekatan baru yang telah dijalankan oleh BPR. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, memang parti pembangkang sentiasa hendak merendahkan martabat BPR. Tetapi kalau kita melihat dari sejarah kita mengetahui bahawa ada beberapa tokoh

juga telah disiasat, malah juga telah diuduh dan didapati bersalah di mahkamah. Inilah satu buktinya bahawa BPR tidak memilih bulu, tetapi BPR juga tidak boleh menangkap ataupun menyiasat orang tanpa asas.

Yang kedua, ada juga aduan bahawa BPR melengah-lengahkan sesuatu siasatan. Ini adalah tidak benar kerana sebelum BPR menyampaikan hasil siasatan kepada Peguam Negara ia hendak memastikan segala maklumat yang didapati adalah tepat, saksi-saksi yang diperlukan didapati dan kes itu adalah satu kes yang munasabah. Jadi, satu-satu kes untuk disiasat kadang-kadang mengambil masa tiga, empat, lima tahun. Kita ada beberapa kes, lebih kurang tujuh kes yang mengambil masa yang begitu lama.

Walau bagaimanapun, BPR melalui penerangannya mendedahkan kepada rakyat betapa penting rakyat bekerjasama dan dengan teknologi maklumat yang ada sekarang BPR ada website di mana kita dapat berhubung terus dengan BPR dan memberi maklumat-maklumat yang tertentu supaya BPR dapat menjalankan tugas dengan lebih berkesan.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan bercadang memberikan reward kepada orang-orang yang melaporkan tentang rasuah berdasarkan nilai jenayah yang dilakukan itu?

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Setakat sekarang kita belum ada pendekatan itu tetapi kita boleh timbangkan kalau perlu.

Dato' Tee Thiong Hock: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Minta sedikit penjelasan dan satu pertanyaan sahaja. Tadi kita dengar BPR ada buat penerangan kepada rakyat. Di sini saya mahu bertanya apa jenisnya, adakah pihak kerajaan ataupun kementerian anggap selain dari tindakan-tindakan yang dibuat sekarang ini melalui tindakan mahkamah efektif ataupun pencegahan rasuah melalui cara educational atau preventive juga berkesan. Kalau ada, apa jenisnya yang dijalankan seperti road show, dengan izin, ataupun taklimat. Selain daripada itu, adakah kementerian anggap pada masa sekarang ini siri televisyen yang ditayangkan, saya tak berapa pasti, not too sure, dengan izin, apa tajuknya, ICAC dari Hong Kong berkenaan dengan BPR, yang tiap-tiap kali saya tengok, saya agak itu ada satu cara yang cukup berkesan. Adakah kementerian berminat melalui kementerian lain buat

satu televisyen siri tayangkan seperti ICA tiap-tiap malam pada masa yang sesuai untuk semua rakyat melihatnya.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih kepada Yang Berhormat dan terima kasih kepada minat Yang Berhormat untuk mengetahui mengenai aktiviti-aktiviti BPR ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf kepada Yang Berhormat kerana soalan ini telah pun dijawab pada hari pertama. Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat ada di sini, tetapi saya telah menggariskan dengan teliti ketika itu mengenai apakah tindakan-tindakan untuk menerangkan mengenai aktiviti BPR dan untuk menentukan bahawa rakyat umum sama-sama tahu peranan masing-masing dan juga apakah yang patut dibuat. Jadi, cadangan Yang Berhormat tadi adalah satu cadangan yang baik dan BPR akan mengambil apa yang perlu dibuat untuk mendedahkan kepada rakyat supaya kita sama-sama memerangi masalah rasuah ini.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Penerangan Yang Berhormat amat meyakinkan dalam usaha memberi penerangan kepada masyarakat amat baik. Cuma saya hendak tanya soalnya kita hendak memberi keyakinan kepada rakyat. Dalam memberi penerangan kita menyampaikan maklumat. Tetapi di sebelah lain ialah keyakinan dapat wujud bila kita menghasilkan kejayaan, result, dengan izin. Contoh terpanjang, Perwaja umpamanya, saya tidak tahu rakyat masih bercakap tentang hal ini dan tidak ada kesan. Jadi, kalau kita memberi penerangan di sebelah in one hand, dengan izin, tetapi hasilnya kurang, agak keyakinan rakyat masih juga terhakis. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai Perwaja, pagi ini ada soalan nombor 12. Saya tidak hendak jawab mengenai Perwaja.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan nombor 12?

Datuk Douglas Uggah Embas: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Hari ini?

Datuk Douglas Uggah Embas: Hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Harus tak sampai.

Datuk Douglas Uggah Embas: Kalau tak sampai saya minta Tuan Yang di-Pertua minta ia sampailah. *[Ketawa]* Mengenai keyakinan ini saya rasa kita melihat dari jumlah laporan-laporan yang diberi kepada BPR. Inilah satu bukti bahawa masyarakat umum cukup yakin kepada kebolehan BPR yang telah menjalankan tugas dengan lebih profesional. Saya tidak setuju dengan Yang Berhormat bahawa

keyakinan itu tergugat oleh kerana tidak ramai orang disabit dengan masalah ini. Kerana kalau jumlahnya tidak ramai bersabit, bukan bermakna BPR tidak berkesan, tetapi bermakna orang Malaysia adalah cukup jujur dan tidak mengamalkan rasuah.

2. **Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman** minta Menteri Luar Negeri menyatakan jumlah kakitangan keselamatan yang bertugas di luar negara serta nyatakan negara-negaranya dan perbelanjaan yang dibebankan kepada Kerajaan Malaysia dan tunggakan yang perlu dijelaskan oleh pertubuhan-pertubuhan antarabangsa.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini seramai 208 anggota pasukan keselamatan Malaysia sedang berkhidmat dengan tujuh misi pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Dari jumlah ini 83 orang pegawai dan anggota adalah dari Angkatan Tentera Malaysia dan 125 pegawai dan anggota dari Polis Diraja Malaysia. Tujuh misi pengaman PBB ini di mana anggota pasukan keselamatan Malaysia kita terlibat adalah di UN-Iraq-Kuwait Observer Mission (UNIKOM) – 5 pemerhati tentera; UN Mission for Referendum in Western Sahara (Minorso) – 13 pemerhati tentera, 10 polis awam; UN International Police Task Force di Bosnia-Herzegovina (UNIPTF) – 43 polis awam; UN Observer Mission in Sierra Leone (UNMSIL) – 10 pemerhati tentera dan 1 polis awam; UN Transitional Administration the East Timor (UNTAET) – 40 pemerhati dan jurubahasa Angkatan Tentera Malaysia dan 21 polis awam; UN Mission in Kosovo (UMIK) – 1 pemerhati tentera, 48 polis awam; UN Organization Mission Democratic Republic of Congo (UNMOC) – 13 pegawai atau personel Angkatan Tentera Malaysia.

Jadi, semua misi yang disebut ini adalah dibiayai sepenuhnya oleh PBB atau Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan tidak ada perbelanjaan dari kerajaan kita. Sehingga kini jumlah tunggaknya yang masih belum dibayar oleh PBB kepada Kerajaan Malaysia ialah sebanyak US\$14.2 juta. Tetapi usaha sedang dibuat oleh Pejabat Wakil Tetap Malaysia di New York untuk mendapatkan bayaran yang tertunggak tersebut.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita ingin mendapatkan penjelasan sedikit. Sebagaimana yang kita telah maklum sekarang ini pergolakan sosial dan politik sedang berlaku di Aceh dan di Selatan Filipina dan nampaknya tumpahan ataupun limpahan krisis ini telah

menjejaskan kita dengan peristiwa di Pulau Sipadan. Dalam semangat ASEAN adakah negara-negara jiran kita ini meminta bantuan kita untuk kawalan sempadan supaya mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, memang kita mewujudkan kerjasama antara ahli-ahli negara ASEAN dari segi keselamatan dan sebagainya usaha-usaha kerjasama di antara negara-negara ASEAN. Walau bagaimanapun, di mana keperluan ataupun permintaan untuk kerjasama dibuat kita sentiasa memberi sumbangan atau kerjasama yang diperlukan. Walau bagaimanapun, mengenai keadaan keselamatan atau security confident di kawasan atau wilayah ini atau ASEAN dan juga rantau Asia ini, kita mengadakan menerusi badan-badan pertubuhan ASEAN dan juga negara-negara jiran kita seperti China, Korea dan Jepun termasuk negara-negara jiran kita bersama sentiasa mengadakan forum atau perbincangan mengenai keadaan dan juga keselamatan. Yang pentingnya ialah kita sentiasa mempertahankan atau meningkatkan keyakinan keselamatan di kawasan ini. Walau bagaimanapun, dalam keadaan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi kita sentiasa bekerjasama untuk mengatasi masalah-masalah semasa.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita amat berbanggalah dengan pengiktirafan oleh badan-badan seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu kepada anggota-anggota keselamatan kita dan kepada anggota-anggota polis. Sebab itulah kita dipanggil untuk menyertai 7 misi di luar negara di mana keadaannya penuh dengan pergolakan, sungguhpun ada parti-parti pembangkang yang memandang rendah tentang keupayaan anggota-anggota polis kita. Jadi, saya ingin mengetahui daripada pihak kerajaan, daripada misi-misi ini berapa ramaikah anggota-anggota kita terlibat di dalam kemalangan ataupun pembunuhan dan berapa pula dari segi imbuhan pampasan yang diberi oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu kepada mereka ini, ataupun imbuhan pampasan daripada kerajaan kita sendiri. Dan, bolehkah atau tidak kita meng*offset*, dengan izin, yuran tahunan kita kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dengan wujudnya hutang yang belum dibayar ini USD14.2 juta. Terima kasih.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Abdul Aziz bahawa memang benar pengiktirafan yang tinggi telah diberi oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu itu kepada angkatan tentera kita, pegawai-pegawai kita, polis diraja dan mereka kagum dengan cara

profesional mereka menjalankan tugas mereka dan sentiasa jelas dalam objektif mereka menjalankan tugas di kawasan-kawasan tertentu tanpa ada bias atau perasaan menyebelahi mana-mana pihak dan mengikut resolusi-resolusi dan persetujuan antarabangsa. Dan, inilah sebab pegawai-pegawai kita sentiasa dipanggil untuk mengambil bahagian dan kita juga sejauh mana kita mampu menghantar pegawai-pegawai kita yang diperlukan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ini.

Mengenai angka-angka di mana pegawai-pegawai kita yang telah cedera atau maut di dalam misi-misi ini, saya tidak ada angka yang tepat tetapi tidak begitu ramai. Kita sentiasa menjagakan bahawa mereka ini sentiasa mendapat imbuhan atau pampasan selain dari yang kita berikan menerusi kerajaan.

Dan, yang ketiganya mengenai *offset* ini, perbelanjaan ini adalah dibelanjakan oleh badan/agensi Bangsa-bangsa Bersatu dan untuk *offset* kan yuran kita kepada Badan yang besar itu mungkin tidak dapat dijalankan kerana ini adalah suatu perkara tidak sama. Terima kasih.

3. **Dato' Dr. T. Marimuthu** minta Menteri Kesihatan menyatakan dasar kerajaan terhadap "*Genetically Modified Food*". Apakah strategi yang digunakan oleh Kementerian untuk mengawal "*GM Food*" ini yang tidak diimport.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, dasar kerajaan mengenai makanan yang diubahsuai secara genetik (GMF) adalah dengan memberi kebenaran GMF untuk pasaran di negara ini atas dasar berasaskan pertimbangan satu per satu (*case-by-case*). Kebenaran ini hanya akan diberi atas nasihat Jawatankuasa Penasihat Pengubahsuaian Genetik di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar setelah segala keperluan dipatuhi. Kementerian Kesihatan pada dasarnya mengawal GMF sama sebagaimana makanan lain dikawal iaitu berdasarkan peruntukan di bawah Akta Makanan 1983. Di bawah peruntukan Akta tersebut, pihak kementerian diberi kuasa untuk menahan dan memeriksa setiap makanan yang masuk ke negara ini bagi memastikan makanan tersebut memenuhi kehendak negara kita.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui keupayaan jawatankuasa yang menilai '*Genetically Modified Food*' (GMF) ini dari segi kesan-kesan sampingan kepada pengguna. Saya pernah terbaca dalam surat khabar di United Kingdom, mereka memang memutuskan

'*Genetically Modified Food*' daripada Amerika misalnya telah pun menimbulkan kesan sampingan termasuk kanser. Jadi, saya ingin tahu keupayaan jawatankuasa kita kerana kanser ini kadangkala ianya mengambil masa yang panjang untuk menzahirkan unsur-unsur sampingan itu. Jadi, saya hendak tahu bagaimana jawatankuasa kita mempunyai keupayaan dan adakah mereka ini berhubung kait dengan jawatankuasa-jawatankuasa peringkat antarabangsa seperti di Eropah, Amerika dan sebagainya kerana kita takut dan bimbang barang-barang makan seperti ini mohon izin, dump ataupun dilambakkan ke negara kita, kalau kita tidak mempunyai keupayaan untuk hendak meneliti dari segi saintifiknya.

Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, jawatankuasa ini ataupun kerajaan memang bekerjasama dengan jawatankuasa di peringkat antarabangsa kerana terlalu banyak keraguan bukan hanya kita tetapi negara-negara lain terhadap GMF ini. Dan, oleh kerana itu dalam tempoh dua minggu lagi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan mengemukakan satu Kertas Kabinet agar kita dapat mengambil bahagian untuk turut menandatangani perjanjian ataupun barang-barang genetik ini di peringkat antarabangsa. Jawatankuasa ini mempunyai kemampuan untuk memantau kemasukan barang-barang genetik sama ada import, yang dibawa masuk ke negara ini.

Dato' Dr. T. Marimuthu: Soalan tambahan. Kita difahamkan bahawa cara GFM ini adalah lebih pest resistance dan juga akan meninggikan hasil-hasil pertanian. Adakah kerajaan untuk menggunakan GFM ini di bidang pertanian ataupun untuk menghasilkan barang-barang yang lain.

Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya sebut tadi, banyak keraguan terhadap produk ini dan oleh itu kita sentiasa memantau, sebab after effect daripada genetik GMF ini, kita belum dapat kepastian yang sebenarnya. Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar berfungsi terhadap dasar dan Kementerian Kesihatan memantau di segi aspek kesihatan.

4. **Datuk Norjan binti Khan Bahadar** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan adakah kemungkinan wujudnya penyelewangan peruntukan kewangan yang disalurkan kepada Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) melihat kepada wujudnya beberapa persatuan belia yang terlibat secara aktif dalam kempen-kempen politik pembangkang dalam Pilihanraya Umum lepas.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini Kementerian Belia dan Sukan belum menerima apa-apa maklumat atau laporan mengenai adanya pertubuhan-pertubuhan belia yang menggunakan pemberian bantuan bagi kempen-kempen politik pembangkang dalam usaha menentang kerajaan. Untuk makluman Yang Berhormat, hanya ada beberapa orang pemimpin pesatuan belia secara peribadi yang terlibat dalam situasi yang sedemikian. Ahli-ahli pertubuhannya pada keseluruhannya masih lagi bekerjasama dengan kementerian di dalam melaksanakan program-program pembangunan belia. Hubungan dan semangat perkongsian bistari atau *smart partnership*, dengan izin, di antara kementerian dengan pertubuhan-pertubuhan belia yang diamalkan selama ini akan diteruskan. Walau bagaimanapun, pihak kementerian akan membuat pemantauan dari masa ke semasa mengenai perkara ini agar ianya tidak disalahgunakan dan merugikan ahli-ahli belia.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Saya mengucapkan tahniah kepada kementerianlah kerana ada pemantauan. Cuma yang kita ingin mendapat penerangan yang agak lebih jelas, apakah sistem pemantauan yang sedang wujud di dalam kementerian dan apakah peningkatan perancangan untuk membaikinya dan kalau sudah ada, apakah sudah ada kesan atau hasil daripada sistem pemantauan yang baik itu kerana kita nampak badan NGO ini sementara mereka bekerja rapat dengan kementerian, mereka juga *smart*, dengan izin, untuk *take advantage*, dengan izin, tentang perhubungan baik itu. Jadi, ini yang kita hendak penerangan yang agak lebih jelas dari pihak kementerian. Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, selama ini sistem pemantauan yang disebutkan itu memang wujud. Dan untuk makluman Yang Berhormat, setiap projek yang dianjurkan oleh mana-mana satu badan belia tetap kena memberikan maklum balas mengenai projek yang berkenaan kepada pihak kementerian. Selain daripada itu, segala aktiviti ataupun program yang dianjurkan oleh badan-badan belia juga dimantau atau dikawalselia dengan rapi oleh pihak kementerian supaya ianya tidak melanggar kod etika dan juga peraturan yang digariskan oleh kementerian.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah daripada jumlah NGO yang menerima bantuan daripada kementerian ini, berapa peratus boleh dikatakan telah terlibat dalam kegiatan sedemikian. Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya sebutkan tadi, setakat ini hanya segelintir golongan pemimpin sahaja yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam politik kepartian pembangkang. Dan, itulah sebabnya, payah juga saya hendak bagi butiran dari segi perangkaan ataupun peratusan kerana ianya tidak melibatkan badan belia secara total.

Tuan Hassan bin Shukri: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu berapa banyakkah pesatuan-pesatuan belia yang mendapat bantuan yang telah dibatalkan pendaftarannya. Dan adakah sebab-sebab pembatalan itu kerana penglibatan pemimpin-pemimpinnya dalam gerakan politik di dalam negara ini.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan pembatalan pendaftaran badan-badan belia setakat ini belum ada lagi mana-mana badan belia yang dibatalkan pendaftarannya kerana pemimpinnya terlibat dalam politik kepartian pembangkang.

Yang kedua, biasanya kalau sesebuah badan belia tidak aktif ataupun dianggap lesu ianya tidak akan diberi sebarang peruntukan sebab kalau dia lesu, tidak akan ada penganjuran projek ataupun programnya dan tidak ada logiknya kementerian akan memberikannya peruntukan. Jadi, pemberian peruntukan pada 'mereka' yang lesu itu tidak timbul dan apatah lagi kalau sesebuah badan belia yang lesu itu dibatal atau dimansuhkan pendaftarannya.

5. **Datuk Zainudin bin Maidin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah kejadian jenayah sepanjang tahun 1999 yang melibatkan pendatang-pendatang Indonesia seperti kejadian rompak, bunuh dan rogol; dan
- (b) adakah mereka ini terdiri dari pendatang-pendatang haram atau pendatang dengan permit kerja. Berapa ramaikah di antara mereka ini yang sedang menjalani hukuman penjara atas berbagai kesalahan jenayah dan yang telah dihantar balik ke Indonesia.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bagi tempoh 1999, sebanyak 2.34% ataupun 3,970 kes daripada 169,115 kes jenayah indeks melibatkan pendatang asing. Dari jumlah tersebut sebanyak 2,378 kes ataupun 59.90% melibatkan pendatang asing Indonesia. Kes-kes jenayah di mana mereka terlibat adalah 992 kes samun, 57 kes bunuh, 84 kes rogol dan 1,245 kes mencuri.

Bagi tempoh yang sama juga sejumlah 211 orang pendatang asing Indonesia ditangkap kerana terlibat dalam kes-kes jenayah indeks. Dari jumlah tersebut, 99 orang terdiri daripada pendatang asing yang masuk secara haram dan 112 orang terdiri daripada pendatang asing yang masuk secara sah atau mempunyai permit kerja.

- (b) Sepanjang tahun 1999, seramai 611 orang pendatang Indonesia telah pun ditahan atas pelbagai kesalahan iaitu kesalahan di bawah jenayah indeks dan juga tahanan imigresen, di seluruh institusi penjara di Malaysia. Daripada jumlah tersebut, mereka yang masih menjalani hukuman di penjara iaitu semasa tarikh 22 April tahun ini adalah seramai 377 orang. Manakala pendatang yang telah tamat hukuman dan dibebaskan untuk tindakan penghantaran balik ke Indonesia oleh Jabatan Imigresen adalah seramai 234 orang.

Sekian, terima kasih.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, daripada jumlah kes bunuh dan rogol yang dilakukan oleh pendatang-pendatang Indonesia, berapakah jumlah kes bunuh dan rogol ini yang berlaku di kalangan mereka sendiri berbanding dengan perkara diberlakukan oleh mereka terhadap orang-orang tempatan.

Soalan tambahan kedua saya ialah daripada pendatang-pendatang haram ataupun yang ada permit yang ditahan oleh kerajaan disebabkan oleh kesalahan yang tertentu, tentu sekali ada daripada mereka yang mempunyai kesalahan yang ringan ataupun mereka yang datang tanpa izin. Soalan tambahan saya ialah kenapa mereka

yang terlibat dalam kesalahan yang ringan dan pendatang tanpa izin tidak terus dihantar balik daripada kita menahan mereka dalam penjara yang melibatkan beban kewangan kepada kerajaan. Sekian, terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat mengenai dua soalan tambahan yang dibangkitkan oleh beliau. Yang pertama, saya tidak mempunyai statistik pada saya sekarang ini mengenai kes-kes bunuh dan kes-kes rogol yang dilakukan di antara mereka ini. Kalau Yang Berhormat minat saya boleh memberi secara bertulis.

Yang kedua, kes-kes jenayah yang agak ringan ataupun hanya masuk ke negara kita tanpa izin maka mereka tidak dipenjarakan. Mereka ini semua akan selepas ditahan akan dihantarkan ke kem tahanan imigresen tunggu segala proses dokumentasi diselesaikan dan mereka akan dihantar terus balik ke negara asal. Sekian.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Adakah kerajaan dapat memastikan purata bilangan pendatang dari Indonesia yang tidak mempunyai apa-apa dokumen yang berada dalam negara kita.

Dato' Chor Chee Heung: Sekali lagi. Yang Berhormat, saya tidak faham soalan, sekali lagi.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Saya ingin tahu adakah kementerian memastikan bilangan rakyat Indonesia yang datang, yang berada dalam negara kita. Jadi, bilangan puratanyalah bukan pastikan, bilanganlah maksudnya. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, semua pendatang asing yang datang ke negara kita secara sah memang mempunyai dokumentasi yang lengkap dan selepas mereka memijak kaki ke bumi Malaysia maka selepas segala dokumentasi diselesaikan mereka akan diberikan satu *identification* (ID), dengan izin, dan di mana pun mereka bergerak dalam negara kita, mereka harus mempunyai ID itu. Jika disoalsiasat, maka ID itu akan menjadi satu bukti bahawa mereka adalah pendatang asing yang sah di negara kita.

Dari segi bilangan yang ada di sini, saya tidak mempunyai statistik yang tepat, tetapi saya percaya tidak melebihi 700,000 orang yang sah yang berada sekarang di sini bekerja sebagai pekerja dari negara asal- ini merangkumi semua bangsa dari semua negara. Yang tidak sah, yang secara haram saya juga percaya sebab mereka ini susah hendak kata ini, saya hendak beritahu pada tarikh apa sebab setiap hari ada

kurang dan ada tambah, tetapi sejak bulan Disember tahun lepas saya percaya mengikut risikan-risikan yang kita ada pendatang asing secara haram tidak melebihi 250,000 di negara kita, kemungkinan sekarang sudah turun jumlah ini sebab kita sentiasa mengadakan operasi macam dalam akhbar hari ini pun telah pun memberitahu 100 lebih orang diserbudan akan dihantar balik.

Tuan Tan Ek Huat: Tuan Yang diPertua, terima kasih, soalan tambahan. Tadi mengikut penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri di mana setiap pekerja asing diberi satu kad ID. Setahu saya ramai lagi pekerja asing yang tidak ada ID di Perak. Soalan tambahan saya, kalau mengikut Timbalan Menteri ID itu merupakan dokumen perjalanan, tetapi di Perak ID ini tidak digunakan untuk perjalanan, tidak dibenarkan sebagai dokumen perjalanan. Setiap pekerja asing yang hendak keluar, hendak pergi melawat tempat lain, perlukan pasport, ini telah merumitkan pihak pengusaha atau pihak majikan. Jadi, saya harap soalan ini dapat dijawab. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang diPertua, mengenai ID ini, sebenarnya konsep ini bukan satu konsep yang telah begitu lama, ia diperkenalkan sejak tahun lepas sahaja, kemungkinan sesetengah majikan masih kurang pasti mengenai ID ini. Saya harap Yang Berhormat boleh memainkan peranan juga, balik beritahu majikan-majikan di Perak supaya mereka dapat sedikit penjelasan lagi mengenai ID ini dan pekerja-pekerja asing yang sah mereka ini mungkin akan diberikan tidak lama lagi.

Saya akan bawa juga masalah ini balik ke kementerian mengenai ID ini tidak merupakan satu tag identifikasi semasa mereka berada di negara kita. Saya pun tidak tahulah kata mereka ini bila hendak bergerak dalam negara kita harus juga mempunyai pasport. Tidak apa, saya akan bawa masalah ini balik dan saya akan cuba dengan sedaya upaya untuk menyelesaikan masalah yang kecil ini.

6. **To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:-

- (a) memandangkan pada satu ketika dahulu kerajaan menggalakkan tanaman koko secara besar-besaran, adakah tanaman ini masih diteruskan; dan

(b) berapa banyakkah ladang koko di seluruh negara, keluasannya dan pecahan mengikut negeri-negeri dan adakah hasilnya memuaskan.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Datuk Anifah bin Aman]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Untuk menjawab soalan:

- (a) Kerajaan masih lagi menggalakkan tana man koko di Malaysia sebagai salah satu usaha untuk mempelbagaikan pengeluaran sektor pertanian negara dan sumber pendapatan petani. Penanaman dan pengeluaran biji koko masih penting untuk memenuhi keperluan kilang-kilang pengisar koko yang ketika ini mempunyai kapasiti sebanyak 145,000 tan metrik setahun.
- (b) Mengikut bancian 1998 terdapat sejumlah 229 estet koko dan anggaran 100,000 pekebun kecil koko di seluruh negara. Perangkaan mengenai keluasan tanaman koko dan pecahan mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut:-

| Negeri | Hektar |
|-----------------|---------------|
| Johor | 1,494 |
| Kedah | 170 |
| Kelantan | 388 |
| Melaka | 139 |
| Negeri Sembilan | 317 |
| Pahang | 13,935 |
| Pulau Pinang | 144 |
| Perak | 14,960 |
| Perlis | 16 |
| Selangor | 3,354 |
| Terengganu | 448 |
| Sabah | 57,121 |
| Sarawak | 28,350 |

Secara keseluruhannya hasil dan pendapatan penanaman koko adalah memuaskan jika produktivitinya tinggi. Bagi petani yang dapat menghasilkan hingga tiga tan metrik sehektar, pendapatan adalah lumayan. Pada masa ini harga biji koko berada pada paras antara RM2,900 kepada RM3,000 setan metrik. Terima kasih.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Bolehkah kerajaan menjelaskan kepada kita, sebagai soalan tambahan, pekebun kecil didedahkan hanya dengan tanaman seperti getah dan lain-lain tetapi tidak koko, oleh kerana pandangan kerajaan tadi mengikut analisa kerajaan, tiga tan per hektar

pengeluarannya adalah satu pengeluaran yang amat menguntungkan dan amat ekonomik. Apakah strategi kerajaan dapat mengintegrasikan jenis tanaman ini supaya ianya dapat membantu pekebun kecil, contohnya mungkin strateginya mix crops plant, dengan izin, dan bolehkah kerajaan menjelaskan kerana kita tahu banyak agensi kerajaan begitu dipisah-pisahkan perannya seperti RISDA dengan kaedah lain, FELCRA dengan kaedah lain dan kementerian Yang Berhormat sendiri menyelesaikan perkara-perkara yang berkaitan dengan komoditi. Jadi, akhirnya mangsanya ialah pekebun kecil.

Apakah strategi kerajaan keseluruhannya untuk menyelesaikan masalah pekebun kecil khususnya berkaitan dengan penanaman koko ini? Terima kasih.

Datuk Anifah bin Aman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Kerajaan telah pun mengambil beberapa langkah untuk membantu pekebun-pekebun kecil apabila harga koko turun. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa dalam perdagangan koko, kita tidak mempunyai masalah seumpama apa yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil getah di mana harga getah begitu rendah sekali dan pendapatan petani-petani kita begitu terjejas.

Walau bagaimanapun, kerajaan melalui usaha yang dilaksanakan oleh Lembaga Koko Malaysia (LKM) telah pun melaksanakan program pemulihan kawasan tanaman koko yang ditumpukan khas kepada pekebun-pekebun kecil koko di negara ini semenjak tempoh Rancangan Malaysia Yang Ketujuh. Matlamat program ini ialah untuk meningkatkan pengeluaran biji koko melalui peningkatan produktiviti purata tanaman koko kepada 1.5 tan metrik sehektar setahun berbanding dengan produktiviti purata sebanyak 0.717 tan metrik sehektar setahun pada tahun 1996 dan 0.751 tan metrik pada tahun 1999.

Sasaran produktiviti purata ini dijangka akan dapat dicapai melalui penggunaan kaedah cantuman biji-isi, baja yang sesuai dan amalan penanaman yang optimum di samping usaha untuk menyatukan tanah atau land consolidation bagi mendapatkan *economics of scale*. Untuk makluman selanjutnya, setengah petani telah pun mencapai produktiviti sehingga tiga tan metrik sehektar seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan saya, masih lagi masalah pokok koko. Kalau kita boleh ingat bahawa tidak lama dahulu pokok-pokok koko kita diserang oleh wabak penyakit. Untuk

mengelakkan penyakit ini terus membiak dan berkembang, penanam-penanam koko telah diminta menebang pokok-pokok mereka. Dan ini menyebabkan pekebun-pekebun kecil khususnya takut untuk menanam koko. Untuk itu, kita ingin mendapat kepastian dari kementerian adakah wabak penyakit ini telah dapat dikawal dan dengan ini boleh memberikan galakan semula untuk tanaman koko?

Datuk Anifah bin Aman: Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya soalan itu ditujukan kepada Kementerian Pertanian untuk menjawab dan mengawal tentang kawalan wabak itu. Walau bagaimanapun, Kementerian Perusahaan Utama melalui khidmat nasihatnya telah pun sedikit sebanyak dengan kerjasama dengan kementerian-kementerian yang lain telah pun memberikan khidmat nasihat kepada peladang-peladang dan setakat ini penguasaan seumpama itu telah pun diatasi. Walau bagaimanapun, satu praktis ataupun satu usaha yang menyeluruh hendaklah dilakukan oleh peladang-peladang supaya mengelakkan perkara-perkara yang berlaku seumpama itu.

Datuk Haji Karim Ghani: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, apakah usaha untuk mempelbagaikan *downstream industries* perusahaan koko dan juga apakah usaha untuk membuat koko ini dengan mendapatkan *value added* kepada hasil penanaman koko itu?

Datuk Anifah bin Aman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya pengeluaran dan eksport produk-produk koko dari Malaysia masih tertumpu kepada produk-produk separa siap seperti lemak koko, pes koko dan serbuk koko. Pengeluaran dan eksport produk-produk akhir adalah dalam bidang pembuatan coklat dan minuman. Bagi meluaskan lagi pengeluaran dan produk-produk akhir koko, usaha-usaha sedang dilakukan bagi pengeluaran produk-produk bukan makanan seperti kosmetik dan pharmaceutical.

Memandangkan bilangan pegawai daripada segi keupayaan R&D kita di dalam Lembaga Koko Malaysia yang berpengalaman yang diperlukan di dalam bidang-bidang tertentu di LKM adalah kecil dan keupayaan LKM dalam melahirkan teknologi-teknologi yang boleh diterima pakai oleh pihak industri koko adalah terbatas, kerajaan telah pun memutuskan supaya R&D LKM diperkukuhkan dengan mengambil alih fungsi penyelidikan koko daripada MARDI dan personennya ke LKM.

Dalam hubungan ini, sejumlah 195 jawatan daripada stesen penyelidikan MARDI Hilir Perak telah pun dipindahkan ke LKM. Dari jumlah tersebut sejumlah seramai 112 personnel MARDI telah menerima tawaran untuk ditukar lantik ke perkhidmatan LKM pada 1 Oktober 1999. Dengan pemindahan pegawai dan kakitangan MARDI ke LKM, keupayaan LKM dalam bidang penyelidikan koko dijangka akan dapat dipertingkatkan lagi bagi memainkan peranan dengan lebih berkesan dalam memajukan lagi industri koko negara.

7. **Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakan Kementerian Pendidikan masih memerlukan ibu bapa mengemukakan sijil perkahwinan semasa ingin mendaftarkan anak mereka di sekolah sebagaimana yang dilaporkan di akhbar-akhbar dan bagaimanakah kedudukan seorang anak kelahiran kepada pasangan suami – isteri yang tidak mendaftarkan perkahwinan mereka.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa surat nikah atau perakuan pendaftaran perkahwinan ibu bapa tidak diperlukan semasa pendaftaran masuk murid ke tahun satu sekolah rendah. Oleh yang demikian, kanak-kanak kepada pasangan suami isteri yang tidak mendaftarkan perkahwinan tidak menghadapi masalah memasuki tahun satu. Sekian, terima kasih.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya, berkaitan dengan keputusan dan permintaan oleh pihak Kementerian Pendidikan dalam pelbagai bidang, khususnya kepada guru-guru yang mendapat ijazah tambahan, keperluan kementerian meminta supaya ditandatangani surat janji dahulu supaya tidak minta gaji lebih dan naik pangkat. Saya terbaca dalam akhbar hari ini, mengatakan bahawa kalau dapat rayuan pihak kementerian akan longgarkan, kata okay. Dalam hendak menggalakkan masyarakat bermaklumat ini, saya nampak keputusan pihak kementerian nampak seolah-olah agak *ad hoc*. Saya harap perkara ini dapat diberi penerangan kerana masalah guru terlalu amat mustahak dan keperluan mengenai ilmu dan pendidikan tinggi dan sebagainya amat mustahak. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: [Menyampuk] [Ketawa]

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, ini kementerian yang ada kaitan, itu saya katakan.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini di luar dari tajuk yang ditanya dalam soalan asal. Kalau harus saya jawab, saya pun boleh menerangkan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Jawablah.

Dato' Hon Choon Kim: Saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana begitu prihatin tentang masalah guru yang melanjutkan pelajaran PJJ ini. Sebenarnya kami dari Kementerian Pendidikan menganggap ini satu perkara yang cukup baik untuk guru menambahkan ilmu pengetahuan dari segi mendapat sijil yang lebih tinggi, cukup baik dan kami juga menghargai segala usaha untuk meningkatkan pengetahuan qualification dan sebagainya. Tetapi di dalam kementerian kita juga menghadapi limitation ada masalah kerana apabila mereka tamat pelajarannya hendak menaikkan pangkatnya, harus kita memastikan bahawa jawatan-jawatan kosong sentiasa ada. Kalau tidak ada jawatan kosong ini, tidak boleh kita memberikan naik pangkat, sebab tidak ada jawatan.

Oleh kerana itu, kita telah pun membuat satu keputusan bahawa setiap guru yang mendapat ijazah pertama haruslah menunggu sampailah masa iklan kekosongan diiklankan, lepas itu mereka akan dipanggil untuk ditemuduga dan ikut keperluan mata pelajaran. Kalau mata pelajarannya diperlukan, maka guru itu akan diberikan jawatan naik pangkat, itu sebenarnya keadaan bukanlah hendak kata Kementerian Pendidikan sengaja hendak menyusahkan guru – tidak. Cuma keperluan dan juga jawatan kosong yang tidak begitu mengizinkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kejadian di mana sijil perkahwinan perlu dikemukakan oleh ibu bapa semasa mendaftar anak mereka ke sekolah tidak berlaku di semua sekolah seperti yang dilaporkan, ianya berlaku di beberapa sekolah sahaja. Jadi, soalan tambahan saya ialah kenapa ada inconsistency, dengan izin, berlaku dalam perkara ini.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya hal ini berlaku di Wilayah Persekutuan di mana satu arahan telah dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan memerlukan segala pendaftaran masuk untuk tahun satu perlu mengemukakan sijil perkahwinan. Sebenarnya dalam peraturan yang telah ditetapkan surat perkahwinan hanya diperlukan semasa permohonan tukar sekolah ialah untuk memastikan status pemohon itu sama ada pemohon benar-benar dari segi undang-undang seorang penjaga terhadap anak itu, barulah kita membenarkan pertukaran

murid ke sekolah-sekolah lain. Untuk pendaftaran baru memang tidak ada arahan berbuat demikian.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin tahu, soalan tambahan saya adakah pihak kementerian berhasrat untuk menghapuskan maklumat sijil perkahwinan ibu bapa mungkin masa hadapan ketika membuat pendaftaran anak-anak ke sekolah.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Memang saya sebutkan tadi, memang tidak perlu untuk mendaftarkan anak ibu bapa untuk masuk ke tahun satu, memang tidak perlu, hanya kalau murid lepas itu hendak minta tukar ke sekolah lain, ibu bapa yang datang hendaklah mengemukakan sijil perkahwinan. Walau bagaimanapun, kalau tidak dapat mengemukakan sijil perkahwinan, guru besar boleh menimbangkannya dari segi budi bicaranya dan akan diluluskan mengikut setiap kes yang berkenaan.

8. Tuan Parasuraman a/l Sanasamy minta Menteri Sumber Manusia menyatakan kedudukan terkini mengenai pelaksanaan gaji bulanan terhadap para pekerja ladang di seluruh negara kita.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya memohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Gapar bin Gurrohu pada hari esok yang mempunyai maksud yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia sangat prihatin terhadap pelaksanaan gaji bulanan untuk pekerja ladang. Oleh itu, kementerian telah menubuhkan sebuah jawatankuasa pemandu yang terdiri daripada wakil-wakil kerajaan, pihak majikan, pihak pekerja untuk menerajui satu kajian mengenai gaji bulanan untuk pekerja ladang.

Kajian berkenaan dijalankan oleh sepasukan juru perunding daripada Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya. Kajian akan mengambil masa tiga bulan dan dijangka siap pada Jun 2000. Hasil kajian akan dikemukakan kepada Persatuan Pengeluar-pengeluar Pertanian Tanah Melayu (MAFA) dan Kesatuan Kebangsaan Pekerja Ladang (NUPW). Seterusnya kedua pihak akan berunding untuk mencapai persetujuan mengenai gaji bulanan untuk pekerja ladang.

Tuan N. Marimuthu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mahu minta kerjasama untuk memberi gaji bulanan yang sama seperti yang diberikan oleh NLFC Cooperative kepada pekerja-pekerja ladang mereka di negara ini. Apakah sumbangan pihak kerajaan dan pihak swasta dalam mengkaji mengenai pelaksanaan gaji bulanan dan bilakah hasil kajian ini akan tamat?

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita beri masa tiga bulan. Kita sedar bahawa perkara tersebut memang sudah lama tertunggak dan kita menerima tekanan daripada pekerja-pekerja di sektor ladang. Kita sudah 43 tahun merdeka. Sektor ladang sahaja gaji mereka ini dibayar dalam bentuk harian, maka menjelang abad baru, milenium baru, kita yakin dengan adanya kajian tersebut yang dilakukan oleh pihak yang bebas, insya-Allah, pada bulan Jun nanti perkara ini akan dapat kita ketahui bagi merealisasikan harapan agar pekerja-pekerja ladang menikmati gaji bulanan bersama-sama dengan sektor-sektor lain.

Dato' Tee Thiong Hock: Terima kasih, soalan tambahan. Walaupun pihak akademik, profesor masih membuat satu kajian tetapi saya telah pun mendengar daripada Ahli Yang Berhormat yang duduk di sana bahawa National Land Finance Cooperative (NLFC), dengan izin, di ladang-ladang mereka telah pun membayar gaji bulanan. Jadi, ini ada satu kes study yang pada fahaman saya lebih lanjut dan mendalam, it is more advance, dengan izin, than the theoretical study. Kalau kes ini, model ini menunjukkan gaji bulanan ada feasible, saya agak kita patut ambil keberatan daripada kes ini berbanding dengan kajian yang dibuat oleh pihak akademik. Terima kasih.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya pun sebenarnya berkongsi wawasan dengan Datuk Tee. Masalahnya di sini, MAFA menguasai 60% daripada estet dan pekerja yang di bawah naungan MAFA berjumlah 100,000 lebih. Oleh kerana dia 60% menguasai sektor perladangan, maka kita mengikut perundangan kita, kita negotiatelah dengan MAFA. Sebab itulah kita mengambil kira pandangan bebas. Kita tidak memperkecilkan – tahniahlah perladangan koperasi kerana telah memulakan langkah awal dan ini juga memberikan perintis awal supaya MAFA juga akhirnya dapat persetujuan dengan NUPW untuk melaksanakan sistem gaji bulanan dalam sektor ladang.

9. **Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan jumlah kos pembinaan Panggung Negara dan peruntukan tahunan bagi menjalankan aktiviti-aktivitinya. Apakah langkah-langkah yang sedang dan akan dijalankan supaya matlamat bagi mempertingkatkan mutu teater tanah air tercapai.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Dr. Ng Yen Yen]: Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih. Untuk makluman Yang Berhormat, kos pembinaan Panggung Negara ialah sebanyak RM210 juta. Peruntukan Panggung Negara bagi tahun 2000 untuk menjalankan aktiviti-aktivitinya ialah RM2.6 juta. Sebagai perbandingan pada tahun 1998, peruntukan ialah sebanyak RM3.2 juta, manakala pada tahun 1999 peruntukan ialah sebanyak RM3.6 juta.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang sedang dan akan dijalankan supaya matlamat bagi mempertingkatkan mutu teater tanah air tercapai adalah seperti berikut:

- (i) Meningkatkan kemahiran dalam bidang teknikal. Panggung Negara sentiasa bekerjasama dengan kedutaan asing untuk mengadakan kursus jangka pendek dalam bidang teknikal untuk ahli-ahli teknikal Panggung Negara. Sebagai contoh, satu kursus pendek tentang pencahayaan telah berlangsung di Istana Budaya pada 8 – 11 April 2000 dengan kerjasama Suruhanjaya Tinggi Australia. Objektif kursus ini ialah untuk memberi pengetahuan yang lebih mendalam kepada ahli-ahli teknikal Panggung Negara tentang aspek-aspek pencahayaan dengan menggunakan alat-alat pencahayaan yang sedia ada di Istana Budaya. Dengan cara ini ahli-ahli teknikal Panggung Negara bukan sahaja dapat mengenali jenis-jenis peralatan pencahayaan yang ada di Istana Budaya, malah dapat juga mengenal pasti kegunaan peralatan tersebut dan mensesuikannya dengan keperluan-keperluan sesuatu pementasan.
- (ii) Dalam usaha untuk menyediakan ahli-ahli teknikal dengan ilmu dalam bidang teknikal untuk pementasan teater, Panggung

Negara telah dan akan sentiasa menghantar ahli-ahlinya untuk mendalami selok-belok teknikal pementasan teater di panggung-panggung terkenal di luar negara. Latihan-latihan ini adalah dalam rangka kursus jangka pendek atau lawatan sambil belajar.

Selain daripada langkah-langkah tersebut di atas, Panggung Negara akan juga berusaha mendapatkan pakar-pakar teknikal dari dalam atau luar negeri melalui pelantikan secara kontrak untuk satu jangka masa atau lantikan secara projek ke projek. Melalui pelantikan ini adalah diharapkan pakar-pakar berkenaan akan dapat menunjuk ajar ahli-ahli teknikal Panggung Negara.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada teknikal, bidang produksi juga diberi penekanan dalam usaha meningkatkan mutu teater tanah air. Salah satu usaha ke arah ini ialah mengundang pakar atau yang berpengalaman dari dalam negeri atau luar negeri untuk memberi khidmat nasihat tentang produksi. Selain daripada memberi khidmat nasihat, pakar berkenaan juga boleh bekerjasama dengan ahli-ahli produksi Panggung Negara untuk menghasilkan idea kreatif di samping membimbing mereka.

Panggung Negara juga mendapatkan kerjasama daripada pakar-pakar sejarah tanah air dalam menentukan cerita dan jalan cerita bagi pementasan-pementasan yang bercorak sejarah dan epik. Sebagai makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Teater Perdana Tun Perak yang akan dipentaskan di Istana Budaya mulai 6 – 20 Mei tahun ini adalah merupakan epik yang berdasarkan kewibawaan Bendahara Tun Perak di zaman Kesultanan Melayu Melaka, hasil kajian daripada Profesor Dato' Ramlah Adam dan Profesor Dato' Zainal Keling.

Dalam usaha mendapatkan skrip pementasan yang bermutu, Panggung Negara juga bekerjasama dengan Akademi Seni Kebangsaan iaitu institusi pengajian di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan untuk penulisan skrip teater. Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam yang bertanggungjawab mendidik anak bangsa dalam bidang kesenian, khususnya bidang teater, tari, muzik dan penulisan kreatif, kemahiran dan ilmu pengetahuan para pelajar dan bekas pelajarinya digenbleng untuk membantu Panggung Negara menghasilkan skrip yang kreatif dan bermutu. Sebagai makluman Yang Berhormat, skrip Teater Perdana Tun Perak ditulis oleh panel penulis skrip Akademi Seni Kebangsaan yang terdiri daripada bekas pelajar Jabatan Seni Penulisan Kreatif Akademi berkenaan dengan bimbingan

para akademik institusi berkenaan. Dengan cara ini juga dengan sendirinya Panggung Negara membantu melahirkan karyawan seni dan menggilap bakat mereka ke arah penghasilan career teater yang bermutu dari masa ke semasa.

Panggung Negara juga memberi peluang kepada pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi dalam bidang seni persembahan untuk membuat latihan amali di Istana Budaya sebagai menambahkan ilmu pengetahuan mereka tentang produksi terutamanya produksi yang melibatkan mekanisme pentas yang canggih seperti Istana Budaya. Dengan cara ini adalah diharapkan mereka akan keluar daripada institusi berkenaan dengan persediaan kelengkapan ilmu yang bersesuaian dengan keperluan negara masa kini dan akan datang dan negara juga tidak akan ketandusan dengan para karyawan yang dapat menghasilkan teater bermutu tinggi.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kita jemput Ahli-ahli Yang Berhormat menghadiri taklimat di sana ya. *[Ketawa]*

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya terperanjat sekali dengan jawapan yang diberi. Bukan sahaja panjang tetapi mendalam. Tetapi soalnya Pusat Kebudayaan Negara kita ini yang begitu canggih dengan harga RM210 juta, apakah program yang hendak diisi. Ini untuk alat-alat cahaya lampu ini – teknikal, patut sudah lama kita buat, benda ini sudah siap. Saya hendak tahu selain daripada Tun Perak, apakah program yang kita hendak masukkan ke dalam Panggung Negara ini. Kalaulah sejak Tun Perak sahaja, ianya tidak memadai dan sepatutnya pihak kementerian mempunyai program berterusan, setiap malam ada aktiviti kerana benda semacam ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak diisi, ianya akan lapuk. Saya perhatikan kalau dibandingkan Panggung Budaya kita dengan apa yang wujud di Petronas, yang Petronas itu lebih menonjol dari segi aktiviti-aktiviti local dan juga antarabangsa. Jadi, saya hendak bertanya apa program yang hendak diisi untuk menentukan ianya diguna untuk faedah masyarakat.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih, Yang Berhormat dari Pahang. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, memang kementerian saya beri maklumat yang mendalam sebab saya tahu Istana Budaya ialah satu produk yang baru. Jika tidak beri maklumat yang mendalam banyak soalan pula!

Tuan Yang di-Pertua, memang program untuk Istana Budaya di dalam tahun 2000 sudah ada. Pada minggu yang lalu, dua minggu kita ada Piano Festival

Antarabangsa selama 4 hari. Jadi, lepas Tun Perak kita ada satu lagi program sampai akhir tahun. Memang Istana Budaya sesuatu yang baru dengan kita punya sumber manusia (human resources) tidak begitu cukup. Jadi, kita akan – saya harap dapatlah sumbangan daripada Ahli-ahli Parlimen untuk memajukan Istana Budaya.

Untuk makluman, saya baru kata, peruntukan Panggung Negara bagi tahun 2000 sahaja RM2.6 juta jika berbanding dengan Petronas punya ‘feel harmonic’ itu a drop in the ocean. Jikalau tanya peruntukan Petronas sendiri beratus juta ringgit. Saya haraplah Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini bolehlah beri kita sumbangan yang lebih, [*Ketawa*] berilah cadangan lebih lagi duit kepada Istana Budaya. Terima kasih.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan pertanyaan yang singkat sahaja iaitu berdasarkan kepada satu penjelasan yang panjang tadi. Bolehkah saya membuat konklusi bahawa kita mempunyai sebuah Istana Budaya yang begitu canggih, hebat dari segi teknologinya tetapi kita tidak mempunyai keupayaan dan kita telah tidak bersedia untuk menjalankan dan memberikan apa yang diperlukan oleh negara seperti yang telah dijanjikan iaitu tidak ada kepakaran dari segi teknologi sehingga ini dan rakyat masih menunggu – terpaksa menunggu satu masa yang lama untuk melihat sebuah Panggung Negara atau Istana Budaya yang setaraf dengan negara-negara di Barat. Tarafnya sudah ada tetapi entah bila, kita akan melihat berapa puluh tahun. Kenapa kita tidak bersedia lebih dahulu seperti kita sudah ada motokar tetapi tidak ada drivernya.

Dato’ Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua, Istana Budaya ialah satu produk yang sangat-sangat berkaitan dengan kreativiti sumber manusia. Teknologi kita boleh beli tetapi kemahiran kita tidak boleh beli. It must become on training. Jadi, jikalau kita tidak ada sebuah Istana Budaya mana kita dapat latihan? Itu yang mustahak. Jikalau kita membanding dengan Istana Budaya di Paris, katalah di London, berapa ratus tahun pengalaman mereka? Berapa ratus tahun ia sudah ada. Di Paris sekarang, setiap tahun 70 juta para pelancong membuat lawatan ke Paris, tidak payah buat apa iklan, tidak payah promosi. Itulah kita, we must make a stand somewhere, dengan izin, we must make a start. Kita hendak tunggu semua sudah selesai, semua di Malaysia sudah cukup, aktor sudah cukup, simfoni sudah cukup, saya ingat 50 tahun lepas pun tidak dapat lagi. Sekian, terima kasih.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih banyak, Tuan Yang diPertua kerana memberi peluang kepada saya. Saya peminat teater dan seni, jadi saya amat tertarik mendengar penerangan yang diberi oleh Yang Berhormat tadi. Soalnya Yang Berhormat, cerita teknikal, produksi dan sebagainya, sedikit sebut tentang kreatif dan jawapan terakhir pun amat memberangsangkan. Saya hendak tanya yang lebih strategik, apakah wawasan kita dari segi dasarnya. Apa yang hendak kita capai, apa misinya, apa strategi program kita sekarang untuk menghasilkan mutu tinggi, bukan hanya setakat teknikal produksi, ada badan, ada istana dan sebagainya – ini perancangan yang lebih hebat in the light, dengan izin, yang Yang Berhormat sendiri sebut, ini saya hendak tahu dari segi strateginya sebab sekarang berpuluh kumpulan teater, ada banyak tetapi setakat akhbar yang cerita ini bertabur semuanya dan tidak mempunyai koordinasi yang baik dan mutu cerita pun kadang-kadang saya hairan kenapalah tunjuk yang ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih, Tuan Yang diPertua. Saya tidak tahulah. Kita sudah buat jemputan kepada semua ahli datang ke Istana Budaya. Dato' Ghazi ada datang malam itu?

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Ada.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih. Sebab hari itu kita jemput semua tetapi yang datangnya tidak begitu ramai, susah hati kita.

Tuan Yang diPertua, untuk sesuatu produksi yang bermutu memang sumber manusia mesti bermutu tetapi teknikal juga. Sekarang Yang Berhormat tengok, apa-apa yang super production – katalah *The Lion King* di London sekarang, katalah *Miss Saigon*, apa yang penting bukan sahaja pelakon mereka tetapi teknologi belakang. Tengok teater sahaja, tengok cinema Spilberge, macam mana dia berjaya, bukan pelakonnya, teknologi. Jadi, kita tidak bersetuju dengan apa yang Dato' Ghazi kata.

Saya tahu apa wawasan kita. Wawasan kita ialah satu hari semua rakyat Malaysia akan pergi ke Istana Budaya, tengok sendiri, become theatre goers, bukan sahaja untuk teater Barat tetapi teater kita sendiri macam Tun Perak. Jadi, sekarang kita sudah ada dekat 14 hari untuk Tun Perak. Kita pun haraplah penuh tiap-tiap malam tetapi kita tidak boleh paksa orang pergi, terpulang kepada diri sendiri. Jadi, pendek kata visi kita, wawasan kita ialah menubuhkan satu rakyat Malaysia yang berminat, kasih kepada kebudayaan bukan sahaja kepada materialisme. Terima kasih.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, setakat ini sejauh manakah *response*, dengan izin, pelajar-pelajar dari institusi pengajian tinggi menggunakan Panggung Budaya di dalam program-program mereka? Terima kasih.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Panggung Istana Budaya sangat-sangat baru. Kita baru buka Istana Budaya. Jadi, sekarang *response* tidak begitu puas hati. Contohnya, macam minggu dulu yang kita ada empat hari "Piano Festival Antarabangsa". Tiket itu begitu murah, RM20 untuk murid-murid, RM50 untuk orang Dewasa. Philharmonic Petronas, satu tiket RM220, satu tiket RM190 tetapi kita punya Istana Budaya setengah penuh. Itulah masalah kita. Macam mana kita hendak *fill up* istana itu? Kita pulang balikkah kepada Yang Berhormat semua, balikkah menggalak sedikit semua you punya rakyat datang. Terima kasih.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan. Di samping peruntukan yang RM2.6 juta ini untuk Istana Budaya dan beberapa program teater seperti Tun Perak disusun dengan begitu baik, saya ucapkan *ahniah*, akan tetapi kita lupa pada budaya kita bahawa Dikir Barat lenyap sekali. Di Kelantan, kerajaan PAS tidak membenarkan Dikir Barat wujud di Kelantan dan apa salahnya kita adakan Minggu Dikir Barat dan seminggu serentak terus sahaja Dikir Barat ini berjalan dan kita jemput orang-orang Kelantan datang, yang rindukan Dikir Barat pada masa ini. Saya mewakili orang Kelantan. Sekian, terima kasih. [*Ketawa*]

Dato' Dr. Ng. Yen Yen: Terima kasih. Cadangan itu sangat baik. Saya harap wakil dari Kelantan boleh sekarang terus carikan semua ahli-ahli Dikir Barat yang terbaik, bermutu, kita akan buat satu acara macam itu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan Jawab Lisan sudah pun tamat lama sepatutnya. Tetapi oleh kerana saya difahamkan bahawa tidak berapa ramai lagi hendak bercakap di atas usul, oleh itu saya melonggarkan pada pagi ini untuk soal jawab. Kita balikkah kepada usul.

[*Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10 hingga 27 akan dijilid dalam buku yang berasingan*]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2000

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2000 dibacakan kali yang kedua sekarang” *[25 April 2000]*

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Dato’ Abdul Aziz bin Abdul Rahman untuk menyambung ucapannya.

11.23 pagi.

Dato’ Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon izin menyambung ucapan saya hari kelmarin berkenaan dengan sokongan kita terhadap Belanjawan 2000 yang dibawa oleh Timbalan Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan hari semalam, kekuatan negara kita terserlah kerana wujudnya seorang pemimpin yang mendahului zamannya, seperti yang dinyatakan oleh saudara saya, Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin, kebangkitan Asia dicerminkan oleh Dato’ Seri Dr. Mahathir. Lebih daripada itu, idea-idea yang dicerminkan bukan sahaja menerusi dasar-dasar, bahkan buku-buku yang ditulis oleh Yang Amat Berhormat Dato’ Seri sendiri mencerminkan idea-idea yang mendahului zamannya dan sentiasa memberi komitmen terhadap pembangunan, bukan sahaja Malaysia, bukan sahaja negara-negara Islam, bukan sahaja negara-negara membangun tetapi boleh dikatakan untuk seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, idea bagi menentukan wujudnya satu sistem kerangka kewangan antarabangsa, misalnya, diumumkan oleh Dato’ Seri pada tahun 1997 apabila kegawatan ekonomi melanda, bukan sahaja Malaysia tetapi Indonesia dan

juga Thailand. Kita memerlukan satu pendekatan baru dan perkara ini sehingga ke hari ini, setelah dibincang di dalam banyak forum dan jawatankuasa antarabangsa, termasuklah G8, G7 dan baru-baru ini G20 yang tidak memanggil Malaysia menyertainya tetapi isu kerangka kewangan antarabangsa, *architecture financial system* belum lagi diwujudkan.

Penting kerana ianya boleh menggugat negara-negara yang baru muncul seperti Malaysia dan negara-negara di Asia untuk hendak bersaing bersama-sama dengan negara-negara yang lebih maju kerana dengan tanpa pengwujudan sistem semacam ini, penyangak-penyangak seperti Soros boleh terus menghancurkan sistem kita dan ini memporak-perandakan negara kita. Apa yang dinyatakan oleh Dato' Seri Dr. Mahathir dan apa yang dinyatakan oleh Ahli Dewan yang mulia ini, pada satu ketika, peranan yang dimainkan oleh IMF, misalnya iaitu Dana Kewangan Antarabangsa memang mempunyai agenda tersendiri untuk menggugat negara-negara membangun.

Jelas dan nyata apabila Indonesia diporak-perandakan. Apabila Presiden Indonesia terpaksa menandatangani tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh IMF, depan masa itu, Michel Camdessus. Kita amat sedih, sehingga ke hari ini, sistem yang wujud di Indonesia yang begitu kukuh satu ketika, yang membangun dan tumbuh seperti juga Malaysia, 7%, 8% setahun, pada masa ini masih lagi mengalami masalah-masalah sehinggakan kita sendiri di Dewan yang mulia ini memohon kerjasama seluruh masyarakat untuk menyeru Michel Camdessus meletakkan jawatan.

Tetapi, syukur alhamdulillah, tanpa seruan yang kita buat, dia telah pun meletakkan jawatan lebih awal daripada yang ditetapkan. Memang wujud, Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang saya selalu nyatakan, satu pakatan *triptych*, tiga segi antara agensi-agensi antarabangsa seperti IMF dan Bank Dunia bersama-sama dengan perbendaharaan Amerika Syarikat dan juga Wall Street untuk menentukan *hegemony* mereka ke arah negara-negara membangun terus berleluasa.

Dan setakat ini kita dapat tahu, laporan Suruhanjaya Kongres Amerika Syarikat pun turut berdukacita dengan peranan yang dimainkan oleh IMF dan saya ingin memetik apa yang ditulis oleh Suruhanjaya US Congress ini, katanya, mohon izin, "*IMF short term response to crisis too costly, too slow and often incorrect*", "Terlalu tinggi kosnya, terlalu lambat dan selalunya tidak tepat". Gagal membaik pulih keadaan ekonomi negara-negara membangun. Sebab itulah alternatif kepada

IMF, pada satu ketika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri mengesyorkan supaya satu dana Asia kita tubuhkan bagi menyelesaikan masalah-masalah kita.

Waktu itu satu pendekatan, satu seruan dibuat oleh Perdana Menteri kita supaya Jepun mengelolakan tabung atau dana Asia ini dengan dana berjumlah RM100 juta. Mati-mati Amerika Syarikat menolak kerana dia tidak mahu pendekatan alternatif ini, inisiatif Asia ini, inisiatif Dr. Mahathir ini dapat berjalan dengan baik untuk membantu negara-negara ASEAN terutamanya. Selepas itu kita mendapat "Obuchi", kalau saya tidak silap inisiatif Obuchi ataupun inisiatif Menteri Kewangan Jepun yang meletakkan jumlah dana yang lebih kurang RM30 bilion untuk membantu negara-negara di sekitar kawasan kita ini.

Tetapi jelas sekali protes-protes yang ada sekarang ini seperti demonstrasi-demonstrasi di Seattle yang tidak suka kepada WTO kerana mengganas terhadap negara-negara membangun terutama menuntut negara-negara membangun kalau masuk peraturan WTO (Badan Perdagangan Antarabangsa), kita terpaksa terikat dengan dua tuntutan yang dibuat oleh mereka.

Pertama, dari segi buruh dan tenaga kerja yang terpaksa mempunyai piawaian yang tinggi yang dibuat menerusi WTO bukan menerusi ILO. Sahabat saya, wakil MTUC tidak ada di sini. Bukan menerusi ILO tetapi WTO, cuba menuntut negara-negara kalau mahu masuk sistem perdagangan perdana WTO, kita terpaksa merentukan tidak wujud kos-kos tenaga manusia yang murah-murahan, ianya tidak ada eksploitasi kepada pekerja-pekerja. Selepas itu tuntutan kedua, mereka mengesyorkan kita menjaga alam sekitar kawasan kita. Apa gunanya perdagangan antarabangsa dikaitkan dengan dua perkara seperti ini.

Jelas sekali agenda tersembunyinya ialah bagi menentukan padang yang tidak sama rata, padang permainan yang tidak sama rata, playing field, unable playing field ini mohon izin Tuan Yang di-Pertua terus dapat mengeksploitasi kedudukan perdagangan negara-negara membangun seperti Malaysia dan juga negara-negara Selatan yang lain. Jadi jelas sekali agenda-agenda seperti inilah yang mendorong demonstrasi wujud di Seattle dan keganasan-keganasan yang dilakukan oleh pihak berkuasa Amerika Syarikat dengan apa yang berlaku di Seattle memang tidak banyak dikeluarkan dalam berita-berita tapi lebih ganas lagi dengan cara-caranya, lebih teruk dengan cara-cara yang dibuat oleh mereka kalau dibandingkan dengan cara-cara yang kita buat di tanah air kita dan baru-baru ini di Washington sendiri sewaktu Mesyuarat

Pengaruh-pengaruh Bank Dunia dan juga Dana Kewangan Antarabangsa pun wujud demonstrasi yang liar kerana mereka semuanya menuntut IMF dan World Bank supaya tidak mengeksploitasi kedudukan negara-negara membangun seperti kita di sini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara semacam ini malang sekali tidak diberikan tumpuan yang meluas oleh media massa di sekitar kawasan kita. Saya ingin menyeru di Dewan yang mulia ini supaya ahli-ahli media menonjolkan cerita-cerita yang menunjukkan wujudnya double standard, mohon izin di kalangan negara maju seperti Amerika Syarikat, bagaimana polis mereka menghentam demonstrasi dengan banyak kecelakaan berlaku dan yang terbaru seorang budak kecil umur 6, 7 tahun, 10 tahun terpaksa dibawa oleh – macam Top Gun, dengan senapang automatik dan sebagainya, memecah rumah dan dinding, mengambil anak kecil keluar daripada rumah secara keras-kerasan.

Kita ingatkan perkara semacam ini akan keluar tiap-tiap hari di rantau ini, muka depan di surat-surat khabar bukan di ceruk-ceruk dan menjadi topik pertama media elektronik dan sebagainya kerana kalau kita buat begitu, cuba bayangkan bagaimana cerita-cerita ini diulang tiap-tiap hari 24 jam oleh CNN dan CNBC dan *Washington Post*, *International Tribune* misalnya akan menceritakan berbagai-bagai cerita tetapi apabila berlaku perkara ini, demonstrasi seperti ini di Washington dan Seattle kecil saja cerita nya, lepas tu terus dibandingkan dengan kekerasan yang wujud di Malaysia. Apabila berlakunya penangkapan beberapa orang baru-baru ini untuk kita menjadi proaktif menahan supaya demonstrasi tidak mengacau kedudukan keamanan dan harmoni di negara kita. Itupun dia kata kita tidak demokratik.

Tahukah tidak Tuan Yang di-Pertua di Amerika Syarikat daripada 1.8 juta penjenayah-penjenayah, 900 juta adalah orang-orang kulit hitam. Saya nak tunjukkan bagaimana double standard wujud demokratik seperti di Amerika dan kebanyakan yang menyalahgunakan dadah kebanyakannya kulit putih mengikut satu kajian. Yang banyak kena tangkap, 70% orang kulit hitam. Kenapakah orang kulit putih tidak kena tangkap? Begitu juga di Australia baru-baru ini. Baru-baru ini di Australia Pesuruhannya Human Rights nak masuk ke Australia, nak tengok bagaimana orang-orang kulit hitam dari segi justice, dari segi kehakiman tidak diberi layanan wujud mandatory sentence masuk jail kepada orang-orang kulit hitam terutama di Northern Territory dan di Western Australia dan ramai pelari-pelari daripada Bosnia, dari segi

China mendapat treatment, mohon izin, yang begitu teruk. Diibaratkan anjing macam dibuatnya oleh orang-orang di Australia dan Howard berkata, Perdana Menteri berkata, ini adalah hal-hal domestik kita orang luar tak boleh masuk campur. Orang inilah yang masuk campur dengan kita dulu dan di sinilah wujudnya bagaimana double standard yang dilakukan oleh negara-negara seperti ini tapi disanjung tinggi dan dibantu oleh parti-parti pembangkang di negara ini yang ini saya tak tahan.

Saya sekarang ini sungguhpun IMF, Pengarah Penyelidikan IMF, 'Michael Musa', dia meramalkan kadar pertumbuhan negara kita 7% kerana 'peraturan' eksport elektronik Asia menunjukkan pemulihan menakjubkan, miracle tapi orang kita parti pembangkang sampai sekarang menafikan statistik-statistik kita. IMF yang dulunya nak hentam kita sekarang ini mengakui kita dah boleh tumbuh sampai 7%. Mereka masih mengatakan statistik kita ini tidak betul.

Saya masih menunggu parti-parti pembangkang bersyukur kepada Allah S.W.T. berterima kasih kepada pemimpin kerana pengurusan yang dibuat oleh pemimpin kita begitu baik dengan acuan, model kita sendiri secara pendekatan ekonomi penyelesaian masalah ekonomi negara kita sendiri yang dapat mengetepikan kaedah-kaedah IMF, wujudkan sistem ini dan berjaya. Tak diterima, dinafikan, ini politik penafian. Saya mintalah parti-parti pembangkang tenung balik, kalau sekiranya orang semacam ini yang pernah menghentam kita lepas itu bukan dia saja, kita tengok Fitch IBCA menaikkan panarafan mata wang jangka panjang Malaysia kepada BBB kalau dulunya BBB tolak, ini November 1999. Begitu juga dengan Standard & Poor, Moodys pada bulan Oktober yang dulunya dikatakan ekonomi kita stabil sekarang ini sudah jadi positif. Penarafan antarabangsa pun mengakui apa yang kita buat tapi parti-parti pembangkang terus menafikannya, terus tidak mengiktiraf apa yang kita buat. Inilah yang malangnya sekali, inilah saya menyerulah sahabat-sahabat saya di parti sebelah untuk memberikan kalau sekiranya kita buat betul, betullah, kalau buat salah, salahlah. Jangan kita menidakkan pendirian dan dasar-dasar yang dibuat oleh kerajaan yang telah pun menebus maruah dan martabat bangsa.

Jadi Tuan Yang di-Pertua saya juga amat tertarik dengan satu surat yang ditulis oleh saudara Khairil Anwar yang dikeluarkan oleh *Straits Times* baru-baru ini berani menyebut bagaimana *International Tribune* mengatakan wujudnya cara-cara penulisan yang dibuat oleh media massa Barat yang sentiasa menidakkan kewibawaan

kita, tidak wujudnya demokrasi, tidak wujudnya hak-hak asasi manusia tetapi pada masa yang sama perkara inilah yang sebenarnya yang berlaku di tempat mereka sendiri.

Jadi Tuan Yang diPertua kita ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan yang telah dapat mengaturkan langkah-langkah dan strategi untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara kita selepas kita dilanda kegawatan yang begitu teruk. Tetapi Tuan Yang diPertua saya amat hairan kali ini semasa saya datang ke Dewan yang mulia ini bila saya duduk, saya dapat timbunan, masih ada lagi timbunan-timbunan laporan bukan main tinggi lagi dan kebanyakan laporan-laporan tahunan ini adalah laporan 97, 98. Kita sudah tahun 2000.

Saya ucapkan tahniah kepada Bank Negara Malaysia dan juga Suruhanjaya Sekuriti laporan terbaru 1999 dikeluarkan tetapi yang lain laporan-laporan sudah lapuk, dah basi, didedahkan kepada Parlimen sungguhpun ada Akta. Akta menuntut saya baca ini di dalam Laporan Audit Negara, kita tengok di sini saya dah amat terperanjat, laporan ini sungguhpun ianya merupakan Laporan Ketua Audit negara mengenai akaun awam serta aktiviti-aktiviti kementerian, jabatan dan agensi jabatan Persekutuan 1998 menyebut sehingga 31 Disember 1998. Perenggan 21.2, 111 penyata kewangan bagi tempoh tahun 84 hingga 97, belum dibentangkan di Parlimen. Penyata tersebut melihatkan 72 badan berkanun Persekutuan dan yang hairan sekali semuanya ini terpaksa dikemukakan kepada Parlimen seperti yang dituntut dalam Akta 240 yang memerlukan penyata kewangan yang telah diaudit, dibentangkan ke Parlimen.

Kita sekarang ini adalah zaman IT, information technology. Perdana Menteri kita mewujudkan MSC, Multimedia Super Corridor. Tetap di dalam sistem kerajaan itu sendiri maklumat itu sendiri, tidak dapat dijuruskan. Saya syorkan kepada pihak kerajaan dengan secepat mungkin mewujudkan secara dasar maklumat kebangsaan, national information, agenda information ini dapat pusat maklumat kerana statistik. Jabatan Statistik saja saya perhatikan tidak mencukupi. Sebagai ahli MAPENII yang bertanggungjawab di dalam bidang penyusunan semula masyarakat, kita mempunyai banyak masalah dari segi mendapatkan maklumat-maklumat terkini terutama sekali maklumat-maklumat di dalam kementerian-kementerian yang tidak berpusat.

Saya cadangkan supaya pihak kerajaan mengkaji dalam zaman IT ini setiap kementerian itu dirangkaikan kepada satu pusat maklumat di bawah EPUKah, di

bawah mana-mana sahaja, petik sahaja switch terkeluar sahaja maklumat. Format-format ini kita gunakan kerana kita hendak samakan dengan cara-cara pemantauan dasar-dasar. Bagaimana kita hendak memantau dasar kalau maklumat tidak cukup dan tidak dapat diterima, di access dengan secepat mungkin. Jadi access kepada maklumat amat penting kalau kita benar-benar hendak menentukan kita ini di dalam arus perdana maklumat komunikasi terkini.

Dasar ini saya rasa perlu sekali hendak menentukan keadaan kita dalam - kita sebut sahaja keekonomi memang ada pelan keekonomi, pelan induk yang hendak dibuat oleh pihak kerajaan. Tetapi semua ini tidak akan berjalan kalau Audit mengatakan 111 laporan-laporan tahunan tidak disampaikan kepada Parlimen. Mereka ini melanggar syarat-syarat penubuhan, syarat pertubuhan. Saya hendak tanya, apakah langkah-langkah dan tindakan yang akan diambil oleh kerajaan kepada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab kepada agensi-agensi ini?

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya baru-baru ini hendak memerlukan satu maklumat berkenaan dengan pecahan pemegang saham dalam syarikat-syarikat nominee. Kita hendak kaji dari segi bagaimana pemegangan saham bumiputera sudah menurun daripada 20.6% kepada 19.4% akibat daripada kegawatan ekonomi. Selepas itu di bawah sekali kita tengok nominee - 8%, 9%. Kita hendak tahu siapa di dalam nominee itu, siapa bumiputera, siapa bukan bumiputera, siapa pihak asing? Pihak Securities Commission (Suruhanjaya Sekuriti) tidak dapat memberi maklumat. Ada pula katanya ada halangan, halangan dari segi perundangan dan sebagainya. Tetapi, MAPEN II - jawatankuasa kerajaan yang ditubuhkan oleh kerajaan, kita tidak dapat maklumat, kita tidak dapat mengetahui secara terperinci pegangan ekuiti oleh pihak bumiputera yang sudah pun menurun dan dalam keadaan ini, satu daripadanya timbul bagaimana access kepada maklumat itu dapat kita bereskan.

Yang kedua, apabila kita hendak mengetahui dari segi pecahan bumiputera dan bukan bumiputera, pelajar-pelajar yang menyertai Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) pun tidak dapat. Sungguhpun lesen mereka diberi oleh Kementerian Pendidikan tetapi Kementerian Pendidikan yang datangnya, pegawai-pegawai tertentu semuanya tidak dapat memberikan jawapan, hantar format tertentu, minta maklumat pula kepada IPTS-IPTS. Sepatutnya secara automatik, kerana kita hendak mengetahui kedudukan bagaimana dari segi pendidikan dengan wujudnya begitu banyak sekali

institusi-institusi pengajian swasta, bagaimana ia mencerminkan Dasar Ekonomi Baru atau dasar pembangunan negara tetapi ini tidak boleh buat kerana maklumat tidak ada.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, amat penting sekali maklumat terkini dapat kita access dengan cepat untuk kita menentukan dasar dan pemantauan dasar, jadi kita syorkanlah. Sungguhpun pihak kakitangan kerajaan mempunyai - kalau tidak cukup dari segi tenaga, tidak cukup dari segi komputer, belanjawan ini sepatutnya mengutamakan. Saya sedar banyak dari segi jurutera-jurutera masih belum mencukupi sebab itu dalam pertanyaan saya tempoh hari, saya tanya siapa, kementerian mana yang membuatkan unjuran keperluan tenaga manusia untuk negara kita? Kementerian Sumber Manusia pun tidak ada, Kementerian Pendidikan pun tidak ada, sebab itu kita ada 39,000 penganggur dari segi graduan, mahasiswa-mahasiswa, dapat sahaja ijazah tetapi tidak ada kerja, 39,000 ini ramai.

Pertumbuhan ekonomi kita meningkat 5% lebih, 6% lebih dan IMF kata 7% tetapi 39,000 mahasiswa-mahasiswa dengan ijazah masing-masing tidak ada kerja - menganggur. Jadi, semua mesti wujud satu *miss-match* mohon izin, Tuan Yang di-Pertua, keadaan yang tidak seimbang, perancangan yang tidak seimbang, tidak mungkin tidak ada unjuran. Jadi, kita perlu satu pendekatan yang lebih kemaskini lagi bagi menentukan perancangan, keperluan, sumber manusia di negara kita, peringkat ijazahkah, peringkat politeknikkah, peringkat apa sekalipun disetiap tahap mesti wujud dan kita mesti berikan...., satu-satu kementerian - kalau EPU, EPULah; kalau sekiranya Kementerian Sumber Manusia – Kementerian Sumber Manusia lah atau Kementerian Pendidikan, saya tidak tahu tetapi mesti ada. Mungkin Pusat Maklumat Kebangsaan ini yang saya cadangkan tadi sepatutnya mempunyai maklumat-maklumat seperti ini maka barulah kita dapat merancang dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat sedih sekali kerana negara kita mengakui keperluan-keperluan sains dan teknologi, mengakui keperluan kita untuk menyertai k-ekonomi ini kerana wujudnya sekarang serangan badai globalisasi dan liberalisasi. Ini merupakan satu cabaran yang amat besar di alaf baru ini dan ini memerlukan kita bersedia selain daripada mewujudkan pelan k-ekonomi seperti yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir baru-baru ini, apa yang hendak kita buat? Yang sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, block-block building ini atau blok-blok yang hendak membangunkan negara ini bermula daripada pendidikan. Sudah beberapa kali saya memohon pihak kementerian dan pihak kerajaan buatlah cepat satu

laporan khas dari segi pendidikan ini. Semasa Dato' Seri Najib menjadi Menteri Pendidikan saya sudah syorkan. Selepas Laporan Rahman Talib, selepas itu Laporan Razak saya katakan, "alangkah elok kalau kita ada laporan Najib" buat begitu. Ketiga-tiga secara kebetulan daripada Pahang - itu tidak mengapa kerana ini untuk negara. Tetapi sampai sekarang belum wujud, sekarang sampai Tan Sri Musa pula. Persidangan dahulu saya menyatakan perlu kita wujudkan, amat penting kerana sekarang ini falsafah pendidikan negara tidak mencerminkan keperluan kita untuk mengatasi masalah k-ekonomi, masalah globalisasi, liberalisasi. Untuk menentukan itu, dahulu kita minta 60% sains dan teknologi, 40% sastera yang bukan sains dan teknologi, tidak tercapai. Sekarang ini kita tingkatkan lagi 70% sains dan teknologi, 30% sastera. Belum capai 60, 40 hendak cuba 70, 30.

Tuan Yang di-Pertua, dalam satu laporan Seminar Kecemerlangan Pelajar Bumiputera, saya sudah teliti ini, saya amat terperanjat. Prestasi pelajar bumiputera, bukan bumiputera di peringkat Ijazah Pertama di UM, UKM dan UTM tahun 1998 dan 1999, patutlah Dato Seri Dr. Mahathir begitu runsing dengan keadaan. Kita tengok Kelas I, Universiti Malaya daripada bumiputera yang mendapat Ijazah Kelas Pertama - 54%, bukan bumiputera - 23.5% tahun 1999; tahun 1998 - 4.2%; bukan bumiputera - 21.5%; Universiti Kebangsaan Malaysia yang kita tubuhkan bagi menampung keperluan anak-anak kampung, Universiti Kebangsaan Malaysia - yang terbaru. Masa diwujudkan dahulu jelas sekali sepatutnya menjadi premier universiti, lagi teruk. Tahun 1998, 0.2% sahaja bumiputera yang mendapat Kelas Pertama dibandingkan dengan 2.9% bukan bumiputera dan tahun 1997 - 0.1% dibandingkan dengan 3.3%. Di Universiti Teknologi Malaysia tahun 1999 - 0.4%, bukan bumiputera - 10.8%. Tahun 1998 - 0.8%; bukan bumiputera - 11.6%.

Kecemerlangan peningkatan pendidikan dari segi etnik amat menyedihkan. Saya tidak tahu bagaimana perkara ini berlaku. Ianya berlaku Tuan Yang di-Pertua, *right down the line* terus ke bawah ke peringkat pra sekolah kerana wujud statistik-statistik yang mengatakan, bagaimana pelajar-pelajar luar bandar masih ketinggalan dan kebanyakan bumiputera duduk di luar bandar dan mereka ini ketinggalan kerana infrastrukturnya tidak mencukupi.

Tempoh hari Menteri Pendidikan wakilnya ada menyebut di sana, di Sarawak tidak ada elektrik, tidak ada generator dan kita memerlukan mereka mempunyai komputer. Pada suatu ketika, 3,000 sekolah di seluruh Malaysia tidak mempunyai

elektrik, yang diumumkan oleh Timbalan Menteri Pendidikan dahulu, 3,000 sekolah tidak mempunyai elektrik. Dan kebanyakan sekolah-sekolah ini daripada luar bandar, takkan ada sekolah di dalam bandar tidak ada elektrik. Bagaimana kita hendak mendepkatkan jurang pemisahan dari segi IT kalau IT menjadi teras pembangunan kita. Sampai bilakah mereka di luar bandar terpinggir kalau elektrik pun sudah tidak ada, bagaimana komputer hendak sampai ke sana.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, *the digital divide*, pemisahan digital antara luar bandar dan bandar, antara kaum amat ketara sekali. Saya difahamkan pada satu ketika setakat inilah, benda-benda ini data-data entah ke mana pergi dah. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan pemisahan digital antara yang kaya maklumat dengan yang miskin maklumat ini semakin hari semakin bertambah. Kalau sekarang ini kita dimaklumkan 2.5 juta mempunyai personal computer (PC). 65% daripada mereka ini adalah di Selangor, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan dan computer penetration cara komputer hendak masuk ke kawasan-kawasan di Malaysia ini 11% dibandingkan dengan tahap purata dunia 35%. Jadi, kita Malaysia dengan dunia pun sudah ada digital divide, sudah ada pemisahan antara penggunaan komputer. Dan komputer ini bukan hendak cantik. Kegunaan komputer access kepada information, access kepada maklumat dan membuat keputusan berasaskan kepada maklumat. Bukannya kita ada website seperti yang wujud sekarang ini setiap kementerian tetapi masih lagi dua tiga tahun kebelakangan tidak ada orang yang hendak menentukan website itu dikemaskinikan.

Saya terbaca dalam suratkhbar Menteri Besar Pahang dalam website itu masih lagi Tan Sri Khalil dan Menteri Penerangan masih lagi Tok Mat. Saya terbaca baru-baru ini. Ini amat memeranjatkan. Apa gunanya website kalau sekiranya tidak ada pegawai yang diberikan tugas untuk mengemaskinikannya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, perbezaan *digital divide* antara orang kaya dengan orang miskin ini akan berterusan kalau sekiranya kita tidak membuat sesuatu. Seperti yang kita katakan tadi computer penetration maknanya penggunaan komputer ke dalam masyarakat Malaysia 11%, purata dunia 35%. Begitu juga dengan Internet penetration – penggunaan internet ke kawasan-kawasan tertentu 5% sahaja di Malaysia, purata dunia 30%.

Antara Malaysia dengan negara-negara yang maju mempunyai perbezaan, antara anak-anak kita di luar bandar, masyarakat luar bandar dengan yang di bandar

pun mempunyai perbezaan yang begitu ketara. Akan terpinggirlah mereka kalau tidak kita buat dengan secepat mungkin dan 'determine'kan belanjawan secara hundred percent kita tumpukan kepada luar bandar semuanya ada elektrik, semuanya ada komputer maka wujudlah satu playing field yang even, yang datar, satu padang permainan yang datar untuk mereka bersaing dengan yang di bandar.

Tuan Yang di-Pertua, maklumat yang saya dapati dari segi aliran sains di sekolah kebangsaan – sekolah kebangsaan kita dapati yang mendapat A, ini ada beza ya, sekolah kebangsaan yang mendapat A, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Kita memerlukan Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains. Bahasa Inggeris sekolah kebangsaan 11.7% sahaja dapat A, Matematik 25.3%, Sains 13.1%. Di bandar, antara bandar dengan luar bandar Bahasa Inggeris di bandar yang mendapat A, 22.1% - ini sekolah rendah ini, fasal saya sebutkan tadi you must go down the line – sekolah rendah. Matematik sekolah kebangsaan di bandar 33.1% dapat A, Sains 17.8%. Ini tahun 1998. Tetapi kita tengok luar bandar Bahasa Inggeris yang mendapat A, 7.2%, Matematik 21.9%, Sains 11.1%.

Dan yang menghairankan, Tuan Yang di-Pertua, kalau dibandingkan dengan sekolah kebangsaan ini yang kerajaan punya ini dengan sekolah jenis kebangsaan Cina, ini saya terperanjat ini. Sekolah Jenis Kebangsaan Cina ini yang mendapat A dari segi di bandar 26%, ini Bahasa Inggeris, Matematik 58.9%, Sains 21.8%. Yang sekolah jenis kebangsaan Cina di luar bandar pun tinggi. Luar bandar Bahasa Inggeris 13.4% yang mendapat A, Matematik 47.9%, Sains 15.2%. Kalau sekiranya berjayanya sekolah jenis kebangsaan Cina dari segi Matematik kenapa kementerian tidak mengkaji cara-cara yang dibuat oleh sekolah Cina, tidak payah pergi ke England, tidak payah pergi ke Amerika kita kaji. Saya sudah tuntutan dalam MAPEN II, kita kaji cara macam mana anak-anak Melayu yang sekarang ini dekat 60,000 menyertai sekolah jenis kebangsaan Cina ini tadi pun Matematik dia tinggi dari segi penguasaannya. Apakah caranya? Tidakkah kementerian merendahkan diri pergi tengok cara-cara sekolah jenis kebangsaan Cina ini mengajar Matematik. Bukan main hebat. Walhal bangsa kita semua Malaysia, latar belakang yang sama, bandar baik luar bandar baik. Kita kena kalau kita hendak menentukan Matematik dan Sains dan teknologi dapat meningkat, kita kena cari cara, model, acuan yang paling sesuai.

Dulu saya pernah, saya masih ingat bagaimana kementerian memberikan setiap anak-anak belajar apa ini 'tuk tak, tuk tak' itu - sempoa. Saya tidak tahu apa

sudah jadi sempoa ini fasal PC pun sudah ada. Jadi mungkin itu cara hendak meniru tetapi lebih kepada itu. Kita kena cari cara bagaimana hendak meningkatkan sains dan teknologi.

Perbandingan negara kita dengan negara Singapura dan Korea, dan Taiwan dari segi sains dan teknologi jauh ke belakang. Jauh kebelakangan. Jadi bagaimana kita hendak bersaing antara negara-negara di Asean itu sendiri, di Asia itu sendiri. Kerana ini mempunyai keilmuan sains dan teknologi merupakan, mohon izin, *competitive age* dalam abad ke-21 ini.

Jadi ini penting bagi kita hendak menentukan supaya anak-anak murid kita dapat menguasai bidang-bidang Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris kalau tidak cukup guru, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak mengesyorkan kita pergi berpakat dengan British Council, berpakat dengan dulu kita masih ingat ada 'Peace Corp' daripada Amerika, mungkin sudah tidak ada dah. Ataupun pergilah ke Australia sungguh pun dia *double standard*, orang ini *double standard* kita hendakkan pengajar-pengajar Bahasa Inggeris hendak hantar ke kampung kerana orang kita di Malaysia kebanyakannya guru-guru hendak duduk di bandar. Tidak ramai yang punya komitmen sekarang ini. Kalau pergi pun lima tahun lepas itu hendak balik ke bandar, hendak balik kepada kampung asal. Tidak ramai hendak berjuang dari segi hendak pergi mengajar ke tepi Gunung Tahan ataupun ke Sarawak dan ke Sabah dalam pedalaman. Sungguhpun mereka mendapat kelulusan perguruan dan berjanji untuk mengajar di mana-mana sahaja tetapi komitmen pengajaran, komitmen mereka sekarang telah berkurangan kerana di sana tidak ada elektriklah, jauh sangatlah, empat hari kena naik bot ke hulu ke hilir hendak sampai ke sana. Tidak ramai hendak. Orang Putih yang duduk di England, yang duduk di Amerika, yang duduk di Australia boleh berjuang. Mereka rela hendak pergi ke ceruk-ceruk sana untuk mengajar anak-anak kita Bahasa Inggeris. Jadi kita pergi dengan mereka dan mungkin ada satu program bantuan dengan British Council, kita kena menentukan Bahasa Inggeris murid-murid kita di kampung dan di luar bandar mesti kita tingkatkan kerana penguasaan Bahasa Inggeris merupakan satu penguasaan yang memberikan kita accessibility, access kepada maklumat antarabangsa dengan Internet dan sebagainya.

Puan Jaya Partiban: Saya hanya hendak bawa satu perkara ke perhatian Yang Berhormat Dato' bila bandingkan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dengan

sekolah kebangsaan. Adakah Dato' sedar baru-baru ini apabila keputusan dikeluarkan, ada 80 buah sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil yang mencapai kelulusan 0%. Bermakna mutu pendidikan ataupun taraf pendidikan di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil juga telah tidak ada pada paras yang memuaskan apabila dibandingkan. Saya hanya berharap Yang Berhormat Dato' akan memasukkan sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil juga yang ketinggalan. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Ya, saya memang bersetujulah dengan pendapat Yang Berhormat Puan Jaya Partiban tadi, memang benar sekolah jenis kebangsaan Tamil pun mempunyai masalah, sebab itu saya lingkungan luar bandar kerana kebanyakan sekolah jenis kebangsaan Tamil di luar bandar, memang benar, saya tadi hendak bezakan antara bandar dan luar bandar sahaja. Secara kebetulan saya sebutkan sekolah jenis kebangsaan Cina itu kerana ia mempunyai acuan, pendekatan yang luar biasa yang boleh meningkatkan pencapaian Matematik dan Sains lebih tinggi daripada sekolah kebangsaan, kita hendak tiru, kita sepatutnya meniru cara bagaimana mereka mendekati mata pelajaran ini.

Jadi saya bersetuju sangat dengan Yang Berhormat Puan Jaya Partiban sekolah-sekolah Tamil pun mesti kita rangkumkan dalam kajian bagaimana hendak mengatasinya, kalau perlu komputer, komputer. Tenaga pengajar Bahasa Inggeris, tenaga pengajar Bahasa Malaysia semuanya kita hendak sama rata. Kalau tidak ada kemudahan seperti ini bagaimana kita hendak menyaingi matlamat pencapaian yang dibuat oleh mereka yang mempunyai segala-gala prasarana ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, ketidak seimbangan prasarana pendidikan merupakan satu diskriminasi yang boleh meminggirkan sejumlah ramai murid-murid yang kurang berkeupayaan terutama mereka yang di luar bandar, tidak kira Melayu, Cina, India kalau yang di luar bandar kita sifatkan luar bandar, mereka terpaksa mendapat bantuan seluas-luasnya.

Saya juga amat hairan Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya diberitahu, ini tidak tahu sama ada benar atau tidak, saya hendak Menteri Pendidikan menjelaskannya. Saya diberitahu kita mempunyai program kepada murid-murid cemerlang yang mendapat agregat 10 ke bawah, kita hantar satu kumpulan ke Indonesia untuk membuat perubatan Selepas mereka berada di sana selama tiga tahun, kementerian sedar bahawasanya kita tidak mengiktiraf selepas menghantar

mereka selama tiga tahun, jadi mereka dibawa balik - ini yang pintar ini 10 agregat ke bawah dibawa balik, masuk ke universiti tempatan, masuk tahun pertama.

Kalau inilah benar, ini merupakan satu kezaliman kerana murid-murid ini yang susah-susah ini dapat 10 agregat bukanlah senang, sampai tengah malam kena belajar. Kalau benar kesilapan yang berlaku siapakah pegawai yang bertanggungjawab? Kerana ini amat menyedihkan, begitulah juga kita menghantar murid-murid yang 10 agregat ke bawah masuk ke International Medical University (IMU) dengan harapan selepas tiga tahun kita hantar ke universiti-universiti yang di peringkat antarabangsa, luar-luar negara ini, perbelanjaan saya difahamkan bezanya tidak banyak antara RM1,000-RM2,000 sahaja antara IMU dengan universiti-universiti di Ireland, England, UK dan sebagainya.

Baru-baru ini daripada 34 pelajar yang telah pun belajar tiga tahun di IMU, yang boleh dihantar hanyalah kalau saya tidak silap ialah 18 orang sahaja, semuanya cukup syarat dan IMU masih lagi kita belum iktiraf dari segi sebuah universiti yang mempunyai ijazah yang diiktiraf bukan sahaja di Malaysia, di peringkat antarabangsa. Kalau saya hendak membuat perubatan, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak pergi ke universiti yang mendapat pengiktirafan antarabangsa kerana saya hendak buat fellowship FRC, apa-apa sahaja, cardiology kah, paediatrician ke Ireland, ke UK, ke Australia, ke Amerika. Kalau universiti tidak diiktiraf terus kita sekat sungguhpun mereka mampu dari segi akademik, dari segi clinical tetapi tidak boleh kita hantar ke sana kerana universiti itu tidak diiktiraf.

Jadi saya hendak tahulah benarkah benda ini dan kalau betul ini pun juga satu masalah besar. Kesian sangat dengan budak-budak yang pandai-pandai yang cerdik-cerdik ini, yang 10 agregat ke bawah ini yang menjadi mangsa kepada sistem kita yang di mana pegawai-pegawainya yang kurang bertanggungjawab. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau perbezaan RM1,000-RM2,000 hantarlh kesemua 34 orang itu ke luar negara, kerana itu pakatan kita, itu adalah satu pakatan kita dengan mereka. Cuba bayangkan bagaimana mereka ini akan putus asa dengan pihak kerajaan....

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Yang Berhormat ada disebutkan pelajar-pelajar menjadi mangsa kepada sistem kita. Jadi sistem pendidikankah ataupun sistem apa, yang saya hendak tanya sistem pendidikan kita atau sistem yang lain yang boleh menjadikan pelajar-pelajar kita itu sebagai mangsa?

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Sistem pendidikanlah. Fasal kita dahulu sudah berikan dia latihan, hebat masuk mungkin sekolah berasrama penuh dapat agregat 10 ke bawah, bukan senang dapat 10 agregat ke bawah ini. Saya dahulu pun tidak dapat 10 agregat ke bawah tetapi zaman dahululah. Lepas itu buat perjanjian hendak hantar ke luar negara tiga tahun, lepas itu tidak lepas, jadi ini sedihlah. Jadi saya kalau benda ini betullah, Tuan Yang di-Pertua, saya harap kita perbetulkan dengan serta-merta.

Saya juga hendak bertanya adakah benar universiti-universiti tempatan IPTS swasta ini yang boleh mengeluarkan ijazah-ijazah yang hanya laku di negara kita sahaja. Sungguhpun ia mempunyai twinning, dia mempunyai satu pertalian perhubungan dengan universiti-universiti luar negara tetapi kalau 3+0 yang mana semuanya dibuat di sini, ijazah itu hanya *valid in Malaysia only*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, laku hanya di Malaysia. Kalau ini betul-betul macam mana kita hendak menjemput orang-orang, pelajar-pelajar daripada China, Indonesia, Thailand dan sebagainya ke Malaysia untuk hendak belajar di sini.

Jadi cuba check balik semula sebab banyak sangat perkara-perkara berterbangan di sekitar masyarakat kita, perbetulkan. Saya ingin penjelasan sedalam-dalamnya, seluas-luasnya dan sepanjang-panjangnya berkenaan dengan pendidikan kerana inilah building block kepada generasi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berterima kasih kepada pihak kerajaan kerana dana pinjaman telah pun meningkat daripada RM1 bilion ditambah lagi RM1.5 bilion lagi dan juga diperluaskan untuk mereka menyertai IPTS, kalau dahulu hanya IPTA, sekarang ini IPTS. Walau bagaimanapun, yang sudah pandai-pandai mungkin mendapat biasiswa JPA, Petronas, badan-badan besar ini, tetapi yang kurang pandai ini terpaksa meminjam. Kalau boleh wujudkan satu dasar, kalau mereka menunjukkan kecemerlangan yang luar biasa, mungkin di bidang-bidang tertentu pangkat dua atas, second class upper atau bidang-bidang yang lain pangkat pertama, ijazah pangkat pertama, first class honours, jadi mereka ini dapat terdorong hendak belajar dengan baik untuk mendapatkan ijazah-ijazah yang paling tinggi supaya pinjaman itu dijadikan biasiswa 100%. Tidak payah bayar kepada tabung dana pinjaman itu tadi. Kerana ini merupakan satu dorongan, dan kita memerlukan mereka ini diberi dorongan untuk meningkatkan prestasi mereka di peringkat universiti-universiti. Jadi itu yang saya pohon kepada pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, laporan audit negara juga banyak menyentuh tentang kebocoran hasil maknanya hasil tidak dikutip, kerana perjanjian tidak dibuat ataupun bon tidak ada kepada kontraktor-kontraktor. Di dalam ini ada dinyatakan, di dalam Kementerian Pertahanan misalnya, Tuan Yang di-Pertua, saya dapati kerajaan telah mengalami kerugian dari segi elaun perumahan yang dibayar bagi tempoh Ogos 1996 hingga Oktober 1998 berjumlah RM4.5 juta kerana diakibatkan daripada kelewatan penyerahan rumah-rumah kepada kementerian, kerajaan terpaksa menanggung bayaran elaun perumahan kepada anggota-anggota Angkatan Tentera Malaysia yang tidak dapat menduduki rumah-rumah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu contoh. Yang saya hendak tahu kalau dapat pihak kerajaan memberitahu Dewan apakah jenis-jenis yang lain yang kerajaan terpaksa membiayai kerana projek tak siap dan terpaksa kita ambil bon, kadang-kadang bon tidak ada, bon belum siap lagi. Kerana ini merupakan satu kebocoran hasil kerajaan dan kita sekarang ini memerlukan hasil ini. Apakah tindakan, saya hendak tahu. Kalau buat senarai berapakah pegawai yang terpaksa kita ambil tindakan kerana kecuaiian semacam ini. Inilah baru wujud satu sistem kerajaan management by objective, pengurusan berdasarkan kepada objektif. Kalau objektif saya menentukan pegawai-pegawai tentera dapat rumah pada tahun 1998, kalau dia dapat tahun 1999 saya terpaksa beri elaun perumahan dalam masa setahun. Jadi, pegawai yang menentukan itu kita kena check semula, kita kena kaji ataupun syarikat-syarikat yang bertanggungjawab terpaksa mempunyai bon tertentu untuk membiayai pula kos yang dibebankan kepada pihak kerajaan. Jadi, saya minta pihak kerajaan menyenaraikan kebocoran hasil akibat daripada kealpaan pihak-pihak tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh dari segi penswastaan. Memang benar pada satu ketika penswastaan merupakan satu pendekatan yang amat bijak bagi kerajaan mengurangkan kos pengurusannya sendiri, kos emolument, pekerja-pekerja diambil alih berkenaan dengan apa yang diswastakan dan juga kos kewangan (financial cost) diberikan pula kepada mereka yang mendapat penswastaan itu. Tetapi malangnya, penswastaan ini ada juga akibatnya, akibat dari segi post penswastaan, pasca penswastaan, pengelolaan kita, kerajaan sendiri memantau. Adakah benar perkhidmatan yang diberi oleh syarikat yang mendapat penswastaan itu memenuhi hasrat kerajaan.

Saya beri contoh, setahun yang lepas saya pergi ke Hospital Besar Kuala Lumpur kerana sahabat saya kata pergilah check sungguhpun saya nampak muda tetapi di dalam itu saya tidak tahu muda atau tua mengenai jantung. Dia pun agaknya misinterpret, dia kata saya 35 tahun. Saya kata tidak, lebih tua dari itu. Dia suruh saya check jantung saya. Saya pergi. Saya selalu pergi ke Subang Medical Centre, Tuan Yang di-Pertua, tetapi kerana desakan sahabat-sahabat saya pergilah ke Hospital Besar Kuala Lumpur. Saya pergi ke sana hendak buat 'treadmill' ini, tidak ada bateri. Sudah dua minggu, yang satu tidak ada bateri dan yang satu lagi masalah besar kerana dakwat itu terlalu banyak dan grafnya tidak dapat dibaca. Ini ramai yang menunggu. Saya kata apa macam ini boleh berlaku. Rupa-rupanya Redicare yang mendapat penswastaaan perkhidmatan-perkhidmatan hospital di Wilayah ini tidak membeli bateri untuk dihantar ke hospital. Apa ini!

Sepatutnya bila diswastakan ianya lebih canggih. Rupa-rupanya mengikut laporan audit terlalu banyak perkara selepas penswastaaan tidak memuaskan kerana ia tidak mengikut syarat-syarat penswastaaan, termasuklah dahulu saya sebutkan IWK yang tidak memuaskan sehinggakan kerajaan terpaksa mengambil alih balik. Saya tak tahulah, ini bukan saya hendak tuju kepada sesiapa, tetapi terpaksa kerajaan mengambil balik pasal IWK 'kapur', tak boleh menjalankan kerja-kerja yang sepatutnya dipertanggungjawabkan. Sekarang ini Redicare dan dua, tiga buah syarikat lain yang diberikan perkhidmatan penswastaaan di hospital-hospital mengikut wilayah sepatutnya pihak kerajaan mengawasinya supaya tidak wujud perkara-perkara yang boleh menyusahkan orang ramai sehinggakan timbul kegelisahan dan kepercayaan kepada hospital-hospital. Saya diberitahu selain daripada Redicare, dua buah syarikat lain yang jumlah penswastaaan ini bukannya sedikit, RM400 juta lebih untuk memberikan perkhidmatan-perkhidmatan kepada hospital-hospital ini.

Pada satu ketika, Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan hospital pun hendak diswastakan. Saya ingat ini kena kaji betul-betul kerana perkhidmatan sosial kepada orang ramai terpaksalah kita jaga.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tumpang syer samalah pengalaman bersama dengan Dato', dalam perbincangan Dato' tadi banyak menyentuh tentang pendidikan, saya pun rasa hendak bangun menyokong. Memang apa yang kita rasa dan kita alami sendiri masalah pendidikan kalau boleh saya merumuskan bahawa pendidikan itu memerlukan penglibatan

kebersamaan persyarikatan antara ibu dan bapa mengambil berat anak-anak dalam semua peringkat bagi *memotivate*kan anak-anak belajar dan memahami psikologi dalam peringkat pertumbuhan minda mereka. Jadi, kalau tengok dalam education yang dipamerkan di dalam TV saya rasa tidak begitu nampak kesungguhan pihak Kementerian Penerangan – kalau hendak bandingkan saya terlupa satu siri child education yang gambar burung kuning besar, saya pernah tengok siri education dalam kanak-kanak itu memang konsisten sampai bertahun-tahun gambar itu ditunjuk di Amerika .

Tetapi kita di sini nampaknya dari segi education tidak didedahkan kepada rakyat terutamanya kepada remaja di semua peringkat betapa perlunya perkembangan minta itu dipupukkan dengan pendidikan dan seterusnya motivasi kepada keperluan ilmu itu menjadi teras kepada menggarapkan hidup dan menjayakan hidup dunia-akhirat. Saya harap syer kita bersama kita desak jugalah bahawa pendidikan melalui penyiaran itu mesti dipertingkatkan.

Yang kedua, mengenai swasta. Saya difahamkan dan saya pun selalu juga bersama dengan orang-orang akademik. Kita melihat peringkat buat A Level, kita panggil peringkat matrikulasi. Adakah pihak universiti *membudget*kan berapakah universiti tempatan memerlukan kepada anak-anak untuk dimasukkan ke universiti bagi semua pengambilan itu. Jadi, matrikulasi juga ada swastanya. Apabila bahagian swasta mengiklankan, kita berpusu-pusu menghantar anak kita dengan budget yang cukup untuk 1 tahun lebih kurang RM9,000 atau RM10,000, tetapi penghujungnya anak-anak ini nanti akan dimasukkan ke mana-mana universiti tempatan. Sayangnya, pertama kegagalan dari segi tidak mampu untuk mencapai kepada level dan tahap yang dikehendaki oleh universiti tempatan. Yang kedua, peruntukan universiti itu sendiri dari segi bilangannya tidak boleh dimasukkan anak-anak itu ke universiti. Jadi, akhirnya tanggungan begitu menghampakan terpaksa dipikul oleh ibu bapa dan anak-anak itu juga menjadi mangsa kerana tidak boleh sambung di universiti itu sendiri. Maka itulah yang menjadi masalah kita sekarang yang harusnya kita memikirkan dan mengatasi bersama kerana kita sayang kepada generasi penyambung tugas-tugas kita yang penting masa depan. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Saya percaya Yang Berhormat belum berucap lagi. Jadi, banyak masa untuk mengembangkan idea Yang Berhormat.

Tetapi saya terpanggil semula ke bidang pendidikan kerana Yang Berhormat menyentuh pendidikan tadi. Sistem pendidikan kita kalau kita tengok sekarang ini ianya memang mementingkan peperiksaan. Jadi, bijak kita melahirkan mereka yang bijak menghafal – ikut buku, daripada memikir (creative). Saya perhatikan kita tidak ada interaksi, murid dengan guru, dia punya gap bukan sebagai sahabat, bukan sebagai kawan, bukan sebagai satu pendekatan yang boleh dikatakan persahabatan. Tetapi dari segi master dan student. Jadi, mereka terpaksa menumpukan perhatian kepada menghafal sahaja untuk peperiksaan. Jadi, kalau ini benar kita kena tiru cara lain supaya minda anak-anak kita itu lebih terbuka, lebih kreatif dan tidak perlu kita mengkhususkan kepada peperiksaan semata-mata.

Juga saya sebagai bekas murid Maktab Tentera Diraja, Tuan Yang diPertua, mengesyorkan kepada Kementerian Pendidikan, kalau sekolah-sekolah berasrama penuh itu ikut secara Maktab Tentera Diraja. Kita letakkan dua, tiga pegawai tentera, tiap-tiap pagi dia bangun pukul enam, pukul tujuh, kawad dahulu sejam, selepas itu masuk kelas 7.30 dan sebagainya, adakan program.

Pasal saya diberitahu, kokurikulum untuk sekolah-sekolah telah pun dipinggirkan begitu lama. Baru-baru ini saya difahamkan oleh sahabat semenjak Dr Syukur mengambil alih sebagai Ketua Pengarah Pendidikan barulah dapat RM16 juta ke RM18 juta setahun untuk kokurikulum. Dan, kokurikulum ini amat penting sebab itulah saya syorkan tadi supaya kita ikut cara Maktab Tentera Diraja kerana ada seimbangan. Tiap-tiap kita, di Maktab Tentera Diraja pergi sekolah pagi-pagi, balik makan, tidur satu jam tengah hari lepas itu terus aktiviti. Pukul 2.30 lepas Zohor, lepas tidur sejam ini, pergi terus kepada aktiviti-aktiviti kelab, antara pukul 2.30 lepas Zohor sampai pukul 4.00, kelab, pelbagai kelab, kelab perdebatan, kelab ini, kelab itu, semua kena masuk, semua tidak boleh berada di dalam tempat tidur masing-masing, kena keluar masuk kelab. Pukul 4.30 petang lepas asar, lepas makan terus ke padang. Yang tidak bermain bawa air tetapi terus ke padang untuk kegiatan-kegiatan sukan barulah boleh kita melahirkan anak-anak yang seimbang dari segi pemikiran akademi dan juga personaliti yang boleh menerima apa saja cabaran.

Saya perhatikan sekolah-sekolah asrama penuh sekarang ini lebih pentingkan pencapaian A yang paling tinggi. Tetapi personaliti *development*, dengan izin, dari segi pembangunan personaliti yang boleh mempunyai keyakinan diri, yang tidak

bergantung kepada cikgu kurang. Anak Maktab Tentera, campak ke mana-mana sahaja, dia boleh *survive* kerana dia telah dilatih untuk *survival*.

Jadi saya memohon kepada Kementerian Pendidikan, cuba tengok model, acuan yang dibuat oleh Maktab Tentera dan cuba kita kembangkan kepada sekolah-sekolah berasrama dulu, lepas itu baru kita kembangkan menerusi pertubuhan-pertubuhan kadet poliskah, tenterakah, di sekolah-sekolah yang tidak berasrama penuh.

Dan belanjawan untuk kokurikulum, saya mohonlah pihak Kementerian Kewangan dan Kementerian Pendidikan perbanyakkan lagi. Saya difahamkan untuk bola sahaja RM100 setahun. Daripada RM16 juta ke RM18 juta belanjawan kokurikulum ini, 30% sahaja untuk sukan. Dan, dalam kategori sukan itu pula RM100 setahun untuk bola

Dato' Michael Chen Wing Sum: Apa bola itu?

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Bola sepak.

Dato' Michael Chen Wing Sum: Oh! Bola sepak.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Jadi, ini amat menyedihkan. Sebab itulah, bola kita di kalangan remaja amat berkurangan dari segi prestasi. Sampai ke peringkat FAM – mohonlah izin, Tuan Yang diPertua, saya cerita FAM – saya sebagai salah seorang ahli kebangsaan FAM council dan bertanggungjawab untuk memberikan sedikit sebanyak imbuhan kepada remaja ini, kita beri RM3.5 juta untuk makluman Dewan yang mulia ini kepada negari-negeri yang boleh mengaturkan perlawanan, antara sekolahkah, antara pasukan-pasukan di peringkat negeri-negeri. Kita beri total dari segi pembangunan bola peringkat negeri-negeri RM3.5 juta. Ini FAM.

Tetapi kalau sekolah-sekolah hanya boleh memberi RM100 ke setiap sekolah, padang pun akan naik lalang, pasal tidak ada orang main, dan ini penting. Saya hendak tanya pihak kementerian tahap pencapaian. Bola dulu, dia boleh main bulan Mac, April Mei. Tiga bulan sahaja dalam setahun. Sekarang ini ditingkatkan kepada 6 bulan, tetapi apa sudah jadi. Adakah kita hanya hendak mencapai satu tahap di mana murid-murid kita merupakan bookworm sahaja ataupun kita hendak melahirkan menerusi sistem pendidikan warganegara yang berguna di dunia dan di akhirat. Insan-insan kamil. Anak-anak yang soleh dan solehah untuk menentukan perjuangan negara kita dapat berterusan.

Jadi, saya juga ingin menyarankan kalau ilmu menjadi teras pembangunan negara, saya ingin menyarankan kepada 39,000 graduan yang tidak ada kerja ini supaya kerajaan memberikan latihan komputer kerana dia *zoology* kah, mungkin sastera pun saya tidak tahulah. Mungkin sastera Melayu, sastera Tamil, sastera China ataupun bidang-bidang lain yang tidak diperlukan oleh pasaran. Sekarang ini kita memerlukan, kita mesti mengimbangkan tuntutan pasaran, must be market heaven, dengan pengeluaran daripada universiti-universiti. Kalau tidak ada matching, tidak seimbangkan dengan keperluan pasaran maka ianya tidak akan mendatangkan hasil.

Jadi, saya syorkan pada 39 ribu graduan itu, kementerian yang bertanggungjawab panggil semua, letakkan di satu tempat, dua tempat, tiga tempat, berikan latihan komputer. Semua jadi *computer literacy*, celik komputer.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, minta sikit laluan.

Dato' Michael Chen Wing Sum: Sila.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Saya sangat tertarik dengan cadangan itu, tetapi saya ingin bertanya, kalau 39 ribu orang itu dilatih dalam bidang IT, mungkin bidang IT itu terlalu dibanjiri oleh pakar-pakar dalam IT sehingga IT sendiri menjadi satu masalah dari segi sumber manusia. Pada suatu ketika ini memang berlaku kerana dalam bidang kejuruteraan sivil terlalu ramai orang ke bidang itu dan kemudian di dapati bidang itu sudah menjadi satu bidang yang mana kadar tinggi pengangguran itu berlaku.

Sama ada kita merancangkan satu strategi semacam ini, saya ingin tahu sama ada perkara ini akan menjadi satu masalah. Mungkin tidak di dalam tahun sekarang tetapi ini memang sudah wujud dari tinjauan saya, 2 tahun kebelakangan ini, seorang graduate IT itu memang boleh dapat satu jawatan yang begitu lumayan tetapi sekarang sudah ada sedikit masalah dari segi itu. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Ya, saya setuju dengan Yang Berhormat. Saya katakan tadi, kita perlukan unjuran tenaga manusia, satu plan induk tenaga manusia, keperluan dan pengeluarannya dalam masa 10 tahun akan datang, dekad ke 90'an. Ini yang belum dibuat lagi. Jadi, ingin saya syorkan yang 39 ribu ini kita kena kajilah dengan kehendak semasa, adakah ianya perlu ITkah, perlu ini, perlu itu, saya tidak tahu. Jadi, saya menyeru kepada pihak kerajaan mengkaji.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, mungkin saya boleh beri sedikit maklumat tentang bilangan tiap-tiap pelajar dalam sesuatu kursus. Setahu

sayalah, kerana saya seorang bekas pensyarah dari USM. Setahu saya tiap-tiap tahun dari segi pengambilan pelajar, memang ada diiklankan berapa yang diperlukan dalam sesuatu bidang, so satu tinjauan telah dibuat dari pasaran dan kemudian maka bilangan telah ditetapkan. Katakan satu kursus A mungkin perlukan 100 pelajar, kursus B 100 dan sebagainya. So, dari segi pemasaran itu mungkin bolehlah menyerap semua tenaga manusia ini. Tetapi yang menjadi masalah mungkin dari segi penelitian. Ada juga pelajar-pelajar yang datang, balik dari – mungkin luar negara dan itulah bila ditambah kepada pasaran kita mungkin telah sedikit sebanyak telah menjejaskan angka-angka itu. Mungkin itu pula yang menyebabkan masalah yang ditimbulkan tadi. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, dalam hal pendidikan ini juga dan ilmu sebagai teras pembangunan

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih Yang Berhormat Dato'Aziz kerana memberi laluan. Kebetulan saya amat bersetuju dengan Dato'Aziz tentang pengangguran 39 ribu mahasiswa ini dan *respond* dari Yang Berhormat tadi pun saya bersetuju. Cuma yang saya tidak bersetuju sedikit daripada kesimpulan yang dibuat atas tajuk itu. Sebab saya memang sudah bersedia untuk bercakap tajuk itu, *may as well*, dengan izin, saya tumpang di sini, jadi saya tidak payah *cover* apabila saya bercakap nanti. Soalnya begini, kita masih ada *solutionnya*, kita masih ada penyelesaiannya.

Target cadangan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz baik, 39,000 orang ini mesti diberi kursus dengan pendekatan IT. Pada saya luas ICT dari segi kemahiran. Kita perlu memberi tarifi ICT ini mengatakan bahawa bidang ICT adalah satu kemahiran asas yang boleh diletakkan dalam semua bidang pekerjaan A to Z. Oleh kerana itu soal matching, dengan izin, di antara kelulusan khusus yang ada pada 39,000 orang itu dengan permintaan pekerjaan yang ada di pasaran pekerjaan tidak begitu timbul.

Inilah sebenarnya yang kita hendak sediakan, yang kata pekerja mahir berteraskan ilmu kerana menggunakan ilmu dengan skill yang dalam bidang ICT kita hendak serapkan ICT dalam semua bidang A to Z, dalam pertanian, dalam kebudayaan, dalam kesenian. Saya bercakap tadi dengan Yang Berhormat yang bercakap panjang tadi itu, saya tekankan dari segi content, dari segi isi bukan sahaja fizikal, teknologi, produksi dan sebagainya. Content berasaskan maklumat ilmu,

intellectual property dengan izin, ini yang saya maksudkan barulah kita challenge pada 39,000 our model, our set dengan izin, kita punya kumpulan sasaran kita ini kita perhebatkan, baru kita boleh test betul sama ada mereka ini betul-betul sudah didedahkan dengan pendidikan yang sebenar.

Malah ini selaras dengan MSC dan perancangan-perancangan lain dari segi aplikasi tetapi aplikasi perdana hanya disebut tujuh. Kita seolah-olah terkongkong dengan tujuh, sebenarnya ICT tidak, melimpahi semuanya. Jadi, saya kata teruskan dengan cadangan itu, jangan give up tetapi kita kata minta beri pengkhususan supaya diserapkan ICT dalam semua bidang. Kalau set ini pertanian, fikir tentang pertanian, kalau set ini tentang kebudayaan, fikir tentang kebudayaan dan seterusnya. Itulah saya tumpuan beri input kepada Yang Berhormat. Terima kasih memberi peluang, saya sudah tidak cover lagi dalam ucapan. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Yang Berhormat, jadi selain daripada yang 39,000 itu Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita banyak universiti. Universiti tempatan, universiti awam, IPTS tetapi saya hendak tanya apakah terjadi pada universiti ini sewaktu cuti panjang, semester-semester yang panjang ini.

Kalau di U.K. Tuan Yang di-Pertua, dia ada summer program, dia ada buku setebal ini menunjukkan aktiviti-aktiviti, seminar-seminar ataupun latihan-latihan anjuran universiti-universiti seluruh U.K. untuk sekian lama seminggu, dua minggu, tiga minggu didedah kepada orang luar.

Jadi, majikan-majikan dan juga kerajaan tengok senarai ini, tengok ia punya human resource nya dari segi kakitangan lepas itu dia pula beri peluang kepada mereka ini untuk mengunjungi universiti mengikuti kursus. Ini ilmu sepanjang hidup ini.

Jadi, saya ingin hendak bertanya, adakah Kementerian Pendidikan mengesyorkan supaya setiap cuti-cuti universiti ini, fakulti-fakulti tertentu menganjurkan program untuk orang-orang dewasa, kakitangan kerajaan kah, swasta kah program-program yang boleh menarik bukan sahaja IT ini, apa sahaja program, kemahirankah, tukangkah dan sebagainya kerana kita hendak membudayakan ilmu, supaya semua lapisan masyarakat dapat akses kepada ilmu ini dan program semacam ini saya memang tahu, memang banyak cuti-cuti panjang di universiti-universiti dan kadangkala tempat itu kosong sahaja dan orang-orang luar pun boleh mempunyai

kerjasama dengan universiti untuk menganjurkan kursus-kursus ini. Janganlah harga mahal sangat, dalam kadar yang termampu oleh mereka ini. Jadi, ilmu seumur hidup.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita berterusan dengan cara yang demikian dan mengurangkan dari segi pelajar-pelajar kita hanya untuk hendak mendapatkan academic achievement sahaja, pencapai akademik barulah dapat kita melahirkan masyarakat berilmu dan kreatif. Saya tujukan kepada benda yang kreatif ini kerana ianya ada kaitan dengan penyelidikan dan pembangunan (research and development). Sekarang ini target kita, matlamat kita supaya kerajaan mengeluarkan dana kewangannya dari segi semua universiti dan semua badan-badan yang boleh menjalankan kajian.

Di sini saya hendak mengucapkan tahniah, baru-baru ini saya terbaca empat orang daripada universiti-universiti tempatan kita pergi mendapat pingat emas di peringkat antarabangsa, dari segi apa yang dihasilkan, dari segi kreativiti, benda-benda yang canggih ini.

Jadi, kita hendak membiarkan minda yang kreatif ini supaya ianya dapat dicerminkan oleh penghasilan penyelidikan dan pembangunan (research and development) di peringkat-peringkat kerajaan, universiti dan juga swasta dan pada masa yang sama kita hendak meningkatkan pendaftaran pattern kerana Tuan Yang di-Pertua, peperangan akan datang ialah peperangan intellectual property, siapa yang banyak mempunyai intellectual property sekarang ini? Amerika yang berdaftar untuk kegunaan seluruh dunia, begitu juga dengan Eropah.

Jadi, kita sekarang terpaksa berlumba-lumba mendaftarkan penemuan kita, idea baru kita di dalam senarai pattern yang boleh dikemukakan di peringkat antarabangsa. Saya ingat dahulu '*Sate Ria*'. '*Sate Ria*' Tuan Yang di-Pertua, merupakan satu francais yang amat baik tetapi rupa-rupanya dia tidak berdaftar sebagai satu francais ke peringkat seluruh dunia, timbul '*Sate Ria*' di Singapura yang tidak perlu francais daripada Malaysia.

Jadi, tidak kukuh, tidak kemas. Jadi, saya ingin mengesyorkan kepada pihak kerajaan, bukan sahaja membuka universiti-universiti tempatan baik swasta dan awam kepada orang ramai supaya mereka cinta kepada ilmu dalam masa-masa tertentu tetapi menukar struktur pendidikan kita supaya menghidupkan minda yang canggih dari segi inovasi dan kreativiti, maka barulah..... .Lepas itu Tuan Yang di-Pertua, universiti-universiti ini saya hendak syorkan sekali lagi, pernah saya syorkan dahulu

mesti berebut-rebut antara mereka, yang kerajaankah, yang swastakah kepada kerajaan untuk memohon kewangan dari segi penyelidikan dan pembangunan (research and development). Baik penyelidikan pembangunan sosialkah, sains teknologi dan engineering, apa sahaja pendidikan ia kena buat priority nya. Lepas itu ada jawatankuasa khas mengkaji dalam masa setahun ini kajian ini dibuat oleh universiti ini dan universiti pula mempunyai hairarki tertentu.

Sesiapa yang banyak sekali menghasilkan penemuan idea baru, kreativiti yang tinggi dan canggih, maka itu diiktiraf sebagai universiti premier, universiti nombor satulah kerana di U.K. memang itu dibuat. Oxford, Cambridge, Manchester dan pelbagai universiti, South Tech. University, ia berlumba-lumba untuk tiap-tiap tahun memberitahu kepada pihak kerajaan yang bertanggungjawab dari segi dana kewangan, penyelidikan dan pembangunan dan sebab itulah mereka terkenal.

Saya juga amat tertarik hati Tuan Yang di-Pertua, dengan cara baru-baru Universiti Teknologi MARA yang mengesyorkan kepada lepasan universiti, lepasan MARA alumninya yang berjumlah lebih kurang 130,000 sejak RIDA, MARA, ITM dan sekarang ini Universiti Teknologi MARA untuk berkumpul lepas itu menyumbangkan, berbudi kepada institusi yang melahirkan mereka dan mereka kutip RM1.3 juta. Itu satu malam kerana inilah caranya. Universiti Harvard yang terkaya di dunia RM14 bilion dari segi dana kewangannya, yang semua ini disumbang oleh mereka yang dapat MBA, Dr., PhD, yang seluruh dunia ini, menyumbang.

Jadi, saya menyeru kepada semua lepasan Universiti Malaya, lepasan universiti-universiti lain supaya berbudi kembali kepada institusi pengajian tinggi di mana mereka mendapat ilmu untuk menghidupkan generasi yang akan datang supaya tahap pencapaian dapat kita pertingkatkan. Ini bukan tanggungjawab kerajaan sahaja untuk hendak menentukan universiti itu canggih dari segi mempunyai kerusi-kerusi tertentu, chair of the development kah, chair economic seorang demi seorang dan sebagainya tetapi sekarang ini amat terhad dari segi sumbangan orang ramai, walhal mereka dari Universiti Malaya telah pun mengeluarkan ratusan ribu graduan-graduan dalam segala bidang, Menteri-menteri dan sebagainya dan kita perlukan mereka berbudi kembali. Anggaplah universiti itu sebagai taman ilmu dan taman budi. Maka barulah kita dapat menyerlahkan lagi universiti kepada tahap yang lebih tinggi, yang banyak mempunyai gedung ilmu, bukannya sebagai ivory tower ataupun menara

gading. Itu cerita lama Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini universiti tidak sepatutnya dianggap sebagai menara gading tetapi sebagai taman budi dan taman ilmu.

Jadi, kalau ini kita buat Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya kecanggihkan, keilmuan kita akan terus meningkat. Tuan Yang di-Pertua, saya tadi dipanggil untuk berdebat semula, berbahas dari segi pendidikan. Sebenarnya tadi saya hendak bercakap tentang penswastaan. Jadi, dalam hal penswastaan Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menarik perhatian kerajaan adakah benar

Datuk Long bin Jidin: [*Bangun*]

Dato' Michael Chen Wing Sum: Yang Berhormat, Yang Berhormat Datuk Long bin Jidin bangun.

Datuk Long bin Jidin: Saya mohon laluan sedikit daripada Yang Berhormat, tentang budaya masyarakat kita. Tadi Yang Berhormat Dato' menceritakan tentang sumbangan penuntut-penuntut yang keluar daripada universiti tetapi tiap-tiap tahun saya tengok dalam iklan surat khabar hutang MARA ini tidak dibayar, pinjam untuk pendidikan ini. Hutang itupun tidak mahu bayar, macam mana dia hendak sumbang?

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, itu pun saya bersetuju sangatlah. Ini sistem, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, di dalam Laporan Audit ini pun juga ada menceritakan bagaimana murid-murid, pelajar-pelajar setelah mendapat ijazah dari universiti, setelah bekerja tidak dapat menjelaskan pembayaran balik kepada tabung. Tabung pendidikan dahulu sebelum yang baru ini wujud banyak yang tidak berbayar sehinggakan – ini semua bergantung kepada sistem Tuan Yang di-Pertua. Saya hairan kenapa perkara ini boleh berlaku. Kalaulah sekiranya dalam surat perjanjian kita tahu pelajar-pelajar ini bekerja, ada yang kerja dengan kerajaan, ada yang kerja dengan swasta, lepas itu berpakat dengan majikan-majikan supaya bekas pelajar-pelajar ini sign dalam borang perjanjian untuk mereka bersetuju membayar balik menerusi apa sahaja majikan yang mereka sertai.

Jadi, ini beri kepada majikan deduct sahajalah, bayarlah komisen kepada majikan, kalau perlu dibayar. Ini perkara mudah tetapi yang mudah seperti ini pun tidak boleh dijalankan sebab itu saya minta tadi pihak kerajaan menyenaraikan hasil-hasil yang tidak dikutip kerana ini hasil kerajaan untuk membiayai pelajar-pelajar yang akan datang. Salah satunya inilah yang dana kewangan pinjaman yang tidak dijelaskan oleh pelajar-pelajar kita supaya secara automatik, kerja sahaja..., kita ada

I.C. number, nombor-nombor kad pengenalan ini adalah nombor yang central kepada satu-satu orang itu yang tidak boleh ada orang tiru lagilah kalau ikutkan nombor itulah yang kita gunakan untuk mengesan di mana mereka berada. Jadi, bersetuju macam mana dia boleh menyumbang kalau sekiranya biasiswa tidak dapat hendak bayar lagi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, bersangkutan paut dengan penswastaan dan ada berkaitan juga dengan pendidikan. Saya terbaca dalam surat khabar penswastaan pembekalan makanan ke sekolah-sekolah berasrama diberi kepada syarikat besar-besar sebagai konsortium. Dalam surat khabar itu mengatakan MAS catering boleh membekal, tidak tahu sudah boleh atau belum lagi kepada sekolah-sekolah berasrama penuh di Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang dan Terengganu. Besta Distributors - Perak, Selangor, Federal Territory. Konsortium Pembekal Makanan Bumiputera Zon Utar - , Perlis, Kedah, Pinang. Konsortium Kelantan, itu Kelantan sahaja Kelantan ini khas, seorang sahaja, satu sahaja.

Dan harga makanan sekepala (per head) RM9.96. Saya difahamkan dahulu kerja-kerja tender-tender kecil ini diberikan kepada orang tempatan sahaja supaya mereka ini hidup sebagai golongan daripada Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Ini kecil-kecilan dan harganya pun lebih kurang RM5.00, RM6.00 sekepala. Sekarang ini RM9.96 dan diberi kepada syarikat gergasi, besar-besar ini untuk mengawasi seluruh negeri ini, ini saya baca dalam surat khabar. Kalau ini benar saya rasa tidak payahlah, berilah kepada orang-orang tempatan di sekitar sekolah itu, kita ketatkan sahaja dari segi

Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Siapakah di kalangan mereka yang melakukan kerja-kerja demikian itu? Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tidak, saya tidak tahu

Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim: Yang memberikan kontrak kepada mereka.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:saya sebutkan tadi mereka yang mendapat penswastaan saya sebutkan tadi, MAS catering, Besta Distributors, Konsortium Pembekal Makanan Bumiputera Zon Utara

Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim: Tetapi tentulah ada di antara kalangan yang menyampaikan perkara itu kepada syarikat-syarikat besar ini. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Saya tidak faham.

Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim: Yang memberikan kontrak itu kepada syarikat besar tertentu dan ada kementerian-kementerian mana? Sekian, terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Ini penswastan maknanya menerusi EPU lah. EPU dan Kementerian Pendidikan, saya tidak tahu bagaimana benda ini dibuat saya minta pihak kerajaan menjelaskan kepada kita, adakah benar, adakah perkara ini sudah berlaku, adakah ianya dikaji semula kerana kalau ianya dilakukan tentu sahaja mereka yang terdahulu daripada mereka ini hilang punca pendapatan.

Jadi, saya minta pihak kerajaan supaya berwaspada dari segi kita hendak menswastakan satu-satu, meninjau sejauh mana perkara ini memberi impak kepada orang-orang kecil.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak meningkatkan ilmu dan ilmu itu berteraskan kepada Bahasa Malaysia yang kini menjadi bahasa pengantar, saya menyeru sekali lagi kepada Dewan Bahasa dan Pustaka menggunakan seluruh tenaga bagi membuat penterjemahan, penterjemahan ini selalu slow.

Tuan Yang di-Pertua, ilmu ini kebanyakannya dalam bahasa Inggeris, bahasa Jepun, bahasa Perancis dan bahasa German, tidak banyak dalam bahasa Melayu dan bahasa Cina pun banyak. Jadi, kalau sekiranya Dewan Bahasa dan Pustaka bermati-matian memperjuangkan penggunaan Bahasa Malaysia yang ianya sudah pun dicapai, cara hendak mengilmukan pengguna bahasa-bahasa Malaysia dengan ilmu-ilmu yang terkini ialah menerusi terjemahan-terjemahan yang dibuat secepat mungkin. Janganlah satu teori yang dikeluarkan hari ini boleh diterjemahkan enam tahun kemudian kerana teori itu mungkin telah pun diambil alih oleh teori-teori baru dalam masa lima tahun itu, jadi, kita sentiasa ketinggalan.

Kalau Bahasa Malaysia hendak dijadikan bahasa perantaraan, lingua franca rantau ini ianya mesti berpaksi kepada tunjang-tunjang ilmu dalam bidang apa sekalipun, baik sains, perubatan, teknologi apa sekalipun dan untuk ini pasukan penterjemah mesti diberi peluang, mesti kita kumpulkan supaya segala kertas-kertas kerja, jurnal-jurnal dapat diterjemahkan dengan secepat mungkin, kalau tidak akan

terpinggirlah mereka yang menguasai bahasa Melayu, Bahasa Kebangsaan tetapi tidak menguasai bahasa-bahasa lain. Sebab itu saya katakan tadi, bahasa Inggeris terpaksa kita perkuatkan kerana tanpa bahasa Inggeris sejajar dengan bahasa-bahasa lain ianya akan memudaratkan masa depan kita, begitu juga bahasa Mandarin, bahasa Tamil.

Bahasa Mandarin saya syorkan sebagai menjadi bahasa pilihan utama juga kerana pada masa abad baru ini satu bilion lebih masyarakat China termasuk Taiwan dan sebagainya merupakan pasaran yang terbesar. Kalau peningkatan ekonomi China meningkat akan wujud balik empayarnya yang terdahulu dan kita mesti menguasai bahasa-bahasa ini supaya kita juga dapat berkecimpung di dalam arus perdana perjuangan rantau ini dalam bidang ekonomi.

Tuan Yang diPertua, ini terpaksa kita buat dengan secepat mungkin kerana kita tidak mahu ketinggalan. Selain daripada aspek pendidikan sebagai *block building* kepada negara untuk maju ke hadapan, saya ingin juga menyentuh dari segi kegiatan belia. Saya nampak baru-baru ini, Tuan Yang diPertua, belia ini banyak masalah. Kita ada Majlis Belia Malaysia yang kadangkala menyentuh hal harga-harga barang dengan MTUC, sahabat saya di sana, kadangkala menyentuh hal governance, ini teori antarabangsa ini, kadang-kadang menyentuh pelbagai perkara, yang penting disentuh bagaimana hendak mendorong belia-belia supaya datang ke depan.

Saya lihat 772 pertubuhan-pertubuhan belia telah gagal, sudah pun dikeluarkan daripada pendaftaran. Dan saya lihat juga belia yang didefinisikan antara 15 tahun hingga 40 tahun ini hanya 19% sahaja daripada 9.3 juta yang menyertai kegiatan-kegiatan belia menerusi pertubuhan-pertubuhan dan ini amat menyedihkan kerana belia terpaksa kita berikan mereka seluas-luasnya untuk memperkuat diri mereka di dalam bidang pertubuhan kerana ia mempunyai interaksi.

Saya tidak hairan kenapa Majlis Perundingan Kementerian Belia dan Sukan ini terputus dari segi aktivitinya selama dua tahun, baru ini hendak digerakkan semula. Saya hendak bertanya kepada Kementerian Belia dan Sukan macam mana perkara ini boleh berlaku dan begitu juga hendak menggerakkan aktiviti-aktiviti sukan termasuk bola seperti yang saya sebutkan tadi, peranan-peranan persatuan belia ini penting. Jadi, fokus belia terpaksa *inward* dahulu, terpaksa muhasabah diri mengkaji apakah kekuatan belia menerusi persatuan-persatuannya dan apakah kelemahan supaya ianya dapat dipertingkatkan lagi penglibatan di dalam arus perdana generasi yang akan datang.

Kebetulan Saudara Yang Berhormat Senator Zainal ada di sini, tadi saya menyentuh dari segi bagaimana peranan beliau terutamanya untuk berdepan dengan cabaran-cabaran WTO, ILO dan sebagainya yang selalu sekali menuntut kita memperjuangkan hak-hak tenaga pekerja kita dan terutama sekali WTO yang memerlukan supaya tidak ada wujud eksploitasi tenaga kerja, saya minta kalau sekiranya Saudara Yang Berhormat Senator dalam kunjungan di peringkat forum-forum antarabangsa pertahankanlah kedudukan negara dengan sepenuh-penuhnya dan

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Dato'. Sebenarnya itulah perjuangan pergerakan kesatuan sekerja, bukan sahaja di peringkat institusi tetapi juga di peringkat antarabangsa. Hari ini, pergerakan kesatuan sekerja di merata dunia telah bangun menentang dasar-dasar WTO dan juga dasar MIF yang telah kami anggap merupakan satu dasar yang tidak memberi makna kepada kaum pekerja.

Globalisasi juga sebagai satu isu yang hari ini kita memerangi bersama-sama dengan pertubuhan-pertubuhan yang lain, memastikan globalisasi tidak merugikan rakyat terutama sekali mereka yang berpendapatan rendah dan juga kala ngan negara-negara membangun sendiri.

Peranan yang telah kami ambil ialah selain daripada mengadakan forum, dialog dan menekankan isu-isu kepentingan negara-negara membangun terutama sekali dari segi pembangunan ekonomi, penswastaaan dan juga isu-isu yang ada hubung kait dengan kepentingan kaum pekerja, kami juga bertindak memastikan dasar-dasar WTO dan juga dasar-dasar MIF diubah selari dengan kehendak negara-negara membangun. Kebanyakan rakan-rakan kita daripada negara-negara industri (industrialised countries) sendiri pun hari ini pun telah sedar dengan wujudnya globalisasi bermakna mereka kehilangan pekerja dengan percantuman seperti umpamanya Esso dengan Mobil, pekerja *downstream*, dengan izin, telah kehilangan pekerjaan di merata dunia. Di Malaysia sendiri wujud hampir 100 lebih tenaga pekerja *downstream* telah pun ditamatkan perkhidmatan oleh kerana percantuman di antara Esso dengan Mobil. Begitu juga syarikat-syarikat lain.

Globalisasi ini akan membawa satu akibat yang besar kepada tenaga pekerja, bukan sahaja berlaku di negara-negara membangun tetapi juga negara-negara industri yang lain, itu sebabnya di dalam persidangan ILO di peringkat governing body kita

selalu memikirkan perkara-perkara sedemikian, memastikan bahawa WTO dan juga globalisasi tidak menekan kepentingan kaum pekerja, pekerja tidak kehilangan masa depan mereka.

Tindakan-tindakan yang telah kami ambil, kami mengadakan dialog dengan WTO yang baru iaitu dianya bekas seorang pemimpin kesatuan sekerja, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz tahu, dia datang daripada New Zealand, dia datang dari Printing Workers Union, rakan saya juga pada satu ketika dahulu, sekarang sudah menjadi WTO Director General. Kita telah mengadakan perbincangan dengan beliau mengubah dasar-dasar WTO dan kita harap WTO akan mengikuti kehendak apa yang telah disarankan oleh pergerakan kesatuan sekerja.

Begitu juga dengan tindak tanduk globalisasi dan negara-negara membangun dan hari ini kita tahu, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz dan rakan-rakan sekalian, bahawa kedua-dua pertubuhan WTO dan juga dasar-dasar globalisasi ini dicontrol oleh Amerika. American are the biggest controllers kedua-dua pergerakan, they are the main behind, dengan izin, pergerakan ini dan kita kalau hendak memastikan globalisasi WTO ini menyakin dan menjaga kepentingan kaum pekerja, menjaga kepentingan negara membangun, kita memastikan tujuan kita, arah tuju kita kepada Amerika itu sendiri.

Amerika hari ini bersikap lebih tegas oleh kerana kita tahu bahawa tidak ada lain negara yang mempunyai kuasa politik dan ekonomi yang paling besar, yang paling terkanan, yang boleh menguasai, tidak ada bantahan daripada negara lain. Kalau dahulu kita lihat Russian adalah merupakan net's component kepada Amerika, tetapi hari ini Russian telah pecah dan become weaker country, the only except China membangun dan saya yakin bahawa dengan pergerakan-pergerakan seperti antarabangsa, saya yakin kita akan dapat mempertahankan kepentingan kita.

Sambil itu, saya suka juga hendak menyentuh sedikit perkara yang Yang Berhormat Dato' bangkitkan soal belia. Kami telah menubuhkan satu perikatan yang dinamakan Jaring di antara empat organisasi Majlis Belia Malaysia, CUEPACS, FOMCA, MTUC menangani bukan sahaja isu kepentingan pengguna dan sebagainya, tetapi juga kepentingan belia itu sendiri. Insyallah, kami juga akan menolong belia, tetapi masalahnya Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz, sama ada kita hendak juga bertanya kepada Kementerian Belia dan Sukan, kita tahu belia ini mereka tidak mempunyai pekerjaan, penuntut sekolah dan sebagainya dan setengahnya baru masuk

alam pekerjaan, sama ada sumbangan dari segi bentuk kewangan mencukupi untuk mereka membiayai segala projek dan sebagainya.

Ini satu perkara yang harus kita fikirkan sama ada jumlah pembayaran, jumlah sumbangan diberikan kepada belia cukup untuk mereka menampung aktiviti-aktiviti menggerakkan jentera, menghidupkan semangat belia dan menghidupkan semangat aspirasi belia kepada negara dan itu satu perkara yang harus difikirkan oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Saya ingat barangkali Kementerian Belia dan Sukan more proactive dalam isu ini, oleh kerana belia adalah merupakan tulang kepada negara kita, kalau sekiranya kita dapat memberikan sumbangan kewangan, materialistik, mengadakan kursus-kursus yang proaktif, yang boleh membangunkan semangat mereka cintakan kepada negara kita, saya yakin belia akan bersama-sama kita. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat di atas pandangan-pandangan itu. Jadi, untuk menggulung secara ringkas sebelum tamatnya sesi kita pada pagi ini, saya hendak juga mengesyorkan supaya penggabungan bank-bank dan juga syarikat-syarikat insurans serta saham-saham broking firms yang berjumlah 63 ini hendak turun kepada 15 supaya diwujudkan sebagai satu rangkaian.

Rangkaian bererti satu sistem supermarket, financial supermarket di mana bank itu sendiri mempunyai insurans, broking firm dan juga aktiviti-aktiviti kewangan yang lain supaya bila wujudnya sistem Internet ini nanti, yang menggabungkan e-dagang antara pelanggan dengan bank, ianya boleh terus berhubung dengan insurans, dengan syarikat broking firm dan sebagainya untuk memudahkan lagi pengembangan.

Ini yang dibuat oleh negara-negara luar dan kita terpaksa bersaing dengan mereka apabila wujudnya globalisasi dan liberalisasi secara meluas. Bank-bank di Amerika bergabung, di Eropah bergabung, di Jepun bergabung, kita ke arah yang serupa tetapi kita hendak memperluaskan lagi merangkumi bank itu merangkumi insurans, merangkumi broking firm.

Perkara-perkara yang lain, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon berucap pada masa yang akan datang dan saya sekali lagi menyokong usaha-usaha kerajaan yang begitu gigih di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir untuk mewujudkan acuan mengatasi masalah-masalah ekonomi kita sendiri yang kini telah pun diakui ianya berjalan dengan baik dan memulihkan ekonomi kita daripada

penguncupan 7.5% kepada peningkatan seperti yang disarankan oleh pegawai IMF tadi sampai 7%, iaitu mengikut unjurannya, kita boleh mencapai pertumbuhan sampai 7%, bererti kita kembali pulih semula seperti sebelum kegawatan ekonomi dahulu.

Ini patutlah kita berterima kasih kepada pemimpin kita, saya menyeru juga pihak pembangkang supaya mereka juga akur kerana dunia telah mengakuinya, badan-badan penarafan antarabangsa telah pun akur kepada pencapaian kita, apalah salahnya kalau dalam perbincangan Belanjawan ini semuanya di sini akur dengan pencapaian, bersyukur kepada Allah s.w.t. dan berterima kasih kepada pemimpin-pemimpin yang berjaya mengatasi masalah kegawatan ekonomi untuk kepentingan kita semua, bukan untuk kepentingan Kerajaan Barisan Nasional sahaja, untuk kepentingan setiap lapisan masyarakat di muka bumi Allah s.w.t. yang kaya dengan khazanah semula jadi.

Jadi, inilah sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, matan-matan Belanjawan 2000 yang tidak mengira bulu, mengira warna tetapi untuk kepentingan semua lapisan masyarakat, kita tidak lagi memberhentikan orang seperti yang berlaku di negeri lain, kita belum lagi berbuat demikian, tetapi jangan mendesak sampai kita pula terpaksa berbuat demikian.

Jadi, inilah Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya masa sudah cukup saya mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Belanjawan 2000.

Dato' Michael Chen Wing Sum: Baiklah, Ahli-ahli Yang Berhormat, masa pun sudah sampai untuk makan tengah hari, Majlis ini ditempohkan sehingga pukul 2.30 petang ini.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempenger usikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Abdul Aziz sudah habis ya. Datuk Joseph Balan Seling.

2.31 ptg.

Datuk Joseph Balan Seling: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Biasanya ucapan saya pendek-pendek sahaja tetapi mungkin kali ini panjang sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas kesempatan yang diberi kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan dan Rang Undang-undang

Perbekalan bagi tahun 2000 yang mana telah dibentang oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Dewan yang mulia ini.

Saya ingin menyentuh pada mulanya tentang tiga perkara berhubung dengan dasar negara ini yang menjadi asas dan teras perpaduan, keamanan dan kemakmuran di kalangan semua rakyat. Kita bersyukur kepada Tuhan dan berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional serta mengucapkan syabas kepada pihak pucuk pimpinan kerajaan kerana jelas kita nampak negara ini semakin lama semakin lebih maju dan bertambah makmur. Tahun demi tahun jumlah perbekalan untuk negara dan pecahan peruntukan bagi setiap sektor Belanjawan dan sektor pembangunan semakin bertambah besar.

Justeru itu, beban-beban di pihak rakyat – pembayaran cukai dan pembayaran lain-lainnya semakin mengurang dan semakin ringan. Di samping itu pula, ada pelbagai bentuk kemudahan dan insentif sama ada dari segi sumber kewangan, latihan dan sebagainya bagi menggalakkan rakyat supaya terus berazam maju dan mara ke hadapan dalam bidang ekonomi dan pendidikan semakin meningkat setiap tahun. Taraf, tangga gaji dan elaun bagi orang-orang yang bekerja di sektor awam pun telah dapat dinaikkan dari masa ke semasa.

Semua ini jelas menunjukkan yang adanya kebolehan, kecekapan, kepintaran dan amana di pihak Kerajaan Barisan Nasional dan pucuk pimpinan yang sedang memerintah negara ini. Negara-negara lain juga di rantau Asia Tenggara ini, bahkan di banyak tempat di dunia tidak kurangnya sumber-sumber ekonomi yang cukup baik, tidak kurangnya bahan-bahan mentah yang sangat berguna, tidak kurangnya para intelektual dan segala pakar dalam segala bidang kehidupan. Mereka juga ada punya kerajaan-kerajaan yang juga dipilih oleh rakyat tetapi keadaan ekonomi, sosial dan politik di kebanyakan negeri sangatlah tidak menentu dan sangat tidak stabil – ditimpa oleh kacau bilau, huru-hara, rusuhan kaum, rusuhan agama, bahkan perang saudara pun berlaku yang melumpuhkan ekonomi, meruntuhkan akhlak dan melenyapkan keamanan dari negara mereka. Rakyat sentiasa hidup dalam kebimbangan dan ketakutan sepanjang masa. Hanya kerana sudah dapat menubuh atau sudah dapat punya satu kerajaan belum pasti dapat menjaminkan sesebuah negara akan maju dan makmur seperti negara Malaysia pada masa ini

Bukan hanya kita sahaja, bahkan orang luar juga tahu yang negara Malaysia ini adalah satu-satunya tempat yang begitu aman, sentosa dan makmur di zaman ini.

Kalau pintu kita buka, saya percaya banyak rakyat asing lebih suka meninggalkan negeri sendiri supaya datang hidup bermastautin di sini. Pepatah biasa berkata, 'hujan emas di negeri orang hujan batu di negeri sendiri, lebih baik juga negeri sendiri,' Tetapi kalau dibuka pintu orang banyak lebih suka meninggalkan negeri mereka sendiri supaya datang di Malaysia ini. Ini daripada dasar kecekapan, kebolehan dan amanah di pihak pemimpin negara. Tetapi dalam masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, kita juga jangan lupa bahawa semua kemakmuran, kejayaan, kemajuan ini adalah bukan semata-mata bergantung kepada kepintaran, kepandaian dan kekuatan manusia sahaja. Semua ini adalah satu berkat kurnia daripada Tuhan kepada negara kita. Kalau bukan Tuhan yang mengawalkan kota sia-sialah penjaganya tidak tidur suntuk sepanjang malam untuk cuba menyelamatnya. Kalau bukan Tuhan yang memberikan rezeki, sia-sialah kamu bangun awal-awal pagi dan balik lewat malam untuk mencarinya. Kita tahu di negara ini adalah rakyat yang beriman dan kita bersyukur kepada Tuhan di atas kurnianya dan kita jangan lupa kebaikan Tuhan kepada kita.

Walau bagaimanapun, di samping anugerah Tuhan yang maha pemurah dan maha penyayang, kita tahu negara ini dapat stabil, maju dan makmur adalah kerana dasar-dasar yang tertentu. Saya ingin menyentuh tiga di antaranya.

Yang pertama ialah dasar negara terhadap masyarakat yang berbilang agama dan berbilang kaum di negara ini dan kerana dasar baik dan adil itu tidak tinggal tertulis hanya di atas kertas, malah diamalkan dalam pentadbiran dan dalam hidupan harian oleh pihak yang kuasa dan pihak rakyat. Walaupun dasar sahaja yang baik tetapi kalau tidak diamalkan, tidak ditepati, ditaati oleh rakyat takkan negara akan makmur.

Satu dasar negara yang penting ialah seperti mana yang kita semua tahu kepercayaan kepada Tuhan dan kebebasan beragama bagi rakyat yang berbilang kepercayaan. Kepercayaan kepada Tuhan, iman yang sungguh dan ikhlas kepada Tuhan bukan hanya rupa dan gaya lahiriah sahaja tetapi iman yang sungguh adalah menjadi punca segala-gala yang baik yang menjadi sauh dan kawalan supaya sesebuah negara tidak terjerumus tengge lam di dalam lautan jahiliah dan kebinasaan. Islam sebagai agama rasmi adalah diterima baik dan dihormati oleh semua golongan agama di negara ini, di samping itu agama-agama lain pula diberi jaminan oleh dasar

negara supaya bebas mengamalkan kepercayaan mereka dengan cara suasana aman, tatatertib dan sopan-santun.

Inilah punca kemakmuran dan harmoni di negara ini iaitu ada toleransi dan kesefahaman baik dan harmoni di kalangan rakyat berbilang agama di negara ini. Bukan hanya toleransi Tuan Yang di-Pertua, malah ada perasaan persaudaraan di kalangan semua kaum yang menganut agama yang berlainan pada sediakala. Ini sangat ketara dalam masa-masa perayaan dan bukan masa perayaan sahaja tetapi sedia kala ada perasaan persaudaraan di antara rakyat di negara Malaysia ini. Sebenarnya kita memang lahir dan hidup bersama dan membesar di dalam suasana yang begini walaupun berlainan kepercayaan. Di sesetengah negara lain yang punya satu kaum, satu bahasa, satu agama pun pandai jadi tercetus rusuhan dan bahkan perang saudara. Apatah lagi kalau dikira sebuah negara yang punya banyak agama. Tetapi di Malaysia keadaannya ada baik walaupun ada banyak agama di negara ini.

Saya tidak bermaksud memberi ceramah tentang agama tetapi saya ingin menarik perhatian sedikit. Masalah rusuhan agama boleh berlaku dalam satu agama itu sendiri ataupun di antara satu agama dengan yang lain dan selalunya masalah ini wujud sama ada dalam satu agama itu sendiri ataupun antara satu agama dengan yang lain bila muncul kumpulan-kumpulan pelampau dan fanatik. Dan kumpulan-kumpulan pelampau ini pula wujud kerana salah pengertian, salah tafsir tentang asas pengajaran agama yang sebenarnya ataupun kerana tujuan-tujuan peribadi orang-orang tertentu dan saya percaya ada juga kerana disesatkan oleh muslihat jahat siiblis sendiri.

Kumpulan pelampau ini boleh timbul di mana-mana negara dan dalam mana-mana agama juga sama ada ia kumpulan James Jones di Amerika Latin dahulu yang meracunkan beratus-ratus orang ataupun kumpulan David Coresh di Amerika Syarikat juga membawa ratusan orang terbunuh kerana terbakar di dalam satu gedung bila diserang oleh polis ataupun kumpulan Asahara di Jepun yang kalau saya tidak salah nama Aum Shin Rit Yu yang dikatakan kumpulan agama '*The supreme truth*' yang juga mematikan banyak orang di stesen kereta api dan kalau saya tidak salah tujuan yang sebenarnya ialah akan memusnahkan seluruh Tokyo berjuta-juta orang. Apakah agama yang berdasarkan the supreme truth, pandai buat begini. Inilah kumpulan-kumpulan pelampau ataupun baru-baru ini kumpulan Fa Lung Gung juga di negeri China, dan baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, di Afrika terdapat lebih

kurang 800 orang yang mati terbakar di sebuah gereja yang satu kumpulan yang mengatakan diri mereka kumpulan Kristian dan mengamalkan dasar kepercayaan mereka *'The restoration of the ten commandment'*.

Tidakah mereka ini tahu bahawa hukum yang keenam dalam ten commandment itu, selain daripada jangan mencuri, jangan berzina dan lain-lainya, janganlah engkau membunuh dan mereka ini telah membunuh 800 orang di sebuah gedung dan mereka mengatakan kematian mereka itu adalah kematian syahid. Apakah kematian syahid membunuh diri sendiri. Syukurlah di Malaysia ini agama-agama mengamalkan dasar moderat dan kesederhanaan dan tidak ada religious extremism, dengan izin, dan religious fanaticism di negara ini. Saya mohon kepada pihak kerajaan supaya mengawasi dan mengawal keadaan-keadaan yang boleh timbul seperti keadaan-keadaan yang saya telah saya sebut tadi. Itu dasar negara tentang masyarakat yang berbilang agama.

Kedua, kita dapat menikmati keamanan, kemakmuran, selesa hidup, sentosa di negara ini kerana dasar negara ini tentang masyarakat yang berbilang kaum. Sejarah misalnya di negara Perancis, Amerika Syarikat, Jepun, Korea, Vietnam, negeri-negeri Benua Afrika dan lain lain lagi menunjukkan bahawa rusuhan kaum dan perang saudara boleh berlaku dalam sebuah negara yang punya satu kaum dan satu bangsa, satu bahasa iaitu satu homogeneous society. Tetapi di negara ini, dasar negara terhadap masyarakat yang berbilang kaum itulah menjadi asas dan punca harmoni dan sentosa dan berbaik-baik yang ada di negara ini.

Malaysia adalah sebuah negara yang punya banyak kaum dan suku kaum tetapi ada damai, harmoni di kalangan semua kaum. Ini adalah kerana adanya dasar negara dan pentadbiran kerajaan yang baik dan adil terhadap semua kaum di negara ini. Sifat-sifat dan niat-niat perkauman diketepikan. Hak dan kepentingan semua kaum dijaga dan dilayan. Walau bagaimana kecil dan jauh pun sesuatu kaum di pedalaman mereka tidak dilupakan dan tidak ditinggalkan.

Tuan Yang diPertua, dalam sejarah dunia biasanya golongan-golongan etnik minoriti yang selalunya merupakan kaum-kaum asli di sesuatu benua atau kepulauan sering dikalahkan dan dijajah oleh golongan kaum-kaum yang besar dan yang kuat dan yang biasanya merupakan golongan pendatang sama ada di Amerika Latin, Amerika Syarikat, Kanada, Australia, New Zealand, di Asia Tenggara dan di Indo-China. Inilah nasib malang kaum-kaum etnik minoriti di alam dunia ini. Mereka

selalu kalah oleh orang yang kuat, tanah air mereka dijajah hak mereka dirampas, kaum mereka ditindas dan mereka menjadi penumpang di tanah air mereka sendiri dan banyak di antara mereka pupus sama sekali. Maka kerana telah lama mengalami penderitaan dan penghinaan seperti ini sudah berzaman-zaman maka sekarang ini lebih-lebih lagi dalam setengah abad kebelakangan ini maka mulalah muncul semula etnik-etnik minoriti ini. Satu kesedaran sudah wujud dalam masyarakat mereka untuk membangun kembali identiti etnik mereka dan juga untuk menuntut kembali hak-hak asli mereka sama ada di Eropah Timur dan di Alaska, di Australia dan lain-lain tempat.

Mereka mula menuntut kembali identiti dan hak asli mereka yang telah terlucut lepas dari tangan mereka pada satu ketika di zaman silam dan terus terbenam dan lenyap ditelan zaman sepanjang masa. Tetapi di negara Malaysia ini, tanah tumpah darah yang tercinta, kaum-kaum etnik minoriti dikenal dan diterima, identiti mereka dibela, hak-hak mereka dilayani, kepentingan mereka sama rata dengan kaum-kaum lain yang besar dan yang kuat. Dalam dasar negara tidak ada tempat diskriminasi terhadap sesiapa orang beralaskan kaum, agama, warna kulit dan sebagainya. Kaum-kaum digalakkan mengekalkan dan memajukan identiti dan budaya dan bahasa masing-masing. Adat resam masing-masing digalakkan untuk dipelihara dan dipergunakan. Ada integrasi di negara ini tanpa memerlukan simulasi. Integrasi nasional, integrasi kaum sama ada integrasi itu di antara kaum-kaum bumiputera dengan kaum-kaum yang bukan bumiputera dan juga di antara kaum-kaum bumiputera sendiri. Inilah satu keistimewaan Malaysia, di saat dasar negara ini dicerobokkan atau diketepikan oleh mana-mana pihak maka pada masa detik itulah akan mula kehilangan kemakmuran dan harmoni antara kaum di antara ini.

Satu perkara yang sangat sensitif dalam masyarakat manusia ialah bangsanya dan adatnya. Sehubungan dengan membela nasib hak kaum-kaum minoriti ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin di sini merakamkan terima kasih dan memuji kerajaan negeri Sarawak pada masa ini khasnya Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Tan Sri Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud atas polisi dan strategi khas yang telah diambil oleh beliau untuk memajukan tanah asal kaum Dayak keseluruhannya di negeri Sarawak dan khasnya bagi kaum Orang Ulu, di situlah termasuk saya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, istilah 'Orang Ulu' ini bukan legal termlah tetapi dalam Perlembagaan kita disebut dengan etnik kita sendiri, dan saya datang dari suku kaum

Kenyah. Kaum Iban, Bidayuh, Kayan, Kenyah, Kelabit, Lunbawang dan lain-lainnya ada punya banyak tanah. Bolehlah dikatakan mereka ini, kaum ini kaya tetapi sebaliknya miskin. Kaya tanah tetapi miskin wang ringgit kerana tanah NCR ini tidak punya nilai, satu.

Kedua, tidak dapat dimajukan kerana banyak faktor. Bertahun-tahun tanah NCR ini tinggal menjadi tanah terbiar tidak dapat memberi apa-apa manfaat dan keuntungan kepada pemilik-pemiliknya. Kalau keadaan ini dibiarkan berterusan, maka terus ketinggalanlah kaum-kaum etnik minoriti di Sarawak ini pada masa akan datang. Bila Yang Amat Berhormat Tan Sri Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud kembali menjadi Ketua Menteri Sarawak dia mula mengambil satu langkah dan strategi baru demi membela nasib kaum terencil ini di negeri Sarawak agar mereka dibawa bersama dalam arus kemajuan bersama dengan kaum-kaum lain yang kuat dan besar dan yang telah maju.

Beliau menubuhkan satu strategi baru yang khas supaya tanah NCR ini, Native Customary Right Land di Sarawak boleh dimajukan secara komersial iaitu dengan cara joint venture antara pemilik-pemilik tanah dengan pemaju-pemaju swasta dengan salah satu agensi kerajaan. Beliau juga telah mengambil satu strategi baru khas untuk satu kaum lagi yang sangat jauh ketinggalan di negeri Sarawak iaitu kaum Penan yang beberapa kali telah muncul di media massa kerana mereka tidak sedia untuk mengikut bersama dalam kemajuan kerana dihasut dan dipengaruhi oleh elemen-elemen dari luar.

Kaum ini merupakan satu kaum yang paling ketinggalan di negeri Sarawak. Mereka ini satu kaum yang mengembara di hutan rimba sudah bertahun-tahun dan lebih-lebih lagi baru-baru ini dihasut oleh orang dari luar seperti Bruno Manser. Tetapi sekarang Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak telah mengambil satu strategi khas untuk membela nasib kaum Penan ini dan mereka akan dikumpulkan dalam settlement-settlement tertentu, rumah dibina untuk mereka, sekolah, klinik dan juga stesen agriculture supaya mereka mula belajar menternak dan bercucuk tanam.

Memanglah bagi satu kaum yang sudah sekian lama sudah biasa dengan satu cara hidup dan budaya, maka tidaklah mudah mereka akan berubah dengan cepat. Walau bagaimanapun, saya yakin strategi baru yang dibentuk oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri ini akan berjaya pada masa hadapan. Saya sendiri biasa dengan kaum Penan dan sudah menasihatkan mereka supaya berkampung, jangan lagi

mengembara sana sini di hutan sehingga tidak tahu mana hak mereka. Beginilah rupa, gaya dan prihatinnya negara dan Kerajaan Malaysia terhadap golongan kaum-kaum etnik minoriti di dalam negara ini.

Saya telah menyentuh dua aspek penting dasar negara tadi iaitu berhubung dengan agama yang berlainan dan berhubung dengan kaum-kaum khususnya kaum-kaum minoriti. Sekarang ketiga, satu dasar lagi iaitu satu dasar yang penting selain dasar agama dan kaum ialah satu dasar yang baik kerana adanya dasar ekonomi negara yang adil, bijak dan canggih. Kemewahan dapat dinikmati bersama dengan adil dan seimbang. Peluang diberi sama rata kepada semua, tidak kira bangsa, agama dan warna kulit. Dasar Ekonomi Baru, Tuan Yang diPertua, telah diterima baik oleh semua pihak dan telah pun dapat digunakan dengan cukup berkesan sampai setakat ini.

Namun kalau tidak diawasi, saya bimbang ada rupanya satu *economic gap* yang baru yang boleh timbul di negara ini. *Economic gap* yang saya maksudkan tidaklah jurang perbezaan di antara bumiputera dengan bukan bumiputera tetapi *I can see in the horizon*, dengan izin, kalau tidak diawasi, *the new economic gape will be between bumiputera and bumiputera*. Pada jangka panjang, saya rasa ini merbahaya. Saya percaya memang kerajaan lebih tahu lagi daripada saya supaya mengawasi keadaan supaya jangan wujud, timbul jurang perbezaan ekonomi di antara di dalam kaum bumiputera sendiri ataupun di antara golongan-golongan bumiputera. Kerana kerajaan tetap mengambil kira tentang semua perkara ini, kita dapat hidup dengan selesa.

Tuan Yang diPertua, kita hidup di dunia tetapi bukan untuk dunia. *We live in the world*, orang yang beriman, *but not for the world*. Kita dalam kapal yang belayar di laut, kapal ada di dalam laut tetapi jangan laut masuk ke dalam kapal, nanti dia tenggelam. Sementara hidup di dunia bagaimana pun, kita haruslah menikmati bersama dengan adil dan saksama segala kebaikan dan kemewahan yang diciptakan oleh Tuhan untuk manusia. Kalau kemewahan itu tidak digunakan dan tidak dibahagi dengan baik, adil dan saksama, keadaan di bidang rohani, di bidang iman juga terganggu dan keadaan politik juga akan terjejas.

Sekarang saya berpindah kepada beberapa perkara tertentu di Sarawak. Satunya ialah tentang hal jalan raya di negeri Sarawak. Sekarang sudah bagi Sarawak dan Sabah, lebih kurang hampir 40 tahun kita mencapai kemerdekaan. Di negeri

Sarawak sampai sekarang, Tuan Yang di-Pertua, belum ada satu jalan raya *state trunk-road* yang menghubungkan keseluruhan negeri Sarawak dari hujung sebelah barat, di daerah Lulu sampai ke hujung sebelah timur, di daerah Lawas, itu berdekatan dengan Sabah sudah, belum ada satu jalan raya pun yang siap.

Jikalau kita mahu berjalan ke seluruh negeri Sarawak pada masa ini, kita harus melalui negara Brunei Darul Salam dan ini juga menimbulkan banyak masalah. Jalan raya adalah sebagai nadi ekonomi. Di mana ada jalan-jalan raya di seluruh kawasan itu, ada gerakan dan aktiviti-aktiviti ekonomi. Di mana tidak ada jalan raya, sumber-sumber ekonomi tidak dapat bertumbuh dengan subur. Jalan-jalan raya di negeri Malaysia menjadi satu saluran integrasi kaum dan seterusnya integrasi nasional. Di mana kaum masih tinggal berjauhan dan bercerai dari satu dengan yang lain, maka payahlah dan lambatlah integrasi kaum dan integrasi nasional dicapai.

Begitu perlunya jalan raya. Saya kurang tahu kenapa *the first trunk-road ever to be built in Sarawak* sampai hampir 40 tahun sekarang kita merdeka, belum lagi siap. Saya merayu kepada Kementerian Kerja Raya supaya mempercepat pembinaan jalan raya, lebih raya negeri ini dengan secepat mungkin. Dan kawasan yang masih panjang, yang belum disiapkan pada masa ini ialah di antara Miri dengan Limbang. Apakah yang melambat-lambatkan pembinaan jalan raya ini? Apakah Kementerian Kerja Raya ada jadual yang tertentu menetapkan satu masa yang tertentu untuk menyiapkan jalan raya ini? Saya ingin bertanya.

Selain dari itu, banyak kampung, rumah panjang dan tempat-tempat di pedalaman negeri Sarawak, sama sekali belum ada jalan kampung atau jalan-jalan kecil. Ini juga saya ingin membawa kepada perhatian Kementerian Kerja Raya khususnya juga kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya rasa jalan-jalan kecil, jalan-jalan kampung ini harus dibuat perancangan supaya dapat disambung dari satu tahun ke satu tahun.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu saya minta juga agar pembinaan mini hidro dan *power solar energy* diberi kepada kampung-kampung dan tempat-tempat di pedalaman negeri Sarawak. Saya ingin membawa satu perkara berhubung dengan mini hidro ini kepada Dewan yang mulia ini, baru-baru tadi sudah siap satu mini hidro dibina di sebuah kampung, jauh di pedalaman, di Bario. Kawasan Bario ini sangat selesa seperti Cameron Highlands tetapi belum dimajukan. Mini hidro itu sudah siap dan sudah dirasmikan oleh menteri juga.

Orang-orang kampung bersukacita dari sekarang kita akan ada lampu, ada api tetapi apabila mini hidro ini mulai dipakai, selepas dua jam, semua lampu mati. Apabila disiasat, diperiksa apa sebabnya, rupanya sumber air yang tidak mencukupi.

Bagi saya yang bukan engineer atau bukan pakar pun Tuan Yang di-Pertua, saya tahu juga bila saya melihat dia punya dam itu saya tahu airnya tak akan tahan lama. Mungkin consultant ke sana waktu musim hujan saya pun tak tahu tapi bila sudah dibuka selama dua jam anak sungai itu kering maka matilah, padamlah lampu di semua kampung yang berdekatan. Walau bagaimanapun, saya percaya kalau kerajaan dapat menambah sedikit ongkosnya lagi boleh diperbaiki, boleh ditambah baik.

Untuk beberapa masa, saya tak tahu pihak manalah, mungkin pihak kontraktorkah menggunakan generator pula. Bila sumber air sudah kering habis, dia pasang start itu generator jadi orang di kampung masih sangka, oh ini minihidro. Bila lama kelamaan mereka tahu, lain juga mini hidro ini menggunakan generator diesel. Saya mohonlah supaya pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar cuba menolong kaum di Bario ini supaya minihidro ini dapat diperbaiki.

Saya ingin menyentuh sedikit tentang perkhidmatan baik di pihak Jabatan Pendaftaran Negara di negeri Sarawak. Di negeri Sarawak, ribuan orang belum punya sijil kelahiran, belum punya kad pengenalan. Pegawai-pegawai jabatan ini telah menghantar orang ke kampung-kampung, ke tempat-tempat yang jauh. Mereka tidak menunggu di pejabat di bandar sahaja, tunggu orang datang. Jabatan ini hantar orang pergi supaya mendaftar. Inilah pekerjaan yang baik dan harus dipuji.

Walaupun bagaimanapun, masih banyak lagi yang belum punya dokumen-dokumen ini. Dokumen-dokumen ini bukanlah di kehendaki oleh orang-orang peribadi sahaja. Ini berdasarkan undang-undang, the requirement of the nation. Banyak orang, budak-budak yang tak dapat melanjutkan sekolah kerana tidak ada dokumennya dan banyak orang-orang muda juga yang gagal dapat diterima oleh majikan kerana tidak punya dokumen ini.

Saya mohonlah supaya jabatan ini meneruskan cara mereka yang sudah ini menghantar lagi pegawai-pegawai ke kampung-kampung supaya dapat membuat kad pengenalan dan sijil kelahiran dengan lebih mudah lagi. Bagi seorang yang dari jauh mengambil masa dua tiga hari baru dapat turun ke kota, ke pejabat kerajaan dan dia

memerlukan satu atau dua tahun untuk mencari wang untuk ongkos perjalanannya dan tidaklah mudah bagi dia datang ke pejabat.

Saya minta, baru-baru ini saya ada membaca dalam surat khabar, Jabatan berkenaan mengatakan jikalau pemohon-pemohon tidak datang mengambil kad pengenalan mereka yang sudah lama menunggu di pejabat semua kad-kad ini akan dimusnahkan. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu tidak berapa baik. Sudah cukup sakit dan payah bagi si pemohon mencari belanja ongkos turun ke pejabat dan juga pihak pejabat, pegawai-pegawai juga sudah bekerja keras dan bila dokumen ini sudah ada sedia dan si pemohon lambat terima akan dimusnahkan pula.

Saya mohon supaya jangan dimusnahkan kad-kad yang agak banyak sedikit, beberapa ribukah saya ingat di pejabat. Jikalau diuruskan dengan baik, saya rasa si penghulu dari kawasan itu ataupun si Yang Berhormat dari kawasan itu boleh menghantar kad-kad ini kepada si pemohon kerana si pemohon mungkin memerlukan dua tiga tahun baru dia turun ke kota dari tempat yang jauh. Janganlah dimusnahkan.

Akhirnya sekali saya menyentuh sedikit dalam bidang pertanian di negeri Sarawak khasnya berhubung dengan industri lada hitam. Kurang lebih 40,000 keluarga di negeri Sarawak yang bergantung kepada penanaman lada hitam ini sebagai punca pendapatan mereka. Dulu di Semenanjung pun ada juga orang menanam lada hitam tetapi sekarang sedikit sangat, saya ingat di negeri Johor ada sedikit sahaja kerana tanaman lain seperti kelapa sawit yang lebih baik daripada lada. Walau bagaimanapun, di Sarawak masih banyak kaum dan keluarga yang masih menanam lada ini kerana ia lebih sesuai di tempat-tempat yang jauh kerana bahan ini boleh tahan lama, boleh disimpan, tak perlu terus dijual, disimpan lama.

Di negeri Sarawak pada tahun yang lalu rupanya industri ini sudah meningkat memuncak sehingga pendapatan dari eksport lada dari negeri Sarawak tahun lepas, 400 juta. Beberapa tahun yang lalu di bidang sektor pertanian lada hitam merupakan tempat pertama. Mungkin sekarang kelapa sawit sudah mengambil alih tempat pertama. Tetapi penting dan badan yang berkuasa yang menolong peladang-peladang dalam perkara ini selain dari Jabatan Pertanian, Kementerian Pertanian Sarawak ialah Jemaah Pemasaran Lada Hitam (JPLH). Ini satu jemaah di bawah Federal Government tetapi berpejabat di Sarawak kerana orang di Semenanjung tidak berapa mahu tanam lada lagi.

Untuk beberapa tahun lada dijual sebagai bahan mentah ke luar negeri. Tetapi kita menghadapi persaingan hebat dari negeri-negeri lain iaitu Indonesia, India, Brazil dan sekarang Vietnam. Maka oleh itu Jemaah Pemasaran Lada Hitam telah mengambil langkah-langkah baru untuk memproses untuk mewujudkan *downstream* aktiviti dan sampai setakat ini ada beberapa produk yang telah diproses dan dapat dibeli di pasaran tempatan sebagai jeruk, sebagai manis manisan, gula batu dan minyak wangi dan lain-lainnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin bolehkah saya memperkenalkan satu dua produk ini dari produk Jemaah Pemasaran Lada Hitam. *[Sambil menunjukkan produk-produk dari lada hitam]* Saya ada di sini, jadi salesman sekejap, Tuan Yang di-Pertua. Dalam botol ini ialah lada hitam dan lada putih. Ada orang yang kurang tahu dia fikir lada hitam ini dia buah satu pokok yang lain. Lada putih itu hasil dari pokok yang lain, tidak. Satu pokok saja, yang lada putih ini dia direndam dalam air dan kulit luarnya hilang dan putih. Kalau perempuan-perempuan kalau gosok sangat kuat-kuat kulit jadi putihlah *[Ketawa]* Ini lada hitam yang dijemur dengan kulitnya semua dan harga biasanya lada putihlah yang tinggi harga nya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat guna losyen tu? *[Ketawa]*

Datuk Joseph Balan Seling: Saya sudah berhenti, Tuan Yang di-Pertua. Ini manis manisan gula batu, sedikit seperti Hacks atau Peppermint. Ini baik sekali dan juga Tuan Yang di-Pertua, minyak wangi daripada lada hitam. Ini satu bernama *Amila*. Minyak wangi ini harum sekali baunya. Selain dari itu minyak wangi juga sangat menawan. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat yang belum kahwin pakai minyak wangi ini, dia akan menarik pasangan yang sebaik-baiknya.

Jikalau Ahli-ahli Yang Berhormat wanita yang sudah berkahwin pakai minyak wangi ini tak payah ragu-ragu atau bimbang kalau suami pergi mengembara ke seluruh dunia. Hilang di mata, di hati jangan. Dia mesti ingat isteri di rumah saja, dia akan balik. Mungkin ada beberapa Ahli Yang Berhormat lelaki menyahut dalam hati mereka itu saya tak biar bini saya beli. Tak apa, ini minyak wangi baik sekali, Tuan Yang di-Pertua, laku juga.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat berhajat untuk mengedarkan kepada setiap - bukan sahaja Ahli Dewan dan semua yang hadir di sini hari ini, gaya-gayanya hendak mengedarkan itu dan saya menyokong penuhlah.

Datuk Joseph Balan Selng: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat mahu beli pada hari ini saya beri harga istimewa 25% lebih tinggi daripada harga biasa. *[Ketawa]* Segala bahan-bahan makanan - ada jeruk juga - saya tidak dapat bawa di sinilah, sangat menyegarkan Tuan Yang di-Pertua. Bila makan lada putih, lada hitam ini seluruh badan dengan segala dahan-dahan, cabang-cabang, ranting-rantingnya menjadi segar dan kuat, saya recommendlah. Buku ini juga lebih-lebih kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, recommendnya membeli lada ini dan membeli minyak wangi ini. Ada juga satu buku yang sudah disediakan yang menolong suri-suri rumahtangga (housewives) menyediakan makanan. Walau makanan apa pun, Tuan Yang di-Pertua, yang sudah diletak atas meja kalau tidak dengan lada adalah kurang sedikit. Bila ditambah dengan lada itulah "umphnya!", kata negeri Sarawak, "umphnya!" kuat.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mengakhiri ucapan saya dan menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2000. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad, tidak ada? Sila Yang Berhormat.

3.22 ptg.

Datuk Christina Tibok Vanhouten: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam membahas Rang Undang-undang Perbekalan 2000 yang telah dibentang oleh Menteri Kewangan Malaysia di Dewan yang mulia ini.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana telah berjaya membuktikan kepada masyarakat dunia bahawa negara Malaysia yang terdiri daripada masyarakat yang berbilang keturunan, berbilang agama, berbilang kepercayaan dan kebudayaan yang mampu bersatu dalam saat-saat yang paling getir menghadapi krisis pergolakan ekonomi yang telah melanda dunia sungguhpun pada ketika itu, ramai pihak yang memandang sangsi terhadap keupayaan Malaysia. Kerajaan Barisan Nasional juga di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia, telah memperlihatkan bahawa 'Formula Malaysia' merupakan rumusan yang paling berkesan untuk membantu negara kita keluar daripada belunggu krisis mata wang Asia.

Kini pihak-pihak seperti IMF dan bank dunia yang telah dengan lantangnya menyuarakan bahawa 'Formula Malaysia' untuk menangani masalah ekonomi negara akan gagal, pada hari ini mengakui bahawa pendekatan yang digunakan oleh negara Malaysia merupakan preskripsi yang sesuai untuk menghadapi krisis mata wang. Formula Malaysia tidak dapat dipertikaikan keberkesanannya kerana prestasi ekonomi negara secara tidak langsung telah menampakkan hasilnya. Untuk ini hampir kesemua sektor ekonomi telah menyumbangkan kepada pertumbuhan ini sehingga rizab luar negara telah meningkat kepada US\$33.9 bilion pada bulan Mac 2000 berbanding dengan US\$20.2 bilion pada bulan Ogos 1998. Fakta ini memperlihatkan peningkatan daya tahan negara menghadapi sebarang kejutan luaran. Sementara itu, tekanan inflasi juga telah dapat dibendung dan dari segi pasaran buruh pula kekosongan jawatan telah meningkat sebanyak 253.6% sungguhpun cabaran ekonomi luaran telah dibentangkan.

Saya ingin sarankan bahawa tumpuan harus diberi kepada isu-isu ekonomi dalaman untuk memperkukuhkan asas pertumbuhan ekonomi negara. Negara Malaysia dahulunya terlalu bergantung kepada permintaan luaran manakala permintaan dalam negeri kurang berkeupayaan untuk menyokong pertumbuhan pesat ekonomi negara. Namun yang demikian, dengan terbentangnya lima teras strategi Belanjawan 2000 negara kita akan lebih teguh dari segi merancang pertumbuhan negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Belanjawan 2000 memfokuskan kepada kesinambungan usaha pemulihan ekonomi negara tetapi kandungan belanjawan tersebut memperlihatkan kesungguhan kerajaan untuk memastikan agar pembangunan di semua sektor disambungkan. Masyarakat yang berada di pinggiran terutama sekali mereka yang berada di luar bandar dan di kawasan pedalaman terus diambil kira dalam pembangunan ekonomi negara. Belanjawan 2000 memberi kesungguhan kerajaan membawa masyarakat yang dianggap sebagai masyarakat pinggiran dapat bersama di dalam arus pembangunan perdana negara. Usaha ini terbukti apabila kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM30 juta untuk pembangunan Orang Asli di Semenanjung. Jumlah ini termasuklah RM7 juta untuk membiayai persekolahan anak-anak mereka. Langkah ini secara tidak langsung akan memajukan masyarakat Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh kepada beberapa strategi Belanjawan 2000 yang telah pun dibentangkan. Di antara lima strategi itu ialah memperkukuhkan daya saing dan daya tahanan negara. Ini adalah sangat dialu-alukan khususnya oleh negeri Sabah kerana ianya akan membantu mengurangkan kos perniagaan, iaitu galakan potongan dua kali diberi ke atas kos pengangkutan perkapalan dari Sabah dan Sarawak ke Semenanjung Malaysia. Langkah ini amat bertepatan kerana ianya akan meningkatkan lagi daya saing ekonomi negeri Sabah serta memberi pakej penawaran yang lebih menarik untuk menarik para pelabur luar untuk melabur di Sabah.

Dalam usaha kerajaan untuk membentuk sektor industri kecil dan sederhana ataupun IKS yang moden dan mempunyai daya saing yang tinggi untuk meningkatkan keupayaan dan ketahanan ekonomi, saya percaya dan yakin bahawa usahawan-usahawan dari Negeri Di bawah Bayu khasnya usahawan Kadazandusun Murut akan mendapat bimbingan dan tunjuk ajar kerana dari segi keusahawanan negeri Sabah jelas amat ketinggalan sekali. Dengan penyusunan semula Syarikat Jaminan Kredit (CGC) untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesannya, saya yakin peniaga-peniaga dari Sabah akan mendapat manfaat penuh dari tindakan ini.

Teras strategi yang saya ingin juga bincangkan di sini ialah strategi menjadikan sektor perkhidmatan sebagai pendorong pertumbuhan ekonomi di samping memantapkan pembangunan sektor pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, sektor pelancongan yang telah disentuh dalam Rang Undang-undang Perbekalan 2000 merupakan suatu industri yang tidak dapat dinafikan sumbangannya kepada pertumbuhan ekonomi negara. Negeri Sabah merupakan sebuah negeri yang kaya dengan sumber-sumber semula jadi dan saya yakin Sabah akan dapat menyumbangkan kepada usaha menjadikan sektor perkhidmatan sebagai pendorong pertumbuhan ekonomi Malaysia melalui sektor pelancongan negeri. Ditambah pula dengan pengecualian cukai pendapatan bagi sesetengah golongan pekerja awam maka ini akan lebih mendorong golongan ini untuk melakukan percutian di dalam negara dan seterusnya menambah pendapatan negara secara tidak langsung.

Tahun 2000 ini adalah tahun melawat Sabah. Dan untuk mempromosikan acara ini Kementerian Pelancongan Negeri dan Persekutuan telah membelanjakan banyak wang ringgit. Walau bagaimanapun kejadian di Pulau Sipadan, sebuah pulau

yang terkenal di seluruh dunia sebagai dengan izin, one of the best diving spot in the world adalah sangat sedih dan merugikan Kawasan lautan Semporna itu memanglah satu kawasan di mana kerajaan sedari dan mengetahui bahawa ianya satu kawasan dengan izin, prone to the visits of pirates. Oleh itu, saya sarankan kepada kementerian yang berkenaan untuk sentiasa mempertingkatkan pengawasan di sekitar perlautan timur negeri Sabah.

Selain daripada itu, saya sangat setuju dengan usaha kerajaan memajukan sektor perkhidmatan kita dengan mengutamakan pembangunan teknologi maklumat. Teras pembangunan teknologi maklumat ialah untuk menyediakan masyarakat yang berpengetahuan dan berbudaya IT. Saya amat bersetuju bahawa penggunaan IT dan aplikasi teknologi multimedia akan merangsang kecekapan produktiviti dan daya saing terutamanya di sektor perkilangan dan perkhidmatan. Berlandaskan kepada kepentingan ini, sekali lagi saya dengan penuh yakin dan percaya bahawa perancangan yang dibuat oleh kerajaan pada ketika ini akan mendedahkan pembangunan IT di negeri Sabah dalam masa yang terdekat kerana dari segi infrastruktur IT Sabah amat jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, teras strategi yang bermaksud penerusan program sosial dan kesejahteraan rakyat serta penjagaan alam sekitar menunjukkan sememangnya kerajaan Barisan Nasional merupakan sebuah kerajaan yang prihatin dengan keadaan rakyat jelata. Ini terbukti apabila di dalam Perbekalan 2000 peruntukan belanjawan telah dipertingkatkan untuk pembiayaan kemudahan kesihatan, pendidikan, perlindungan alam sekitar dan pembangunan luar bandar. Kenyataan-kenyataan seperti ini seolah-olah dijuruskan kepada negeri saya dan saya amat berterima kasih sekiranya kerajaan dapat memajukan golongan yang berpendapatan rendah di Sabah dan Sarawak melalui program bantuan kredit dan perumahan kos rendah serta subsidi seperti yang dibentangkan dalam Belanjawan 2000.

Melalui statistik kemiskinan negeri Sabah merupakan satu daripada negeri yang miskin di Malaysia sekiranya kita hanya mengambil kira warganegara Malaysia. Tetapi Sabah akan menjadi negeri yang termiskin sekali sekiranya golongan pendatang tanpa izin (PTI) seperti mereka ini dikenali di Sabah, dimasukkan ke daftar rakyat termiskin. Kenyataan ini jelas menunjukkan kepentingan untuk menyelesaikan masalah pendatang tanpa izin di Malaysia amnya dan di Sabah khususnya. Golongan

PTI ini sebenarnya seolah-olah merampas hak warganegara Malaysia yang bermastautin di Sabah. Keadaan ini secara tidak langsung akan mengancam keselamatan penduduk Malaysia di Negeri di bawah Bayu.

Tuan Yang diPertua, dari segi pembangunan luar bandar sebanyak RM1.36 bilion telah disediakan. Daripada jumlah ini sebanyak RM290 juta telah diberikan untuk bekalan elektrik di Sabah dan Sarawak. Dengan adanya peruntukan sedemikian maka pihak swasta akan lebih yakin untuk datang melabur di Sabah dan Sarawak dan akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat jelata Malaysia. Selain daripada itu, komputer-komputer untuk sekolah-sekolah yang belum mempunyai bekalan elektrik juga bolehlah kita memberi mereka supaya anak-anak di luar bandar juga tidak ketinggalan dalam arus pembangunan IT. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini saya ingin menyentuh tentang beberapa kementerian dan peranan mereka. Pertama sekali Kementerian Pendidikan yang menerima RM11.717 bilion dan merupakan 22.0% daripada keseluruhan jumlah anggaran perbelanjaan mengurus 2000.

Kita dimaklumkan bahawa 99 buah sekolah rendah, 25 buah asrama dan 65 buah sekolah menengah akan beroperasi. Suka saya di sini tahu berapakah buah sekolah rendah asrama dan sekolah menengah dirancangkan untuk negeri Sabah. Selain daripada itu, saya ingin sarankan di sini bahawa kementerian Pendidikan periksa dengan teliti semua keadaan rumah guru khususnya rumah-rumah guru-guru besar di pedalaman Sabah di mana banyak didapati dengan izin, in the poor condition, needing repairs and lack cleanliness. Penyelenggaraan mestilah diambil kira kerana menghantar guru-guru ke sebuah kampung yang tidak mempunyai perumahan atau kemudahan yang baik ialah sangat dengan izin, demoralizing .

Kedua, saya ingin tahu daripada Kementerian Kewangan jika ada pemantauan tentang jumlah wang yang dihantar balik oleh orang-orang asing yang bekerja di Malaysia khususnya daripada Sabah.

Saya perhatikan di Sabah bahawa kebanyakan pekerja-pekerja asing menyimpan wang mereka dan kemudian menghantar wang itu balik ke negara mereka masing-masing. Sabah dengan bilangan PTI yang paling tinggi pasti mempunyai banyak juga pekerja-pekerja yang tidak berdaftar. Ada juga dilihat beberapa perniagaan penghantaran wang balik dibuka oleh pihak PTI ini seperti BNI, sebuah

ejen penghantaran balik wang orang-orang Indonesia. Ingin saya tahu apakah tindakan kementerian berkenaan mengenai dengan perkara ini.

Ketiga, adalah berkaitan dengan Kementerian Kesihatan dan usaha-usahanya untuk mengawal penyakit-penyakit yang sudah dianggap tidak wujud lagi di Malaysia tetapi kebelakangan ini terdapat muncul semula. Penyakit ini ialah seperti yang disentuhkan dan dibangkitkan juga oleh rakan-rakan Yang Berhormat iaitu penyakit tibi dan malaria. Kementerian Kesihatan mendapat RM4.023 bilion dan merupakan 7.5% daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus tahun 2000. Adalah diharapkan bahawa sebahagian daripada peruntukan yang begitu besar dapat digunakan untuk mengatasi masalah penyakit yang muncul lagi ini.

Yang keempat, sebanyak RM3.90 bilion dicadangkan untuk Kementerian Pertahanan bagi tahun 2000. Sebahagian besar akan digunakan untuk perolehan peluru dan bahan api serta maintenance, peralatan tentera, jentera, pesawat, kapal dan kenderaan. Saya harap dengan peruntukan yang begitu besar Kementerian Pertahanan akan jadi lebih berkesan dan efisien. Lebih-lebih lagi selepas insiden yang berlaku di Pulau Sipadan beberapa hari yang lalu. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, insidendi Pulau Sipadan itu adalah bukan yang pertama terjadi di kawasan perairan Semporna dan Lahad Datu di Timur Sabah. Pada 2 April 2000, seorang nelayan serta empat orang anaknya telah diserang oleh lanun dekat Pulau Tagayava dekat Kudat. Lanun-lanun merampas bot nelayan itu serta semua barangan yang ada dan kemudian memaksakan lima orang anak-beranak itu lompat ke laut. Nelayan itu dengan empat orang anaknya selamat melaporkan kejadian ini di kem Dogoton satu sekuriti post, dengan izin di Pulau Bangi selepas berenang selama tiga jam.

Pada 28 Ogos 1998 juga tiga orang lanun bertopeng telah menyerang bot nelayan di perairan Semporna. Seorang daripada nelayan itu mati ditembak oleh lanun. Di Lahad Datu di Timur Sabah, beberapa tahun yang lalu, lanun juga telah dengan izin, robbed two banks dan setahun yang lalu tujuh orang lanun lagi yang bersenjata pistol, bom ikan dan parang telah mengebomkan balai polis yang lama di Semporna. Dengan kesedaran bahawa kawasan perairan timur negeri Sabah ini memang menjadi sasaran orang-orang yang kita tidak ingini, saya di sini sarankan pada kementerian yang berkenaan untuk sentiasa awas kepada keadaan seperti ini. Jangan kita tunggu sesuatu untuk terjadi dan berlaku baru kita sibuk-sibuk.

Saya juga ingin sentuh kepada Kementerian Kerja Raya yang diperuntukkan sebanyak RM1.96 bilion. Daripada jumlah ini sebanyak RM321.2 juta adalah untuk penyelenggaraan jalan-jalan. Saya harapkan bahawa Sabah akan mendapat sebahagian besar daripada peruntukan itu kerana di samping membina jalan-jalan yang baru jalan-jalan yang sedia ada mestilah dibaikkan khususnya yang sudah terlalu rosak.

Kepada Kementerian Pertanian ingin saya cadangkan bahawa satu kajian tentang tanah-tanah terbiar yang dimiliki oleh orang-orang minoriti dalam golongan berpendapatan rendah diadakan di Sabah. Di Sabah terdapat banyak orang dalam golongan berpendapatan rendah memiliki tanah-tanah yang diwarisi oleh mereka dan kebanyakan tanah itu tiada diusahakan ataupun tiada ditanam dengan apa-apa pun. Oleh itu, mungkin kerajaan melalui Kementerian Pertanian boleh mengkaji bagaimanakah kerajaan boleh membantu golongan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap agar kerajaan akan terus mengemaskinikan sistem pengagihan peruntukan kewangan kerajaan yang ada menurut keutamaan. Saya harap keutamaan ini akan difokuskan kepada pembangunan insan dan bukan hanya semata-mata dalam soal merangsangkan pertumbuhan ekonomi. Saya sentuhkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya telah membaca di surat khabar baru-baru ini tentang cadangan pembinaan Jambatan Pulau Pinang. Kalau tidak silap sebanyak RM3 bilion akan dibelanjakan untuk membina Jambatan Pulau Pinang yang kedua berbanding dengan peruntukan yang telah dicadangkan untuk membina dan menaikkan taraf jalan-jalan raya di luar bandar dan kampung-kampung tahun ini iaitu hanya RM201 juta. Jumlah ini hanya 6% daripada kos pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang. Bolehkah sekiranya Menteri Kerja Raya dapat memberi penjelasan apakah keperluan membina jambatan itu lebih mendesak berbanding dengan keperluan jalan-jalan raya di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong penuh Rang Undang-undang Perbekalan 2000.

3.42 ptg.

Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor: Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah mengizinkan saya untuk turut serta dalam perbincangan belanjawan Perbekalan tahun

2000 yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan telah dibentangkan semula di Dewan Negara pada 24hb. April, 2000 oleh Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh mengenai Jabatan Hal Ehwal Wanita iaitu HAWA. Saya difahamkan objektif HAWA adalah untuk membangun, memaju dan mengukuhkan kedudukan wanita dalam pelbagai sektor yang di kenalpasti melalui perancangan penyelarasan dan pemantauan program dan aktiviti agensi-agensi tertentu secara cekap dan berkesan. Manakala fungsinya, Tuan Yang di-Pertua, d antaranya adalah untuk mengkaji dan memantau kedudukan wanita dalam semua bidang ekonomi, pendidikan, latihan, pekerjaan, kesihatan, politik, media, undang-undang dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyentuh pengwujudan Jawatankuasa Perunding Hal Ehwal Wanita iaitu JKP HAWA negeri, yang bertugas menyalurkan isu-isu pembangunan wanita kepada pusat serta menerima, menyebarkan maklumat, memberi bantuan kepada wanita, membangkitkan kesedaran kedudukan dan peranan serta tanggungjawab wanita dalam pembangunan negara. Pusat JKP HAWA negeri banyak menerima aduan di kalangan wanita dengan permasalahan seperti keganasan rumah tangga, penderaan, masalah ibu tunggal, kemiskinan, kesihatan dan sebagainya, yang mana kita dapati yang menghadapi masalah kesihatan misalnya ada diantara apabila anak mereka menghadapi penyakit HIV. Golongan ini malu hendak berubat, dan satu lagi masalah keluarga tidak mahu terima anak perempuan, khususnya yang mengidap HIV atas alasan malu kepada jiran dan berbagai-bagai permasalahan wanita yang diadakan termasuklah di bidang ekonomi dan keusahawanan.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya penubuhan JKP HAWA di setiap negeri dan daerah amat wajar dan bertepatan sekali diadakan. Saya ingin menyarankan kepada kerajaan supaya kerajaan segera mengemaskinikan serta mewujudkan penyelarasan penubuhan pusat JKP HAWA peringkat negeri dan daerah yang mana apa yang ada sekarang, Tuan Yang di-Pertua, di peringkat negeri dan pusat, diwujudkan dengan disediakan bangunan dan pegawai yang bertugas khusus kepada pusat yang berkenaan. Manakala JKP HAWA daerah ditubuhkan dalam fungsi yang sama tetapi berkhidmat secara sukarela, manakala berpejabat atau berpusat dengan menumpang di sudut mana yang ada di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah masing-masing.

Oleh yang demikian, saya bercadang agar Pusat Khidmat Wanita iaitu HAWA di daerah-daerah khususnya di Kelantan dan Terengganu sesuai dengan alaf baru diwujudkan sebagaimana diadakan di peringkat negeri iaitu ada pejabat sendiri, ada petugas tetap yang dibayar gaji dan saya yakin ianya akan lebih berkesan sekali gus dapat menyelaraskan, melaksana dan mengambil tindakan sebagaimana yang dirancang dan wanita mempunyai tempat yang khusus untuk mengadu tanpa didiskriminasi oleh golongan-golongan yang tertentu.

Menyentuh peruntukan bantuan kewangan yang diberikan kepada JKP HAWA negeri yang mana pada tahun 1997 sebanyak RM20,000 peruntukan ini yang telah diberikan di peringkat negeri. Peruntukan ini juga telah dikurangkan kepada RM8,000 pada tahun 1998, 1999 dan untuk tahun 2000. Saya kira ini adalah sumbangan yang terlalu kecil kepada JKP HAWA negeri untuk menjalankan kegiatan dan aktiviti-aktiviti berkenaan. Jadi saya sarankan kepada kerajaan khususnya Kementerian Kewangan supaya menambah peruntukan bantuan kewangan kepada JKP HAWA pusat, negeri dan daerah agar ianya dapat berfungsi dan mampu mengurus dan menjalankan aktiviti-aktiviti wanita dalam pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon menyentuh Kementerian Pendidikan. Yang pertama saya ingin menyarankan supaya Kementerian Pendidikan mengenal pasti guru-guru yang bersikap negatif kepada pemimpin-pemimpin kerajaan khususnya Kerajaan Barisan Nasional sebagai pemerintah negara. Diberikan penjelasan tepat mengenai dasar-dasar kerajaan, diberikan kefahaman secukupnya supaya mereka ini dapat menjalankan tugas yang diamanahkan dengan baik dan bertanggungjawab.

Yang kedua, saya mohon kementerian merancang pembangunan sekolah dengan mengambil kira anggaran kelahiran dan pertambahan penduduk supaya pembelajaran cuma di sesi pagi sebagaimana yang diharapkan oleh rakyat keseluruhannya dapat dilaksanakan dengan tepat dan segera. Kerana sebagaimana yang kita ketahui bahawa belajar di sesi pagi amat sesuai dan selesa untuk belajar kalau dibandingkan di waktu petang yang mana waktu ini kurang selesa, suasana kurang tenang di samping mempunyai masa yang lebih pendek dan merugikan.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh masalah pelajar-pelajar nakal di sekolah, gejala samseng dan sebagainya. Walaupun ianya bukan sesuatu yang besar yang mampu mengancam pentadbiran dan pembelajaran di

sekolah tetapi percayalah bahawa ianya adalah suatu gejala yang tidak sihat yang tidak sewajarnya di pandang ringan, bak kata pepatah “ Api di waktu kecil menjadi kawan tetapi apabila besar ianya akan menjadi lawan”.

Oleh yang demikian, supaya keselamatan dan keselesaan pelajar-pelajar tidak diganggu gugat oleh golongan berkenaan di samping tenaga pengajar mampu menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai guru ataupun pendidik, di samping memberi tumpuan kepada kecemerlangan pendidikan yang diharapkan, justeru itu saya mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan mempertimbangkan menubuhkan mini balai polis yang beroperasi di setiap sekolah menengah di negara ini.

Mengenai pendidikan di alaf baru, saya merakamkan ucapan tahniah kepada Kementerian Pendidikan yang telah mengambil tindakan tepat untuk memperkenalkan program celik IT dan pendidikan penggunaan komputer di sekolah-sekolah. Persoalannya ialah apakah kerajaan meletakkan satu target iaitu tahun berapa semua sekolah akan dibekalkan komputer secukupnya dilaksanakan dengan sepenuhnya, lebih-lebih lagi di sekolah-sekolah yang berada di luar-luar bandar.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Saya ingin sentuh sedikit sahaja mengenai Jabatan KEMAS iaitu Jabatan Kemajuan Masyarakat. Kita dapati bahawa beberapa tahun kebelakangan ini anggota atau kakitangan KEMAS semakin berkurangan. Ini berlaku tatkala PM KEMAS berhenti daripada perkhidmatan sama ada dengan kerekaan ataupun faktor umur iaitu menjangkau 55 tahun. Apa yang berlaku, sekiranya terdapat kekosongan, PM TBK sahaja diisi. Tetapi bagi PM jurusan lain, banyak kekosongan yang tidak diisi. Oleh yang demikian, saya mencadangkan kepada kementerian berkenaan supaya mengisi kekosongan jawatan ini dan pengambilan kakitangan KEMAS juga hendaklah diambil berdasarkan sebagaimana yang disyaratkan sesuai dengan kewujudan jabatan KEMAS peringkat awal dahulu dan diselaraskan sebagaimana yang digariskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa rakyat miskin dan termiskin masih wujud di bandar-bandar dan lebih-lebih lagi di kawasan luar bandar. Golongan ini wajar diberi perhatian khusus oleh kerajaan dalam membantu masalah ekonomi yang dihadapi oleh mereka. Kemiskinan mendorong kepada berlaku permasalahan gejala sosial, jenayah, kejatuhan moral dan sebagainya. Dasar Ekonomi Baru yang telah

diperkenalkan oleh kerajaan pada tahun 1970 telah berjaya menyusun masyarakat secara adil dalam semua aspek ekonomi, pendidikan dan sebagainya. Sesungguhnya usaha-usaha kerajaan bukan kecil pengorbanannya dan jasanya, baik para pembuat dasar iaitu kerajaan juga golongan pelaksana iaitu pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Minta laluan sikit. Minta laluan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat ada menyebutkan 'PM', dan bilangannya pula ramai. Setahu kita seorang saja. Mungkin ada satu jawatan. Cuma saya hendak tahu satu lagi kalau dapat diterangkan, apakah peranan PM ini ataupun disebut tadi KEMAS terhadap masyarakat kita, bagaimana peranan mereka dengan masyarakat ini, kalau dapat diterangkan sikit.

Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. PM kalau suatu masa dulu dipanggil Pemaju Masyarakat tetapi sekarang ini saya difahamkan dipanggil Pendidikan Masyarakat. Tugasnya mengikut bidang jawatan yang ditugaskan, kalau dia PM TBK maka dia menjadi guru kepada taman bimbingan kanak-kanak. Kalau dia PM Pendidikan Agama maka dia mengajar mengenai agama dan begitu juga bahagian latihan, ekonomi rumah tangga misalnya dan juga bahagian latihan kemahiran. Dan saya rasa, saya sudah pun menjawab kedua-duanya sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk meneruskan ucapan saya. Saya teringat kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dalam sebuah sajaknya yang berbunyi, "*Sesungguhnya perjuangan kita belum selesai*". Ini membuktikan bahawa kerajaan sentiasa sedar permasalahan yang dihadapi oleh negara dan rakyat. Kerajaan yang prihatin dan cakna kepada rakyat, itulah kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memfokuskan cadangan yang khusus kepada rakyat miskin dan termiskin yang mana mereka ini terdiri daripada petani, pekebun kecil, nelayan, buruh dan lain-lain lagi. Oleh yang demikian, saya mencadangkan kepada kerajaan supaya meneruskan perhatian dan terus mempertingkatkan bantuan dalam semua aspek bagi membantu golongan ini menikmati kesejahteraan hidup dalam negara merdeka ini. Saya juga ingin menyarankan kepada kerajaan supaya skim bantuan pinjaman ASB di bawah program PPRT yang telah diperkenalkan dahulu oleh kerajaan dan telah diberhentikan mungkin kerana masalah kegawatan

ekonomi negara diwujudkan semula sesuai dengan pertumbuhan ekonomi negara yang telah pulih sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengemukakan di sini iaitu mengenai masalah bekalan air bersih di negeri Kelantan di mana saya yakin Tuan Yang di-Pertua juga menghadapi masalah ini sewaktu balik ke Kelantan. Bekalan air paip kerajaan di Kelantan yang disalurkan kepada rakyat di negeri Kelantan bukan sahaja tidak mencukupi keperluan sejumlah penduduk yang memerlukan perkhidmatan penggunaan air kerajaan negeri tetapi apa yang menyedihkan bagi golongan yang menerima perkhidmatan air kerajaan Kelantan ialah kita menerima bekalan air berwarna kuning iaitu berkarat, khususnya di bandar Kota Bharu ataupun dalam daerah Kota Bharu yang mana air yang disalurkan kepada penduduk dalam daerah ini didapati sudah berlarutan menerima air yang berkarat.

Saya mohon mencadangkan kepada Kementerian Kesihatan supaya mengambil contoh air di negeri Kelantan ini khususnya iaitu di daerah Kota Bharu yang mana apakah air yang berkarat ini sesuai digunakan dan juga untuk dijadikan minuman dan masakan. Apakah ianya tidak menjadi bahaya di segi kesihatan sama ada dalam jangka masa pendek atau jangka masa panjang kepada pengguna yang mendapat bekalan air berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai laman-laman web agensi-agensi kerajaan, yang mana laman-laman web agensi-agensi kerajaan juga perlu diperbaiki supaya ianya lebih berkesan dan ke depan. Keadaan laman-laman web ini sungguh menyedihkan. Di dapati maklumat terkini tidak disertakan dan maklumat-maklumat penting tidak ditukar dari masa ke semasa. Bahan-bahan rujukan seperti kertas-kertas persidangan, akta-akta dan peraturan-peraturan yang berkaitan kementerian, agensi dan sebagainya, tidak dimasukkan di laman ini.

Situasi ini tidak sepatutnya berlaku di kala kita iaitu kerajaan membuat tindakan proaktif dengan agenda IT dan mewujudkan Koridor Raya Multimedia (MSC). Kenapa tidak digunakan kemudahan yang sedia ada bagi kepentingan kerajaan, rakyat dan negara? Cadangan saya ialah setiap kementerian hendaklah menubuhkan unit khas IT yang akan bertanggungjawab mengemas kini segala maklumat bagi seluruh unit dan agensi kementerian terbabit di dalam laman webnya.

Satu lagi saya ingin menyentuh mengenai kemudahan sukan di IPTA. Saya mencadangkan perlu diwujudkan khususnya di pusat-pusat pengajian tinggi, satu

kemudahan sukan yang kita namakan 'Mesra Wanita', yang mana kini ramai pelajar-pelajar wanita seakan-akan dinafikan hak untuk menggunakan kemudahan-kemudahan sukan apabila kesemua prasarana yang ada didominasi oleh pelajar-pelajar lelaki.

Jadi, saya kira sesuai dengan ajaran Islam kita juga bahawa sukan bukanlah sesuatu yang ditegah oleh agama kita dan ada caranya dalam pandangan Islam sendiri, jadi amatlah sesuai saya mohon pihak Kementerian Pendidikan bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan untuk mewujudkan satu kemudahan sukan yang kita namakan Sukan Mesra Wanita yang khusus untuk digunakan oleh pelajar-pelajar wanita sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja ucapan saya pada kali ini dan saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2000. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Abdul Wahid.

4.01 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana berpeluang mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2000 yang dibacakan buat kali yang kedua oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan pada 24 April 2000 di Dewan yang mulia ini.

Strategi-strategi Belanjawan 2000 yang diumumkan baru-baru ini adalah bertepatan dengan perkembangan di negara kita dan juga persekitaran global. Syabas dan tahniah diucapkan kepada kerajaan khususnya kerana telah berjaya membawa negara keluar daripada kegawatan ekonomi yang kita alami sejak pertengahan bulan Julai 1997. Kejayaan ini adalah berkat kerjasama dan sokongan semua pihak termasuklah sektor swasta serta semua lapisan rakyat.

Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan telah membuahkan hasil yang membanggakan. Sesungguhnya, masyarakat antarabangsa pada mulanya mengkritik tindakan kita melaksanakan kawalan modal berpilih dan menetapkan nilai Ringgit pada kadar RM3.80 bagi setiap USD1 pada bulan September 1998.

Berhubung dengan kawalan modal berpilih dan penetapan nilai Ringgit yang kita laksanakan, masyarakat antarabangsa rata-rata masih lagi tidak memahami bagaimana ia membantu memulihkan ekonomi kita. Apakah langkah yang telah

diambil oleh kerajaan untuk menerangkan mekanisme ini kepada masyarakat luar dan apakah kerajaan berhasrat untuk mengkaji semula pelaksanaan kawalan modal tersebut. Kita juga ada membaca tulisan di akhbar dan majalah mengenai dakwaan nilai Ringgit yang ditetapkan tersebut adalah dengan izin, under value sehingga 40% dan didesakkan masyarakat antarabangsa supaya Malaysia menilai semula Ringgit dan currency pegging dengan Dolar Amerika Syarikat dimansuhkan.

Wahu bagaimanapun, kita harus menerima hakikat bahawa ekonomi kita telah pulih. Unjuran pertumbuhan bagi tahun ini adalah di bawah potensi sebenar untuk memastikan pemulihan dan pertumbuhan ekonomi terus rancak. Semua pihak mesti menggembleng tenaga untuk terus berusaha memastikan pemulihan ekonomi kita berkekalan dan pertumbuhan mencapai tahap yang mapan seperti yang dikecapi hampir sedekad sebelum berlakunya krisis kewangan di Asia.

Saya tertarik dengan cadangan untuk menubuhkan Tabung Kewangan Asia bertujuan menyediakan bantuan segera kepada negara-negara asing yang mengalami masalah kewangan. Kebelakangan ini masyarakat antarabangsa menunjukkan reaksi yang lebih positif ke atas cadangan penubuhan tabung ini memandangkan Malaysia adalah antara negara yang menyokong penuh tabung ini. Saya berpendapat adalah wajar pihak kerajaan menggalakkan usaha mendapatkan sokongan daripada negara-negara serantau lain serta mengadakan kerjasama dengan anggota-anggota ASEAN serta negara-negara utama Asia Timur seperti Jepun, Korea dan China.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu kita semua terdedah dan tidak dapat lari daripada proses globalisasi dan liberalisasi yang menjurus kepada pasaran dunia yang semakin terbuka dan tanpa sempadan. Globalisasi dan liberalisasi ini merupakan satu bentuk penjajahan moden di alaf baru. Saya mengalu-alukan dan menyokong penuh tindakan kerajaan menubuhkan satu kumpulan pemikir atau dengan izin, think-tank sebagai persediaan untuk menghadapi cabaran-cabaran dunia tanpa sempadan ini.

Saya mencadangkan supaya kumpulan pemikir ini mengenal pasti bidang-bidang di mana kita mempunyai kekuatan dan berpotensi untuk bersaing dan juga mengenal pasti sektor-sektor di mana kita agak lemah dan perlulah diberi penekanan untuk membaikinya. Di samping kita membuat persediaan untuk bersaing di pasaran antarabangsa, kita tidak harus lupa akan industri-industri kecil dan sederhana tempatan yang baru hendak menggemblengkan sayap mereka. Oleh yang demikian, strategi jangka pendek dan panjang yang akan digubal kelak harus juga merangkumi

langkah-langkah untuk melindungi industri tempatan. Keseimbangan ini sangat penting bagi memastikan setiap lapisan masyarakat mendapat manfaat yang maksimum.

Selain persaingan ini di peringkat global, saya ingat di peringkat serantau perlu diberi perhatian yang lebih. Ini merupakan gelanggang permulaan kita untuk menghadapi ujian litar liberalisasi memandangkan kita mungkin tidak dapat menguasai atau menyertai pasaran global, sekurang-kurangnya buat masa ini kita mampu bersaing dengan ekonomi-ekonomi tetangga kita seperti negara-negara ASEAN.

Pada hemat saya, negara kita adalah antara yang terbaik dan paling awal keluar daripada krisis yang melanda dengan mencatat pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan pada tahun lalu setelah mengalami penguncupan pada tahun sebelumnya.

Langkah ASEAN untuk mewujudkan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) menjelang tahun 2015 sangatlah bertepatan untuk menjadikan rantau ini lebih kompetitif. Peluang ini perlu digarap oleh usahawan kita. Jika dilihat dari kaca mata pengguna, pengwujudan AFTA ini menawarkan pilihan barangan yang bermutu, perkhidmatan yang luas serta memberikan peluang kepada mereka untuk menikmati barangan import dari negara-negara ASEAN dengan harga yang lebih kompetitif.

Saya menjunjung tinggi usaha bersama yang dibuat oleh ASEAN ini untuk mencapai wawasan sebagai sebuah negara maju berasaskan industri setiap warga negara mesti mempunyai keyakinan diri dalam segala lapangan yang diceburi barulah potensi sebenar seseorang individu dapat diketengahkan untuk kebaikan semua.

Sifat jati diri dan keyakinan kepada kebolehan diri sendiri ini perlu diterapkan dalam jiwa kanak-kanak kita sejak kecil lagi. Dengan ini saya berpendapat bahawa khidmat kaunseling dan motivasi perlu diperkenalkan di peringkat sekolah rendah lagi untuk membantu kanak-kanak memahami dan menanamkan sifat yakin kepada kebolehan diri sendiri.

Menyentuh bidang pendidikan ini, langkah kerajaan mengadakan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional sangatlah wajar, dengan ada kemudahan wang pendahuluan sebanyak RM1,000 hingga RM1,500 ini, dapat membantu pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta tempatan khususnya untuk menampung kos kemasukan ke universiti.

Bayaran pendahuluan ini patut dibayar terus kepada pelajar berkenaan lebih awal untuk membolehkan mereka membuat persiapan yang diperlukan.

Selain itu, saya juga ingin mendapatkan penjelasan lanjut mengenai beberapa disiplin atau bidang pengajian yang membolehkan seseorang pelajar itu layak menerima bantuan yuran pengajian atau subsidi oleh pihak kerajaan. Penjelasan juga diminta mengenai status penghantaran pelajar ke luar negara yang dihadkan disebabkan kegawatan ekonomi lalu, adakah kerajaan berhasrat mengkaji semula keputusan ini?

Perkembangan teknologi maklumat yang pesat telah mendorong kerajaan mempertingkatkan bilangan tenaga pekerja berpengetahuan IT. Ini termasuk juga guru-guru di peringkat sekolah rendah dan menengah, ini adalah penting dalam usaha kerajaan beralih kepada ekonomi yang memerlukan sistem pendidikan dan tenaga pengajar yang berkualiti tinggi demi melahirkan generasi tenaga kerja yang pintar dan berpengetahuan.

Bagi menyediakan guru-guru yang berkualiti, saya ingin mengesyorkan supaya taraf pendidikan guru-guru dinaikkan atau dengan izin, *diupgrad* dengan:-

- (i) lebih banyak maktab perguruan dinaikkan taraf kepada universiti; dan
- (ii) kelonggaran diberikan kepada guru-guru untuk melanjutkan pelajaran di universiti sama ada secara sepenuh masa ataupun melalui program pendidikan jarak jauh.

Tuan Zainal bin Rampak: Yang Berhormat, minta laluan. Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat bercakap atas perkara isu guru dan taraf perguruan dipertingkatkan lagi. Saya kira guru adalah merupakan pendidik bangsa, pendidik generasi yang akan datang.

Hari ini Yang Berhormat, guru adalah merupakan satu sektor pekerjaan yang begitu penting dalam negara kita terutama sekali negara seperti Malaysia, negara membangun. Saya pernah mendengar rintihan guru di kalangan guru-guru seperti mana kata Yang Berhormat Datuk Christina pagi tadi soal perumahan, satu isu, tempat pedalaman dan sebagainya. Ini satu perkara yang menjadi isu tanda tanya yang selalu diperkatakan oleh guru. Bukan sahaja isu soal perumahan, saya kira juga soal pendapatan mereka. Kita lihat kalau dahulu guru mengajar kita, hari ini bila

murid sudah lulus persekolahan tinggi dan mendapat gaji lebih tinggi daripada guru, sedangkan guru masih tinggal lagi jauh kebelakangan.

Bagaimana kalau sekiranya kita mencadangkan supaya gaji guru-guru ini dikaji semula oleh kerajaan demi untuk mempertingkatkan mutu kerja produktiviti mereka supaya mereka ini dapat terus berkhidmat mendidik anak bangsa dengan penuh dedikasi walaupun besar kemungkinan segelintir yang paling kecil yang membuat kritikan kepada kerajaan dan sebagainya. Ini tidak dapat dielakkan, memang ada berlaku di mana jua, tetapi kita boleh atasi dengan sistem yang ada sekarang ini, dengan khidmat kaunseling yang diadakan oleh Kementerian Pendidikan.

Saya kira, saya berpendapat bahawa pendapatan gaji guru harus dinaikkan lebih tinggi supaya mereka mempunyai dedikasi, supaya mereka ini lebih berminat untuk belajar dan mengajar anak-anak bangsa dan memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan sanggup ditukar di mana jua walau di tempat pedalaman dan sebagainya. Saya kira inilah yang harus diambil berat oleh kerajaan. Saya yakin kakitangan awam dan guru harus diasingkan gaji mereka dari Skim Saraan Baru (SSB) yang mana saya dahulu pernah menyatakan termasuk angkatan tentera, polis dan sebahagian daripadanya besar kemungkinan guru juga harus diasingkan daripada Skim Saraan Baru bagi membolehkan pendapatan mereka ini tidak mengira daripada rekomendasi dan sebagainya head of department, dengan izin, ketua jabatan tetapi mereka mendapat pendapatan yang begitu menggalakkan dan meyakinkan diri mereka untuk berkhidmat kepada negara. Apakah pandangan Yang Berhormat, bolehkah kita cadangkan kepada kerajaan berkenaan perkara ini supaya dikaji semula. Saya kira kita boleh mencadangkan, ini adalah satu isu yang penting juga yang harus dipandang oleh kerajaan.

Oleh kerana guru adalah merupakan pendidik anak bangsa kita, kalau kita ingin melihat negara ini maju, anak bangsa kita celek dengan pelajaran, mempunyai pengetahuan yang tinggi, ianya harus datang dari guru sekolah sendiri.

Hari ini seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, kita semua sedia maklum, guru-guru terpaksa mengadakan tuisyen waktu petang dan pada hari kelepasan mereka demi untuk menambah pendapatan mereka. Dengan tidak secara langsung kita menggalakkan produktiviti mereka kurang untuk mengajar anak-anak kita di sekolah, dia lebih menumpukan mengadakan tuisyen waktu petang demi

untuk menambah pendapatan mereka. Ini yang harus difikirkan oleh kerajaan dari satu aspek yang begitu luas. Bagaimana, Yang Berhormat?

Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya bersetuju apa yang Yang Berhormat kata tadi – semua pandangan.

Yang kedua, dorongan diberi kepada guru-guru untuk melanjutkan pelajaran di universiti sama ada secara penuh masa ataupun melalui Program Pendidikan Jarak Jauh.

Yang ketiga, pelepasan cuti bergaji penuh kepada guru-guru yang melanjutkan pelajaran ke universiti.

Tuan Yang di-Pertua, strategi-strategi yang dikemukakan di dalam Belanjawan 2000 ini dijangka membawa kesan positif dan merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi negara.

Saya dengan ini mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan bagi tahun 2000 ini. Terima kasih.

Dato' Michael Chen Wing Sum: Yang Berhormat Tuan Mustaffa.

4.21 ptg.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Naw: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bangun bersama-sama dengan rakan-rakan bagi membahaskan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri Kewangan Satu.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan pada tahun ini merangkumi semua aspek tetapi apabila kita lihat angka-angka yang diumumkan iaitu RM78.3 bilion ini merupakan, saya rasakan angka tertinggi dalam sejarah negara kita. Masa merdeka dahulu kita hanya membelanjakan sedikit – kurang daripada RM1 bilion dan sekarang menjangkau kepada RM78.3 bilion. Di sini rakyat semua harus sedar bahawa tanggungjawab kerajaan bukanlah mudah untuk mengadakan peruntukan yang sedemikian, tambahan lagi apabila beberapa cukai dimansuhkan termasuk juga cukai pendapatan individu telah dimansuhkan sedikit sebanyak, potongan-potongan telah dilakukan. Kita berterima kasih kepada pihak kerajaan yang prihatin kepada rakyat yang pendapatannya rendah.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita baca surat khabar bahawa tokoh-tokoh korporat juga tidak dikecualikan daripada undang-undang negara. Meskipun dia tokoh di dalam parti, penyokong kerajaan dan sebagainya tetapi bagi menegakkan undang-

undang kita, undang-undang tetap berjalan, mahkamah juga tetap berjalan dengan adil, maka tokoh-tokoh korporat yang demikian kita hadapkan ke mahkamah dan dendanya amat setimpal. Akan tetapi ada persoalan yang timbul. Saya ingin mengingatkan Ahli-ahli Dewan ini bahawa beberapa tokoh korporat lagi masih bebas di luar negara. Apa yang mengejutkan, beliau di luar negara dengan sewenang-wenangnya rumah juga dibangunkan di dalam negara – berjuta-juta ringgit. Bagaimanakah tokoh korporat yang demikian dapat memonitor bangunan rumahnya sedangkan dia berada di luar negara? Amat hairan dan pelik sekali Interpol tidak boleh kesan dia ini berada di mana, sama ada tidak boleh kesan atau boleh kesan inilah persoalan yang masih bermain di kepala kita.

Bagaikan juga mereka ini tidak terkecuali, mereka ini juga penjenayah. Penjenayah kolar biru atau penjenayah kolar putih, kalau jenayah tetap dipanggil jenayah. Hingga sekarang tokoh-tokoh ini, yang memainkan peranan penting dalam pasaran saham, yang memanipulasikan segala urusan pembelian saham masih bebas – bebas, enak di luar negara, mungkin duduk di hotel yang Five Star, juga dengan kereta limousinenya sedangkan pelabur-pelabur kecil menderita di dalam negara. Apabila kegawatan ekonomi melanda banyak investors, dengan izin, penanam modal yang kecil, saya rasa tidak terkecuali Ahli-ahli Dewan ini juga termasuk di dalam golongan itu menderita. Akan tetapi beliau mengambil peluang ini sewenang-wenangnya. Saya berharap kepada kerajaan, di samping saya berterima kasih kepada pihak yang berkenaan yang mencungkil kesalahan beliau hingga mengeluarkan waran untuk menangkap tokoh-tokoh ini, akan tetapi saya minta pihak Polis Diraja Malaysia bekerjasama seerat-eratnya dengan polis antarabangsa (Interpol) untuk membawa tokoh-tokoh politik ini balik ke dalam negara kita dan kita adilkannya.

Dalam sidang Parlimen kali ini juga kita melihat Rang Undang-undang Sekuriti juga dikemukakan. Meskipun belum dibahaskan, saya ingin mengingatkan Dewan ini bahawa Akta Sekuriti itu amat penting. Kadangkala kita ingat tokoh-tokoh korporat dari luar negara sahaja yang menjadi penyangak, akan tetapi jangan lupa tokoh-tokoh korporat dalam negara juga penyangak juga. Inilah yang harus dibendung oleh kerajaan. Kalau denda itu – dahulu kita telah ingatkan di dalam Dewan ini, kalau sekiranya denda itu berkurangan kita tambah lagi. Beri mereka ini tidak dapat lari daripada tanggungjawab apabila mereka melakukan kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, daripada RM78.3 bilion itu, peruntukan pengurusan adalah RM24.67 bilion. Ini amat baik bagi pengurusan kerana dengan jumlah wang yang ada ini saya rasa pihak pengurusan dalam negara dapat menguruskan negara ini dengan baik. Akan tetapi beberapa kelemahan harus kita kaji di tiap-tiap jabatan dan saya tidak ingin menegur kesemua jabatan ini akan tetapi tiap-tiap jabatan harus mengenal pasti kelemahan-kelemahan mereka bagi menguruskan negara ini untuk menyampaikan ke tahap apabila kita sampai ke tahun 2020. Bagi kami, mungkinlah Ahli Dewan ini yang rasa umur pun sudah 50 lebih, mungkin tidak sampai ke tahun 2020 tetapi bagi orang yang muda mungkin sampai dan di masa itulah kita akan lihat bagaimana negara kita membangun dengan pesat sebagaimana yang kita katakan pada waktu yang lalu bahawa negara kita penuh dengan segala tokoh-tokoh korporat, ekonomi, jurutera, perubatan dan sebagainya. Itulah sebabnya kerajaan bertungkus-lumus mengadakan institusi-institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta kerana kita ingin melahirkan siswazah-siswazah yang bermutu tinggi.

Kita lihat dalam negara kita ini bahawa institusi pengajian tinggi kita bukan sahaja diisi oleh anak-anak negara kita akan tetapi juga warga-warga asing yang datang daripada luar negara termasuk juga dari Pakistan, India, Singapura, Thailand, kita lihat juga dari New Zealand pun ada mengaji disini sungguhpun dia orang ada universiti, Australia pun ada di IPTS. Maknanya, di luar negara mereka mengiktiraf IPTS dan IPTA kita. Jadi, kita harus berbangga dengan keadaan yang demikian. Walau bagaimanapun, IPTS ini harus dikemas kini. Kadangkala kita lihat IPTS ini sambil-lewa sahaja kerana kelihatan daripada luarnya amat canggih, apabila institut pengajian swasta, pelbagai kolej swasta yang kita lihat, akan tetapi pelbagai masalah terutama yang baru ditubuhkan. Apabila kerajaan kata tempat kita tidak cukup kita buat IPTS, banyaklah peluang-peluang ini yang diberikan kepada swasta dan apabila tertubuhnya IPTS ini kadangkala menimbulkan masalah kita sendiri, dengan keadaan tenaga pengajarnya yang tidak profesional yang kadangkala asramanya juga sudah tidak begitu sesuai diduduki dan pelbagai masalah terutama apabila kita lihat ada IPTS di Langkawi, yang telah sudah, apabila kita lihat dalam akhbar amat canggih tetapi apabila sampai ke tempat tersebut, tahapnya tidak begitu memenuhi cita rasa negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada Kementerian Kesihatan, saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana beberapa hospital telah

ditubuhkan. Di Perak juga saya lihat hospital baru wujud, baru dalam setahun ini dan begitu juga di Sabah dan Sarawak, tahniah kepada Sabah kerana dapat hospital baru. Bagi menyelesaikan masalah ini bukanlah mudah akan tetapi jangan lupa pihak Kementerian Kesihatan bahawa terdapat hospital yang lama masih usang dan tidak diperbaiki kerana saya rasakan pihak kementerian menumpukan yang baru, yang lama tinggal.

Jadi saya rasa yang lama ini keadaannya amat baik, masih boleh dibaikpulih, terdapat beberapa hospital yang ditinggalkan oleh penjajah dahulu masih boleh digunakan, bangunannya masih elok dan cantik, cuma diperbaiki, dibekalkan. Tetapi amat sayang kadangkala tempat itu dahulu diadakan doktor pakar tetapi sekarang doktor pakarnya sudah tidak ada, tinggallah doktor biasa hanya dua tiga orang. Apabila kita tanya kepada pihak pengurusan hospital, dia kata tidak cukup pesakit. Dengan hal demikian saya rasa, dengan keadaan pembangunan negara yang pesat dan juga rakyat yang begitu banyak saya rasa hospital-hospital yang lama ini tidak perlu kita tinggalkan, kita ubah suai, perbaiki, hantar doktor-doktor pakar, walaupun lawatan dalam masa seminggu sekali doktor pakar ini tetapi amat mustahak.

Sebagai satu contoh, hospital-hospital ini ialah dahulu Hospital Lumut, sekarang saya pun tidak tahu apa hendak jadi Hospital Lumut inikerana Hospital Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) lebih canggih merupakan alat yang tercanggih di dalam negara kita kerana ada pesakit yang datang daripada negeri Selangor dan juga Johor dihantar ke situ untuk satu-satu perubatan khusus. Tetapi apabila kita lihat Hospital Lumut ini di atas bukit di pinggir laut, amat indah, bangunan lama itu, antik itu boleh diperbaiki.

Juga Hospital Batu Gajah Perak yang kawasannya luas di lereng bukit dan sebagainya amat cantik, tetapi amat sayang sekarang hanya dihuni oleh tidak kurang daripada enam orang doktor tanpa doktor pakar padahal penduduk sekelilingnya hampir 100,000 orang. Jadi, saya minta pihak Kementerian Kesihatan di dalam Belanjawan tahun depan peruntukkanlah sedikit untuk membela nasib-nasib hospital yang malang ini yang telah memberi khidmat sejak sebelum lagi kita merdeka.

Tuan Yang diPertua, kita dalam menjurus kepada ekonomi yang bertambah baik pada tahun ini, walaupun pada dua tiga hari ini agak ada kejutan sedikit di pasaran saham tetapi saya rasa ini adalah sementara dan tidak kekal akan tetapi kita harapkan pertumbuhan ekonomi kita menjangkau 7.5% pada masa yang akan datang.

Kita tidak boleh melihat sebagai satu angka petunjuk daripada pasaran saham, kita juga melihat bahawa pengeluaran-pengeluaran daripada kilang-kilang negara dan juga sumber-sumber asli di dalam negara kita harus diambil kira dan merupakan kayu ukur kepada ekonomi kita.

Saya berterima kasih kepada Kementerian Perusahaan Utama kerana dapat menjalankan tugasnya dengan begitu baik terutamanya kepada Menteri yang telah menaikkan harga getah sedikit walaupun tidak semana tinggi, akan tetapi usaha beliau haruslah dihargai kerana masyarakat kampung banyak yang berterima kasih di atas tindakan beliau untuk menstabilkan harga getah. Masyarakat kampung merupakan satu penyumbang ekonomi negara dalam bidang keluaran pertanian seperti kelapa sawit, getah dan sebagainya, cengkih juga, lada hitam. Kerajaan harus peka dan mengambil daya usaha yang begitu baik untuk menguruskan mereka ini dan memberi segala bentuk subsidi yang mereka perlukan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Kementerian Pertahanan saya lihat sekarang amat baik, saya pun tidak tahu, saya ingin mendapat penjelasan dari pihak Kementerian Pertahanan bahawa dahulu di dalam Dewan yang mulia ini saya ada nyatakan kapal yang kita pesan Frigate daripada negara Eropah iaitu daripada negara British. Saya ingin tahu kedudukannya bagaimana, yang mana projek ini telah tertangguh begitu lama, akan tetapi sehingga sekarang masih lagi saya samar-samar tidak mendapat gambaran yang jelas sama ada kapal ini dapat berfungsi atau berjalan dengan baik kerana beberapa masalah teknikal di dalam kapal tersebut masih lagi saya rasa terdapat gangguan-gangguan tertentu. Dengan hal yang demikian saya mahu pihak Kementerian Pertahanan menjawab soalan ini, dapat menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini apakah kedudukan Kapal Frigate yang kita ambil daripada negara Eropah itu dapat berjalan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak ada apa yang saya ingin bincangkan, saya beri kepada rakan-rakan saya yang ingin berucap. Sekian, terima kasih.

4.37 ptg.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini walaupun rakan saya tadi kata dia akan ambil masa agak lebih. Saya mengucap syukur kepada Tuhan kerana saya berkesempatan diizinkan Tuhan untuk mengambil bahagian dalam perdebatan ini

dalam abad yang baru dan saya bercakap kali ini dalam suasana alaf baru selaras dengan penyampaian oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan semasa dia menyampaikan.

Saya juga mengambil peluang ini untuk mengucap tahniah kepada pihak Urusetia kerana inilah kali pertama saya dapat bercakap semasa video dibuat rakaman dan bila kita di luar kita dapat melihat peranan dan secara visual apa yang diucapkan di dalam Dewan. Saya rasa ini satu pencapaian yang amat baik walaupun tidak begitu *significant*, walaupun tidak disiarkan terus secara langsung saya harap kita sedang menuju ke arah peningkatan.

Insyallah, sampai pada satu masa nanti kita begitu canggih dengan teknologi. ucapan kita sekurang-kurangnya semasa soal jawab dapat disiarkan terus kepada rakyat umumnya sepertimana yang telah pun diamalkan di negara-negara yang lebih maju kerana sekurang-kurangnya rakyat melihat suasana, walaupun sedikit dalam masa sejam, dalam masa sesi bersidang, mendengar dan melihat dengan secara *audio visual* lengkap grafik dan multimediana melihat peranan wakil-wakil rakyat kalau di Dewan Rakyat, dan Ahli-ahli Dewan Negara kalau di Dewan Negara ini. Insyallah saya rasa ini satu permulaan yang baik. Walaupun kita tidak nampak di mana kameranya tetapi kita tahu di mana kameranya.

Saya ingin terus mengatakan ini mungkin permulaan supaya Dewan Rakyat ini sendiri, bangunan Parlimen keseluruhannya patut dipertingkatkan, patut diadakan perancangan meningkatkan lebih lagi kerana kalau sudah kita pindahkan, mengubah sejarah daripada Kuala Lumpur pusat pentadbiran ke Putrajaya, daripada China, Yap Ah Loy kita pergi kepada Mahathir Mohamad di Putrajaya dari segi perancangan dan namanya dan semua kita mengakui kehebatannya dan kebaikannya, saya rasa patut sekurang-kurangnya kita mulakan dengan perancangan untuk membuat ubahsuai kepada bangunan Parlimen ini selaras dengan pembangunan MSC dan Putrajaya, Cyberjaya di sana.

Kita masih ada ruang tanah kosong, kita boleh tukarkan Dewan Negara yang sekarang ini kepada Muzium Khas untuk mengingati semua pejuang-pejuang dan Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Rakyat, umpamanya kerana inilah merakamkan sejarah. Sejarah membawa kita kepada lebih kecemerlangan, sejarah membantu kita untuk memberi pendidikan, pengkhususan, pengalaman dan sehingga ke tahap

kebijaksanaan dan inilah yang selalu diperkatakan oleh rakan-rakan saya yang telah mengambil bahagian sebelum ini.

Jadi, kalaulah dibuat mula perancangan, insya-Allah dalam masa yang ke hadapan, apabila kedudukan ekonomi adalah lebih kuat, kewangan yang ada, saya rasa fasa demi fasa, mulalah dengan mana pun, dapat kita pertingkatkan Parlimen ini dengan kemudahan-kemudahan yang lebih selaras dengan alaf baru, teknologi maklumat, budaya knowledge economy yang selalu kita katakan. Jadi, walaupun semuanya tidak serentak tetapi boleh dibuat secara fasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih khususnya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana dalam penyampaiannya yang begitu baik, saya minta pada dia satu salinan penyampaian dia dan ini memang dalam rekod, dalam catatan, dalam *Hansard*, ada beberapa sesi yang lepas, saya minta menteri yang menyampaikan, diedarkan kertas penyampaiannya itu dan diedarkan. Saya ucap tahniah kerana bukan susah sangat untuk hendak edarkan teks yang dia baca hanya menggunakan teknologi lapuk, photostat machine.

Pada saya, ini amat memberangsangkan kerana response pada permintaan dan oleh kerana kita senang memberi highlight, kita pun mendengar dengan lebih khusyuk tanpa membuat catatan yang sibuk-sibuk. Oleh kerana saya membuat komen ini mengenai Parlimen, terlintas kepada saya, rakan saya di sebelah hujung sana hari itu, komen tentang Dewan ini patut bunyi loceng yang lebih canggih. Saya terpegun juga dengan cadangan itu agak sedap juga cadangan tetapi saya tertanya-tanya, bunyi macam mana yang lebih canggih? Sebab bunyi ini pun adalah satu alat bahasa komunikasi.

Kalau dia lenggang-lenggok dengan tarian asli, mesejnya bukanlah panggil kita, draw attention, dengan izin, Ahli Parlimen, Ahli Dewan Negara untuk masuk dalam. Kalau bunyi sudah macam telefon Nokia dan sebagainya, bunyi muzik macam ala-Arab, ala-Remedian dan sebagainya, dah susah.

Tuan Zainal bin Rampak: Yang Berhormat, boleh bagi laluan pada saya?

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Boleh bagi laluan kepada Yang Berhormat Zainal?

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Boleh.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih Yang Berhormat. Kebiasaannya, loceng biasanya di persidangan mana juga antarabangsa tidak dibunyikan dalam

Dewan. Kita memanggil yang di luar untuk masuk, bukan yang di dalam. Yang di dalam sudah sedia ada. Saya ingat barangkali kalau kita boleh gunakan macam di peringkat antarabangsa, Tuan Yang di-Pertua, biasanya loceng ini disiarkan untuk yang di luar, yang berada di koridor, yang di tepi jalan dia bersembang sana sini dan sebagainya. Itu perlu kita panggil mereka masuk, bukan yang dalam untuk dipanggil kepada yang dalam.

Saya ingat barangkali kita harus ubah walau apa juga tune seperti kata Yang Berhormat tadi, kita boleh gunakan tune lemah-lembut dan sebagainya dengan begitu soft, tidak begitu rigid macam panggil askar ataupun polis masuk berkawal dan sebagainya. Saya ingat lebih baik kalau kita boleh buat perubahan cadangan ini. Loceng memang perlu untuk memanggil yang di luar masuk dan sebagainya. Saya cadangkan supaya kita buat siaran di luar, bukan di dalam Dewan ini. Saya ingat barangkali, saya sendiri pun kadangkala dengar, kalau tidak tutup telinga, almost like mendengar enjin kapal terbang. Terima kasih, Yang Berhormat.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat memang boleh baca pemikiran saya. Agaknya dia ada alat yang khas. Sebenarnya ke arah itulah yang saya hendak sebut. Baik, saya tersetuju benar dengan apa Yang Berhormat Senator Zainal tersebut. Kata elok bunyi di luar tetapi mesej melodinya tidak payah lembut sangat tetapi kalau hendak ubah, ubahlah. Cuma yang saya hendak sebut, oleh kerana yang bercakap itu kalau tidak salah saya seperti mana yang diumumkan dalam akhbar baru-baru. Saya baru balik daripada luar negeri, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya ada hal di luar. Saya baca perlantikan ahli-ahli Kelab Senator. Saya ucap tahniah kepada rakan-rakan yang telah dilantik kepada semua jawatan Cuma sediki saya hendak tegur, dalam proses kita menegur ini cuba tolong ceritakan pada saya tentang adakah kita mengikut kaedah perundangan yang betul, notisnya keluar dengan elok atau tidak, ikut perlembagaan atau tidak supaya perlantikan yang kita buat itu, prosesnya sah dan perlantikan itu sah.

Saya hendak terangkan, ini bukan kerana saya tidak ada di sini, dia orang tidak lantik saya, saya bangkit ini. Memang saya kalau dilantik pun, saya kata terima kasih, saya hendak clearkan ini kerana saya sudah ada tugas di CPA sebagai Deputy Chairman. Jadi, itu untuk hendak membetulkan pada saya, kredibiliti Ahli Dewan Negara agak tercabar kalau sekiranya proses itu tidak betul sebab dalam ini, kita semua hebat. Kita semua memberi teguran kepada bapa menteri dan rakan-rakan lain

di pihak kerajaan patut baik itu dan ini. Jadi, dalam sebutan kita, hendaklah seimbang dengan amalan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 2000 ini....

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Saya minta laluan sedikit Yang Berhormat.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Ya.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Saya kurang jelas apa Yang Berhormat Dato' menyebutkan tadi tentang proses yang barangkali menjadi tanda tanya, kalau dapatlah diterangkan sedikit supaya kita lebih jelas. Terima kasih.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih, saya bergembira untuk bercerita sedikit sahaja secara ringkas. Maksudnya, dalam mana-mana pertubuhan ada registration, ada perundangan dan ada constitution. Ikutlah itu – keluar notis, keluar agenda, prosesnya berjalan dengan betul supaya perlintikannya sah. Yang saya tanya pada pegawai sendiri, “Ha, ini tidak ada, ini senang-senang sahaja, so and so sahaja buat.”. Saya tanya pada Tuan Yang di-Pertua yang ada sekarang dan Tuan Yang di-Pertua lepas.

Jadi, bila saya dengar feedback daripada Tuan Yang di-Pertua sekarang dan Tuan Yang di-Pertua lepas begini, saya agak risau sebab saya juga ahli Kelab Senator Malaysia dan on record, dengan izin, apabila saya mula dilantik hampir tiga tahun dulu, saya amat tertarik, saya baru kenal dengan Kelab Senator Malaysia (KSM) ini, Malaysian Senator's Club. Malah saya hujahkan bahawa ringkasnya MSC. MSC, Multimedia Super Corridor dijual hebat dalam negara oleh Dr. Mahathir. Mari kita perkuatkan MSC.

Mari kita jadi opinion leader dalam negara kita untuk menyampaikan sesuatu, sedangkan yang kita lafazkan di sini ialah menyampaikan opinion. Jadi, pada saya Malaysian Senator's Club (MSC) itu boleh mengambil peranan yang penting. Oleh kerana itu, amat mustahak perlembagaan diikuti dan kesahihannya ada. Saya ingat memadailah penerangan saya begitu. Kalau saya salah, tolong sebutkan. Oleh kerana itu, saya kata dalam suasana kita bercakap, bertegur, rekodnya ada, kita boleh check. Itu sahajalah.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2000 ini amat menarik. Syabas kepada pihak kementerian. Teras strategi Belanjawan 2000 dijelaskan dengan nyata. Ini baik sekali penyampaian. Macam saya tanya pagi tadilah. Saya agak risau diberi penerangan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan begitu detail

sekali yang kita hendak tahu lebih ialah soal-soal strategik dan ke arah mana kita hendak tuju, apa yang kita hendak capai? Prosesnya tidak apa, teknologinya, produksinya dan sebagainya itu tidak apa kemudian.

Jadi, saya amat tertarik bila menekankan umpamanya menjadikan sektor perkhidmatan sebagai pendorong pertumbuhan ekonomi, di samping memantapkan pembangunan sektor pertanian. Pada saya, ini tepat sekali. Services, dengan izin, perkhidmatan, inilah sebenarnya yang diberi pengkhususan. Inilah sebenarnya ada kaitan dengan era baru, alaf baru yang kita cakap dan amat tepat dan semasa kita bercakap tentang sektor perkhidmatan, kita tidak lupa juga kepada sektor pertanian dan pada saya, ini satu teras strategi yang dilafazkan dan yang lebih terbaik.

Satu lagi yang saya ingin highlightkan, sebutkan di sini dengan izin, ialah membangunkan sumber manusia dari sudut kemahiran dan pengetahuan. Ini juga dinyatakan dengan terang dan jelas sebagai teras strategi Belanjawan 2000 dan ini pun pada saya tepat kerana kalau kita sudah meletakkan asas strategi yang tepat, maka segala fokus kita kepada bidang-bidang yang tertentu, maka segala perancangan kita yang berikut adalah mengikut landasan yang baik dan agak senang orang-orang macam kita untuk memahami apa yang disampaikan oleh pihak kementerian.

Lebih-lebih lagi apabila pihak timbalan menteri juga menyatakan dengan detail tentang penggalakan penstrukturan semula korporat. Disebutkan juga tentang memperkukuhkan pasaran modal, lebih-lebih lagi apabila kita bercakap juga tentang pasaran modal yang akan datang ini bertumpukan Islam. Ini baik sekali. Tentang memesatkan lagi industri pelancongan, saya akan komen ini lebih daripada apa yang kita bercakap pagi ini, tentang peningkatan kesejahteraan rakyat itu akhirnya. Pada saya penyampaian ini amat baik dan menepati hasrat dan cita-cita rakyat kerana dalam bahasa apa pun kita bercakap, dalam angka apa pun yang kita hujahkan tetapi akhirnya kesejahteraan rakyat yang hendak kita beri keutamaan. Alhamdulillah, syukur kepada Tuhan tentang perkara ini.

Tuan Yang diPertua, tadi saya menyebut inilah kali pertama saya bercakap dalam perbahasan dalam abad yang ke-21. Saya ingin mengambil sempena ini mendapat berkat daripada Allah S.W.T. untuk membaca ayat surah Al-'Alaq. [*Membaca beberapa potong ayat Al-Quran*] untuk catatan video, kita boleh tunjuk inilah yang saya sediakan dalam kertas yang senang untuk saya lihat kerana kalau dalam masa penyampaian di tempat lain, kita boleh guna Power Point teknologi

multimedia tetapi kalau dalam bentuk dalam suasana Dewan, kita boleh guna fail ini untuk membantu kita untuk menyampaikan dan mengingatkan kita apa yang kita hendak sampaikan.

Saya bacakan surah ini kerana amat tepat dengan suasana k-ekonomi yang kita bercakap ini. K-ekonomi, knowledge economy, ekonomi yang berlandaskan ilmu. Apa ertinya surah Al-Alaq ini. Kita umum mengetahui dan saya ingin mengatakan, baca begini maksudnya: *'Bacalah wahai Muhammad dengan nama Tuhanmu yang menciptakan sekalian makhluk. Dia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah dan Tuhanmu yang Maha Pemurah yang mengajarkan manusia melalui pena dan tulisan...'* Pen yang kita ada ini. "...dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya".

Maksudnya ialah awa-awal lagi ayat pertama diturunkan oleh Allah S.W.T ialah mengajak umat manusia untuk belajar, untuk mendapat ilmu pengetahuan apa yang tidak diketahuinya untuk menggunakan pena dan tulisan untuk mendapat ilmu. Nabi Muhamad S.A.W juga mengajak kita untuk menuntut ilmu dari sejak kita diberanakkan sampai ke liang lahad. Pada saya kebangkitan, kedatangan alaf baru abad 21 ini sebenarnya adalah satu petanda baik untuk umat Islam khususnya dan seluruh umat manusia kerana akal fikiran yang diberikan oleh Tuhan dapat kita pergunakan semaksima mungkin untuk bermanfaat dalam ekonomi yang kita katakan ekonomi berdasarkan ilmu.

Saya tertarik bila saya membaca kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai perkara ini mengatakan bahawa kerajaan telah melantik ISIS untuk membuat kajian dengan harapan untuk menyediakan draf pelan induk untuk k-ekonomi dan seterusnya saya mengucapkan tahniah pada Yang Berhormat, Yang Berbahagia Tan Sri Nordin Saufi kerana membuat pengumuman berikutnya menyatakan bahawa beliau akan melibatkan lebih ramai masyarakat, bidang-bidang perkumpulan yang lain untuk memahami dalam bidang ini. Beberapa seminar telah disebutkan, 20 atau 30 seminar untuk menjelajah ke seluruh negeri, katanya untuk mendapatkan feedback.

Saya ucap tahniah kerana ini satu langkah yang baik sekali kerana langkah ini sebenarnya menunjukkan bahawa kerajaan bersedia untuk membuka semuanya dan mendapat maklumat feedback, maklum balas daripada masyarakat dan pendekatan ini adalah pendekatan yang saya ingin ungkap, satu yang saya dapat daripada Internet

yang saya amat tertarik katanya begini, lebih kurang, dengan izin, Tell me and I forget, beritahu saya, saya lupa, show me, macam saya tunjuk tadi 'and I forget', tell me and I forget, show me and I remember, minta maaf, tunjuk pada saya dan saya ingat tapi akhirnya involve me and I understand, libatkan saya dan saya faham.

Point saya ialah yang saya tekankan, kalau kita ingin memberi masyarakat faham langkah untuk menganjurkan seminar, workshop dan begini adalah baik kerana ini langkah untuk getting involve dengan izin, seluruh masyarakat. Cuma mungkin saya boleh tolong buat cadangan sedikit walaupun baik untuk dibaikkan lagi, sebab dalam satu seminar yang telah pun dibuat pertama, saya baca: hendaklah pihak ISIS umpamanya menyatakan dahulu, buat statement dahulu apakah yang dia faham, dia nak orang faham tentang k-ekonomi ini dan apa dia yang sebenarnya rangka-rangka, benda-benda yang dia nak fikir, yang dia nak dapat maklum balas ini sebab kalau kita hanya sebut k-ekonomi dan minta maklum balas, maklum balas ini ada banyak caranya. Samalah dengan umpamanya pagi tadi saya bagi contoh terkini kalau kita bercakap tentang pembangunan teater dan seni, umpamanya kita boleh mengambil jalan untuk bercakap dari segi teknikal, dari segi teknologi, dari segi produksi tapi itu yang 'hardware' nya dengan izin. Mungkin saya lebih ingin pada pendekatan selain daripada itu untuk mencukupkan balance nya dari segi content nya dengan izin, dari segi isinya yang sebenar, dari segi penulisan skripnya dan dari segi message yang nak kita dapat supaya selain daripada ada nilai entertainment dengan izin, nilai hiburan ada juga nilai pendidikan dalam setiap drama yang kita persembahkan dan benda ini macam yang kita tahu mesti dirancang, kalau tidak ada perancangan kita tak akan dapat capai target ataupun misi kita yang kita sebut itu.

Oleh kerana itu untuk lebih memanfaatkan lagi supaya masyarakat lebih faham apa yang dia kehendaki oleh ISIS, supaya masyarakat lebih bersedia untuk membuat contribution dengan izin, kepada usaha-usaha 20 atau 30 workshop, seminar dan sebagainya yang nak diadakan di seluruh negara ini. Jadi itu pada saya pendekatan yang agak baik kalau tidak pun umumkan dalam paper, keluarkan booklet ataupun keluarkan tiap-tiap hari dalam seminggu untuk dasar pokoknya supaya dapat dijadikan bahan untuk kita komen kalau tidak, ia hanya..., boleh tapi feedbacknya mungkin tidak begitu mengikut sasaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan kerana dalam usaha setimpal, complimentary effort juga diwujudkan think

tank, kumpulan pemikir yang mana disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Inipun pada saya amat baik dan saya juga difahamkan mengikut akhbar akan juga melibatkan sektor-sektor tertentu untuk mendapat maklum balas dan saya percaya ini lebih mirip kepada persediaan belanjawan yang akan datang, sebab belanjawan akhir yang 2001 ini mungkin akan disampaikan dalam bulan Oktober dan oleh kerana itu persediaan yang agak cepat hendaklah dipersediakan sekarang supaya sedia untuk dimasukkan ke dalam Belanjawan 2001.

Inilah maksud saya kalau ISIS mendapatkan feedback dan think tank oleh Kementerian Kewangan untuk menyediakan belanjawan, kalaulah proses mendapat maklum balas daripada ISIS ini berlaku setimpal dengan yang dijalankan oleh pihak Kementerian Kewangan mungkin di antara maklum balas yang dapat disediakan, yang dapat diperolehi oleh ISIS akan juga dapat dimanfaatkan oleh pihak Kementerian Kewangan. Saya harap pihak kementerian akan mengambil berat tentang perkara ini kerana inilah peluangnya kita melibatkan ramai rakyat untuk terlibat dalam perancangan perkara-perkara yang besar malah saya teringat sekarang ini dalam akhbar Melayu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri kata kali ini kita hendakkan petani, buruh, pekerja kilang, pengurus di pejabat swasta, pegawai kerajaan, guru-guru dan sebagainya semuanya hendak dilibatkan dengan masalah ekonomi ini kerana kalau dah kita faham, faham betul barulah kita sebagai ibu bapa boleh memainkan peranan kita masing-masing untuk mengambil bahagian, kalau tidak, dalam dunia yang bergerak begitu pantas bukan lagi seperti dahulu, kita akan ketinggalan dan cita-cita kita untuk melanjutkan kecemerlangan kita yang telah pun kita tunjuk dalam masa-masa yang lepas tidak akan dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, kalau tadi saya bercakap tentang perlunya kita menentukan program-program yang kita ada itu berkesan dan orang faham tidak gunanya kita buat sesuatu hanya sekadar syok sendiri, sekadar kita suka, sekadar kalau saya ambil teater, sekadar penulis teater - saya tidak mahu sebut yang mana, syok sendiri sebab yang impiannya itu dapat diterjemahkan dalam bentuk pentas drama. Tetapi entah apa mesej, wallahualam, elok setakat melihat dalam masa dua setengah jam. Dalam bidang ini pada saya masyarakat patut didedahkan untuk mengetahui umpamanya yang disebutkan ilmu itu di mana datangnya, apa dia ilmu ini, kalau kita hendak kajikan.

Saya ada satu formula ringkas mengikut kajian yang saya buat, yang saya percaya senang ingat dan saya ambil ini daripada hasil bacaan saya dan saya rasa ini praktikal dan saya cuba bercakap dalam kumpulan-kumpulan kampung, setinggan dan sebagainya nampaknya mereka faham. Jadi, oleh kerana saya ada *small pilot project*, dengan izin, test ini saya patut *share*, dengan izin, berkongsi sedikit pengalaman dan maklumat ini dengan rakan-rakan Ahli-ahli Dewan Negara dan insya -Allah, kalau dapat dipanjang-panjangkan. Formula saya menyebut “dikau dot w”, ini ala ICT, “dikau dot w”. Apa dia “dikau dot w”? Kita semua, Malaysia hendak maju dengan wawasan. Kita kata, “dikau wawasan”. Bagaimana eja “dikau”? Eja “dikau” ialah “d-i-k-a-u” - “dikau dot w ” dot itu jangan bimbang itu dot com, itu stailnya, itu canggih, okay. “W”nya - wawasan. “Dikau” apa dia “dikau”? ‘D’ is data, ‘i’ - information, ‘k’ - knowledge, ‘a’ - application, ‘u’ - understanding. Kalau sudah banyak data, bermilion dalam bilik dunia ini tetapi kalau tidak disusun dengan baik, tidak ada relevannya, itu tidak menjadi maklumat, tidak menjadi information. Ini orang kita mesti tahu, ibu bapa mesti tahu supaya dapat dengan bahasanya, dengan caranya memberitahu kepada masyarakat yang dipimpinya di mana sahaja, PIBG sekolahkah, siapakah? Kalau tidak, kadang-kadang kita dengar orang bercakap, dia pun tidak faham benar tetapi oleh kerana stail, dia hendak sebut juga, ini yang kadang-kadang bahaya dan oleh kerana itu[Disampuk].

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Minta laluan Yang Berhormat Datuk. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar tadi Yang Berhormat Datuk Ghazi mengungkapkan beberapa pendapat beliau sendiri, kajian dan beberapa pandangan beliau terhadap - beberapa kali juga disebut tentang perancangan dan pelaksanaan. Saya teringat baru pagi tadi kita bercakap terutama dibentangkan oleh Yang Berhormat Dato’ Abdul Aziz tentang beberapa perkara dari segi Kementerian Pendidikan. Kita tahu Kementerian Pendidikan adalah satu kementerian yang begitu besar tugas dan tanggungjawab dan telah melaksanakan banyak perkara untuk kemajuan anak-anak bangsa kita. Tetapi masih lagi kita dapati masalah-masalah pelajar di sekolah rendah, dari segi gurunya, isu-isu di pusat pengajian tinggi dan kita juga tahu bahawa masalah pendidikan ini melibatkan bukan sahaja guru Kementerian Pendidikan bahkan juga ibu bapa dan masyarakat setempat.

Yang Berhormat Datuk tadi ada menyebutkan masalah kefahaman, kefahaman ibu bapa, kefahaman masyarakat setempat dengan misi yang hendak dibawa oleh

Kementerian Pendidikan ini ke arah masa hadapan. Di mana letaknya barangkali kesilapan ini? Adakah misinya tidak sampai sehingga kita nampakkan sekarang ini masalah yang sudah timbul lebih teruk lagi gangsterism, ponteng dan pelbagai lagi masalah yang timbul di sekolah sehinggakan Kementerian Pendidikan terpaksa reverse, sepatutnya ia ke hadapan? Jadi, kita simpati dengan Kementerian Pendidikan dan kita tahu juga guru sekarang ini dibebankan dengan pelbagai masalah-masalah sehingga akhir-akhirnya ia hendak beri kuasa pulih pula dengan cikgu. Jadi, ini kita minta barangkali Yang Berhormat Datuk boleh elaborate sedikit di mana barangkali ada kelemahan-kelemahan dapat membantu kita semua. Terima kasih.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat yang mencelah dan memberi pandangan yang begitu baik dan tepat. Saya sebenarnya tidak bercadang untuk mengupas bab pendidikan dengan banyak sebab saya ada tajuk pendidikan saya sendiri. Tetapi saya akan respond sedikit sekadar memberi fokus kepada isu dan soalan yang ditanya. Salah atau tidak, dengan penuh rendah diri, saya mengatakan mungkin dua perkara pokok yang menyebabkan permasalahan Yang Berhormat sebut tadi.

Satunya ialah mungkin saya *qualify*, dengan izin, di peringkat Kementerian Pendidikan terdapat terlalu banyak program-program baru yang diperkenalkan dengan begitu cepat dan sebelum sesuatu dapat "*settle on the ground*", dengan izin, datang pula sesuatu baru yang lain. Jadi, bayangkan dari segi situasi di bawah pentadbiran oleh guru besar, di "support", disokong oleh guru-guru itu *relatively fixed*, dengan izin. Jadi, mungkin ini menyebabkan satu.....jadi, tidak terkawal, itu hendak buat, ini hendak buat dan sebagainya. So, mungkin mesej di sini ialah kalau sudah kita buat satu pembaharuan, marilah bersama-sama kita tentukan.

Yang keduanya ialah perancangan strategi pelaksanaan itu barulah ada pemantauan yang betul dan tidaklah terlalu amat banyak sehingga tidak terkawal dan *cannot manage*.

Saya ingat itu sahajalah secara spontan sama ada betul atau tidak kita boleh berkongsi pendapat. Tetapi saya rasa kalau benda selalu berubah tetapi ada perancangan pun sekejap bertukar dan kalau tidak, pemantauan sistem pun ada tetapi tidak boleh dapat maklum balas dan tidak terkawal. Jadi, dalam keadaan itu kita kena *manage think better*. Malah cabaran dalam perkara ini kalau saya bercakap tentang perkara maklumat sahaja untuk kita *manage*, dengan izin, hendak mengurus

maklumat dalam Kementerian Pendidikan sahaja pun sudah, masya-Allah, tidak tahu kita di mana kadang-kadang. Jadi, mungkin dengan kecanggihan teknologi ICT dan sebagainya, insya-Allah, akan dapat kita pada tahap yang lebih tinggi. Saya tidak habis tadi. Ya?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, saya minta sedikit laluan untuk menanya Yang Berhormat Datuk Ghazi sama ada lebih sesuai mungkin akronim “dikau” ditukar kepada “dua ki” atas alasan dua bagi kita, kita semua faham apa “dua” dan “ki” itu ringkasan untuk “kaki” so, itu menunjukkan kalau kita berdiri di atas dua kaki kita teguh dan kita bolehlah berdikari, kita boleh mencapai hasrat-hasrat itu. So, saya hendak tanya sama ada Yang Berhormat itu boleh menimbang sama ada kerana “dikau” itu mungkin tidak ada apa yang begitu khaslah. So, bagi akronim mungkin satu yang lebih sesuai boleh menyampaikan hasrat kita dengan lebih senang. Terima kasih.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih pada pandangan yang diberi oleh Yang Berhormat tadi. Saya kira bolehlah kalau kita hendak fikirkan yang mana satu lebih sesuai. Tetapi kalau tanya saya, saya masih berminat dengan “dikau dot w” sebab dalam “dikau dot w” pertamanya saya kata “dikau wawasanku” saya boleh juga kata, “dikau wargaku”, saya boleh juga kata, “dikau wanitaku” umpamanya. So, the “w” *can mean*, dengan izin, apa-apa sahaja. Tetapi boleh, saya ingat bolehlah itu. Cuma “kau di” apa kata tadi?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: “Dua ki”.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: “Dua ki”. “Ki” ini kunci tetapi “ki” bunyi hujung pelik sedikit. [*Ketawa*] Tidak apalah itu pendapat sayalah, minta maaf.

Tetapi boleh dipertimbangkan kerana sekurang-kurangnya boleh saya lafazkan di sini, saya hendak stamp pattern right intellectual property ‘dikau.w’ adalah related dengan apa yang saya bercakap pada hari ini. Saya hendak sebut kalau data bertambah kalau relevannya ada, jadi information, maklumat. Maklumat itu kalau kita campur dengan pengalaman yang kita hendak kata ini kita dapatlah ilmu. Saya ada mesej yang hendak saya sampaikan. Kalau maklumat itu dengan pengalaman kita simpulkan dengan elok bermakna dijadikan ilmu. Tetapi ilmu sahaja kalau tidak kita faham dengan betul, kalau tidak kita pergunakan dengan ilmu itu, tidak guna juga. Oleh kerana itulah bila kita pergunakan ilmu yang kita ada, kita faham betul-betul dan

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Naw: *[Bangun]*

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih. Terima kasih saya bawa minat hari ini. Jadi saya pun bercakap releks sikitlah, boleh berhenti banyak terima kasih.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Naw: Minta laluan sikitlah. Saya ingin mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' kerana 'duaki' dan apa sebagainya tadi adalah merupakan singkatan perkataan. Saya risau kita terajak-ajak bila kita ke alam Internet, alam IT ini. Kita nanti terajak-ajak kepada seolah-olah di negara jiran, saudara kita di sebelah Indonesia. Berbagai perkataan yang panjang dipendekkan, ayat-ayat yang panjang disingkatkan hinggalah-te-ka-ie (TKI). Saya sampai di sana, dia kita, 'Pak, apa bisa kita masukkan te-ka-ie' ke negara bapak?' Saya menung apa benda 'te-ka-ie', apa benda Allah. Rupanya tenaga kerja Indonesia. Jadi 'te-ka-ie' (TKI). Jadi 'duaki' ini esok saya risau tengok anak-anak kita esok 'maan' kata dia bagi makan. Jadi saya rasa dalam era IT ini sungguh kita meningkatkan perkataan-perkataan yang ada, kita harus mengkaji daripada nilai bahasa kita. Jangan terlalu meningkatkan perkataan hingga merubah struktur bahasa kita di dalam negara.

Saya risau macam sana di Indonesia itu 'kanpesus' apa semua. Semua dari perkataan yang panjang tetapi dipendekkannya. Kadang-kadang dia ada macam satu personal code. Dia kata menggunakan huruf yang pendek sangat agar maknanya panjang sekali macam katakan Jabatan Tenaga Buruh. Dia singkatnya..., saya lupa sudah, tetapi ada satu perkataan yang agak macam sukar kita sebut di sinilah. Jadi kita harus mengkaji balik, apakah kesingkatan bahasa di dalam IT ini perlu dibuat terus tanpa kajian atau kita kaji. Sekian terima kasih.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih banyak Tuan Yang diPertua. Itu pandangan yang baik. Cuma saya ingin respond spontan. Saya ingat amat mustahak. Terima kasih kerana bangkitkan isu ini saya boleh tekan satu point yang lain.

Dalam serba bidang termasuk juga bidang agama Islam kita hendaklah membuat sesuatu dengan kesederhanaan. Jangan over do it. Jangan over. Kalau hendak berlakon pun jangan over. Kalau hendak bercakap pun jangan over, dengan izin. Jadi pada saya, saya masih pertahankan bahawa kalau kita hendak bagi rakyat, masyarakat faham pakai sikit-sikit 'dikau..w' ini bagus. Kalau kita ambil..., masa saya kanak-kanak kecil tidak berapa lama dahulu di Kedah, dia panggil basikal. Bahasa Kedah sebenarnya 'gerek'. Mana datang 'gerek' wallahualam. Tetapi bahasa

Kedah kata 'gerek'. Tetapi lepas itu bila kita besar tukar basikal. Di mana datangnya basikal. Basikal datangnya dari bicycle, Bahasa Inggeris. Tetapi bila Bahasa Inggeris dilatih tubi digunakan berjuta kali kita menerima itu sebagai ungkapan yang biasa. Tidak siapa persoalkan 'basikal' itu di mana datang.

Insyallah abad 21 saya bercakap pertama dalam Dewan ini, insyallah kita dapat menanam satu benih '.com' pada masyarakat Malaysia, masyarakat majmuk, masyarakat Melayu khususnya dan masyarakat Malaysia tahu 'dikau'. Dikau ini awaklah. Dikau tetapi bahasa sedap, dikau. Bahasa pun lembut sedikit. Itu sahajalah. Jadi saya kata boleh kalau hendak kaji pun bolehlah, kalau hendak dijadikan sebagai rasmi oleh mana-mana kementerian boleh tetapi kadang-kadang bahasa ini kalau digunakan selalu oleh masyarakat, masyarakat menerimanya sebagai sesuatu yang dia faham. Yang mustahaknya kena faham, understanding. Itu mustahak.

Baiklah, saya hendak pergi kepada ilmu yang saya sebut tentang kena faham, kena apply ini, kena amalkan. Akhirnya 'w' yang saya simpan tidak bercakap. W sebenarnya ialah Bahasa Inggeris, is wisdom. Kalau sudah kita dapat kumpulkan semua ilmu menggunakan dengan penuh kefahaman dan diamalkan dengan baik barulah dapat kebijaksanaan. K- saya tidak kata 'dikau.k'. Tidak syok. Kalau tanya kenapa? Sahajalah 'dikau.w' sedaplah sikit. Jadi 'w' itu wisdom. Jadi kita ini sebagai seorang individu, insan dalam budget pun, dalam belanjawan pun sebut pembangunan insan. Tidak payah pakai bahasa yang panjang-panjang tentang pembangunan insan kalau bahasa ringkasnya kita hendak bangun insan supaya insan dilahirkan didedah dengan penuh data yang dapat maklumat dan kemudian dia mendapat ilmu dan ilmu ini dia faham, digunakan sehingga pada tahap dia mendapat tahap tertinggi iaitu kebijaksanaan. Kalau sudah dapat kebijaksanaan itulah kita kena share pula kebijaksanaan itu, ilmu itu dengan rakan-rakan kita dalam keluarga, dalam masyarakat, masyarakat yang kita pimpin, kumpulan yang kita pimpin dan sebagainya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua kita telah dedahkan, mengajak masyarakat berfikir. Masyarakat kena berfikir. Macamlah baru-baru ini saya tertarik membaca komen. Saya baca ini komen-komen dalam paper tentang laporan gambar yang terakhir oleh pengarah yang saya hormati juga, Shuhaimi Baba. Dulu *Ringgit Kasorga* dan sebagainya dan yang terakhir ini *Mimpi Moon*.

Kata seorang pengkritik, kali ini Shuhaimi Baba sedang meraba-raba. Dia tidak tahu di mana. Yang dahulu *Ringgit Kasorga* bagus. *Layar Lara* bagus. Menunjukkan dunia seni juga ada kekuatan intelek untuk memikirkan sesuatu. Oleh kerana itulah pengarah, penulis skrip, Shuhaimi Baba mendapat pengiktirafan di dunia. Tetapi kali ini beliau mencuba dengan agak yang berlainan. Kemudian hari ini ada orang lain komen jawab. Saya tertarik dengan komen ini. Dia kata, “Ah, itulah awak yang komen ini. Awak ini (minta maafah paper pun sebut jadi saya pun hendak sebut juga), awak ini jenis suka tengok filem yang dibuat oleh Yusof Haslam. Kerana tengok filem Yusof Haslam tidak payah fikir. Dia bagi tahu macam kita ini budak-budak mentah macam kindergarten. Semua dia bagi tahu” Tidak ada lagi ruang untuk kita hendak berfikir sedangkan Mimpi Moon sebagai contoh, saya sudah tengok, I know what I’m talking about, dengan izin. Ertinya memberi ruang untuk kita fikir sedikit.

Oleh kerana itu bila kita tengok filem Barat yang hebat, yang tinggi adalah kebolehan dan peluang untuk kita berfikir. Jadi point saya di sini ialah apa sahaja, bidang mana pun filemkah, dramakah, seni tarikh, apakah kalau boleh kita selitkan peluang, opportunity dengan izin untuk rakyat berfikir, itu baik. Kerana kita mengajak rakyat berfikir untuk melihat yang baik dan yang buruk. Itulah juga diminta oleh Tuhan. Itulah juga di antara nilai murni yang baru kita perkenalkan dalam kerajaan pun di antara nilai murni mestilah kita boleh mempunyai kemahiran berfikir, membezakan di antara yang baik dan yang tidak baik. Inilah juga yang kita katakan generasi muda pun hendak kita ajak berfikir. Bukan hanya hendak suapkan dia dengan maklumat terkini tanpa meminta dia berfikir kerana masyarakat sekarang ialah masyarakat berfikir yang pada saya two sides of the coins, dengan izin.

Masyarakat berilmu mesti ada kekuatan berfikir. Kalau tidak tidak boleh. Macam satu coin ini ada yang kepala ada yang ada tulisan duit. Ini pada saya barulah lengkap dari segi penyediaan kita kepada masyarakat. Dan pemimpin masyarakat mesti clear. Pilot yang hendak bawa kapal terbang kita terbang, kita melihat hanya angkasa luas tetapi destinasiya kita hanya tahu MH03 pergi ke London. Itu sahaja. Kita yakin pada pilot. Harapnya turunlah di London, Heathrow Airport . Jadi pemimpin ini kena ada wawasan, kena ada misinya kena ada perancangannya, kena ada strategi untuk mengimplementasikan perancangan itu.

Inilah maksud saya revelannya dari segi dunia teater, pun kena ada. Saya akan kupas dengan panjang lebar tetapi saya masih refer pada itu kerana itu adalah perfect example dengan izin, contoh terbaik untuk saya menunjukkan tentang pengkhususan kita dalam sesuatu bidang. Lebih-lebih lagi yang susah dalam bidang seni. Kerana bidang seni maklumlah seni agak abstrak dan susah hendak kita tekankan yang mana betul, yang mana yang salah. Oleh kerana itu any phase of art dengan izin, adalah baik terpulang kepada orang yang memberi interpretasinya. Tetapi kadang-kadang interpretasi apa pun orang berkenan, tengok suka. Ini saya punya favourite dengan izin, contoh kehebatan filem *Titanic* umpamanya, melambangkan kekuatan pemikiran dalam menulis cerita, mengolah daripada cerita asal. Cerita asal hanya kapal karam, cerita yang diubah dan dipanjang-panjangkan dan dijadikan sebagai satu filem adalah menggunakan kekuatan aktiviti akal fikiran, fikir dan satu lagi menggunakan teknologi tercanggih, oleh kerana itu berbilion ringgit ia dapat.

Inilah maksud saya kalau kita membuat perancangan dan strategi yang baik menggunakan segala akal fikiran dan kemudahan yang kita ada, kita akan dapat mencapai ke tahap itu. Itulah maksud saya.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak bawa

Tuan Haji Gapar bin Garrohu: Minta lalun sedikit. Saya nampak Yang Berhormat Dato' Ghazi ini minat betul dengan seni teater. Saya teringat satu ungkapan Shakespeare menyatakan dunia ini adalah pentas dan kita semua adalah pelakon-pelakonnya. Cuma Shakespeare tidak menyambung bahawa pelakon di pentas bila tutup tirai, habislah cerita. Sedangkan manusia ada pertanggungjawaban selepas pentas di dunia ini. Jadi aapa yang Dato' cerita tadi tentang perancangan dan sebagainya, apa hubung kait pula nanti di akhirnya, ke arah mana yang kita hendak tuju tadi.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, maksudnya dalam bidang apa itu, saya hendak tahu apa bidang itu? General, any bidang?

Tuan Haji Gapar bin Garrohu: Dalam bidang masing-masing.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Okay, okay, dapat 'q' itu okay. Tuan Yang di-Pertua, saya bersetujulah dengan ungkapan Shakespeare dunia the world is the stage dengan izin. Memang saya hendak lanjutkan sedikit interpretasi dan takrif itu. Ada kaitannya dengan perancangan wawasan, misi perancangan yang saya sebut

kerana kita hendak menjadikan dalam konteks belanjawan pun kita hendak membangunkan insan yang kamil, insan yang memahami 'dikaucom', insan yang boleh mencapai tahap kebijaksanaan yang lengkap yang mendapat ilmu yang boleh digunakan, itu kita hendak. Jadi yang the world is the stage Tuan Yang diPertua, yang dunia jadi pentas ini, kita jadi pelakon ini di mana skripnya. Dalam dunia teater, kalau stage sudah ada, pentas sudah ada, pelakon sudah ada, skrip kena ada, di mana skripnya, skrip pada individu. Skrip kita ialah perancangan yang kita sendiri buat untuk hidup kita. Itu skrip kita.

Oleh kerana itu kalau dalam teater kita hendak skrip yang baik, penulisan skrip yang baik oleh kerana itu insan pun hendaklah tulis skrip diri dia, pemimpin pun tulis skrip dia jadi pemimpin, dengan baik, supaya dia dapat laksanakan skrip itu dengan baik. Ini pertalian di antara quotation Shakespeare dengan apa yang saya hujahkan. Saya ingat memadai setakat itu.

Yang saya hendak kaitkan dengan perkara-perkara ini ialah akhirnya kita hendak mewujudkan seorang yang berpengetahuan, seorang yang berpengetahuan ini tidak semestinya orang yang pergi ke universiti dan dapat degree. Ini saya punya conclusion yang saya harap dapat saya hendak tamatkan untuk hari ini. Kita banyak tadi bercakap tentang graduan menganggur. Kita banyak bercakap, saya dengar Ahli Yang Berhormat juga bercakap, kena cemerlang dalam peperiksaan, kena bistari dan sebagainya.

Baik, sekolah bestari kena buat, mutunya mesti tinggi. Pemantauannya kena baik, supaya hasilnya baik. Betul, tetapi saya ingin nyatakan, saya bercakap sebagai mewakili masyarakat majmuk, orang biasa. Orang biasa ini kalau bercakap sangat tentang bab yang canggih-canggih, tidak faham dia. Dia kata itu dunia awak, awak bolehlah bercakap macam itu. Saya duduk setinggalan ini, rumah begini-begini, apalah yang saya faham tentang IT lah, tentang hendak belajar dapat degree itulah, manalah saya faham. Saya tidak faham. Jadi kalau hendak faham balik, kena bercakap bahasa dia baru dia faham, baru ada makna kepada dia. Baru ada kebaikan, baru ada kebajikan, manfaat, benefit itu dia rasa. Jadi saya hendak katakan, saya hendak anjurkan ialah pemimpin masyarakat termasuk bapak Menteri, termasuk Kementerian Pendidikan sendiri kena ada balance approach dalam mempromosikan tentang knowledge society ini. Apa dia balance approach, kita hendak dapat

knowledge? Yes! Tetapi jangan kata, tekan hanya daripada sekolah, kolej universiti dan sebagainya.

Katakanlah bahawa two prong attached dengan izin, katakan ilmu itu boleh juga diperolehi walau pun tidak pergi ke bumbung sekolah, kolej dan universiti. Di mana dapatnya? Dapatnya adalah dari segi amalan harian. Dapatnya adalah daripada pentas dunia yang kita ada, dapatnya adalah daripada skrip yang kita tolong tulis bagi pada ahli masyarakat kita. Apa skripnya, skripnya ialah, wahai bapa, wahai ibu, wahai anak, wahai adik, kakak saudara saudari yang tidak pergi sekolah tidak pergi kolej, tidak pergi universiti tidak apa, yang mustahak kena betulkan niat. Nawaitu kena betul. Mari kita belajar secara formal dan secara tidak formal, yang tadi secara formal. Yang tidak formal ini kelas-kelas ilmu, program-program ilmu, bila ada seminar, convention, workshop, bengkel, wacana dan sebagainya, intellectual discourse apa lagi dengan izin, hadir dengan confident dan hati yang terbuka dan pemimpin yang menganjurkan pula berilah dia certificate yang elok, setanding dengan certificate yang dia dapat dengan ijazah daripada universiti tadi.

Kita hendak tentukan yang masyarakat Malaysia, semua ingin belajar seperti kanak-kanak, back to basic, ini saya punya punch light. Kita mesti jalankan satu kempen raksasa untuk menyedarkan masyarakat keseluruhannya bahawa ilmu itu boleh dapat di mana-mana. Bila saya berjumpa dengan hamba Allah bernama Airin, umpamanya ataupun Ahmad atau Ah Kow asalkan ada mata bertentang mata, lidah mengeluarkan kata, sudah ada proses pembelajaran di antara saya dengan Ah Kow ataupun Ahmad. Ahmad juga akan belajar daripada saya dan saya juga akan belajar daripada Ahmad tanpa mengira siapa pangkat, darjat sama ada dia darjat tinggi atau darjat rendah, sama ada kelas dia tinggi atau kelas menengah, sama ada dia tinggal di setingan atau di Bukit Damansara, sama ada di kampung hulu, di Lana Bulu di Kedah ataupun di kota tinggi Cyber Jaya yang indah dan berteknologi tinggi. Ini yang saya hendak tekankan.

Datuk Joseph Balan Seling: Tuan Yang di-Pertua, tolong minta laluan sedikit. Saya ada satu teori, minta informasi 'dikau.com' tadi, daripada kita ikut pesawat terbang yang terbang horizontal dari sini ke London mungkin 14-16 jam, saya cadangkan mahu terbang ke atas 50 batu keluar daripada graviti, tunggu di sana, bumi berputar bila London sampai di bawah, saya turun adakah teknologi saya ini akan berjaya mengikut 'dikaucom' [Ketawa]

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah saya bersyukur kepada Tuhan, kepada hari ini sekurang-kurangnya saya berjaya menggerakkan minat Ahli-ahli Dewan Negara untuk bersama-sama saya berinteraksi dalam bertukar fikiran, proses bertukar ilmu sudah berlaku, syukur kehadiran Allah S.W.T. terima kasih, tetapi saya masih tidak faham soalan itu. *[Ketawa]*

Dato' Michael Chen Wing Sum: Yang Berhormat, saya rasa masa sudah cukup, boleh sambung besok.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih.

Dato' Michael Chen Wing Sum: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ini ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

LAMPIRAN

24 April 2000

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman,
D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Dilantik)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,
Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
(Dilantik)
- “ Menteri Pendidikan,
Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N.,
D.P.C.M. (Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan,
Datuk Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)

- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- “ Dato’ Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dr. Charlie Chau-Lap Chang (Dilantik)
- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
- “ Puan Chia Chui Ket (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- “ Datuk Christina Lorline Tibok @ Christine Vanhouten (Sabah)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Datuk Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P. (Selangor)

Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)

- “ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- “ Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Datuk Haji Karim bin Ghani (Sabah)
- “ Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)

- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mazlan bin Abu (Johor)
- “ Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
- “ Dato’ Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
- “ Tuan Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)
- “ Dato’ Poo Yew Choy, D.I.M.P., A.M.P. (Pahang)
- “ Puan Hajah Puizah @ Faezah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
- “ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)

- “ Puan See Too Mee (Johor)
- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor (Dilantik)
- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datuk Tee Thiong Hock, D.S.S.A., S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara:

Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha:

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha:

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Khairul Azila binti Haji Khairuddin

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Mashitah binti Kamaruddin

Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub

Haji Latif bin Ismail

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH**PENGGAL KEDUA****MESYUARAT PERTAMA**

Jilid II**Bil. 7****Rabu****26 April 2000**

K A N D U N G A N

| | |
|---|--------------|
| PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT | (Halaman 1) |
| URUSAN MESYUARAT | (Halaman 2) |
| JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN | (Halaman 2) |
| RANG UNDANG-UNDANG: | |
| Rang Undang-undang Perbekalan 2000 | (Halaman 27) |